


**Jilid IV
Bil. 1**



**Hari Isnin
22hb Mac, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN YANG DIPERTUA:

**Titah Ucapan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 13]**

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 35]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 35]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 36]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 37]

**Merakamkan Parasaan Dukacita di atas Kembalinya ke Rahmatullah
Allahyarham Y.B. Tan Sri Dato (Dr) Syed Nasir bin Ismail dan Ucapan
Takziah kepada Keluarganya [Ruangan 38]**

Jalan-jalan masuk ke Parlimen [Ruangan 95]

Jawatankuasa Pemilih—Perlantikan Ahli-ahli [Ruangan 96]

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong [Ruangan 96]**

KANDUNGANNYA—(samb.)

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 119]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 53]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat DR GAN KONG SENG, P.J.K., (Negeri Sembilan).

- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATO KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ DATUK KHOO KAY POR (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAH LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.
(Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N.
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).
- „ Dato' Yap Peng *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Saleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 22hb Mac, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA

TITAH UCAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

1. Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 8hb Mac, 1982 yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenaan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

Bismillahir-rahmanir-rahim

Segala puji kepada Allah Subhanahu wa ta'ala, selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad Salla'llahu 'alaihi wasallam dan sahabat-sahabat serta keluarganya.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat:

Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu wa ta'ala yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan Sempena

Upacara Perasmian Penggal Keempat Parlimen Kelima pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tahun ini kita menyambut suku-abad yang pertama sebagai negara yang merdeka dan berdaulat. Dalam suku-abad ini, memanglah kita tidak mencapai kejayaan sepenuhnya. Memanglah ada kesilapan, tetapi tiada siapa dapat menafikan bahawa ada banyak yang boleh kita banggakan, yang patut kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala. Dari perjuangan merebut kemerdekaan hingga usaha mengisi dan memberi erti kepada kemerdekaan itu; dari menjamin terhapusnya kemiskinan bagi semua kaum kepada pelancaran rancangan menyeluruh bagi menyusun-semula masyarakat kita untuk mencapai perpaduan; kita mesti melangkah ke suku-abad kedua dengan hasrat dan harapan yang tidak kurang tinggi daripada hasrat dan harapan yang mendorong pemimpin-pemimpin kita dahulu ketika berjuang untuk mencapai kemerdekaan negara ini.

Sebahagian dari hasrat dan harapan itu ialah untuk mengambil tempat kita dalam masyarakat dunia; duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju; bertindak tegas mempertahankan hak-hak dan maruah kita dalam hubungan antarabangsa. Kita mesti lebih berdikari dan lebih produktif. Kita mesti bergerak cergas maju ke hadapan bukan sahaja dari segi kebendaan tetapi juga dari segi rohaniah; bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi dalam semua bidang kehidupan.

Hasrat dan harapan kita bagi masa hadapan tidak mungkin tercapai jika kita sebagai satu bangsa tidak berdisiplin, jika rakyat tidak mempunyai sikap dan nilai

yang wajar terhadap kerja; jika kita mementingkan diri lebih daripada masyarakat; jika kita memikirkan apa yang kita boleh dapat, bukan apa yang kita boleh sumbangkan; jika rakyat kurang azam, pentadbir kurang cekap, pemimpin kurang jujur dan jika berpecah-belah.

Biarlah Beta nyatakan setegas-tegasnya di sini, iaitu Kerajaan Beta berpegang kepada prinsip bahawa Kerajaan mestilah sedar dan berusaha memenuhi hasrat dan harapan rakyat dengan menganuti pentadbiran yang bersih, cekap dan licin. Kerajaan Beta berpegang kepada keyakinan bahawa Kerajaan bukanlah tuan, tetapi alat perkhidmatan kepada rakyat berasaskan demokrasi dan kedaulatan undang-undang.

Semakin majunya sesebuah negara itu, maka semakin bertambah masalah dan cabaran yang dihadapi. Ini adalah perkara biasa kerana kemajuan itu sendiri membuat rakyat lebih sedar tentang faedah-faedah dari kemajuan. Dalam usaha mencapai kemajuan yang lebih bermakna, kerajinan dan ketekunan adalah kunci kejayaan. Malahan ianya merupakan di antara sifat-sifat yang mulai di sisi agama. Bagi Islam, usaha itu ialah sebahagian daripada ibadat. Janganlah hendaknya kita merelakan tanah kita yang subur ini terbiar dan kebun menjadi belukar. Nikmat tidak akan datang tanpa usaha. Sifat rajin dan tekun hendaklah disertai dengan etika kerja yang baik serta perasaan bangga dengan apa jua usaha kita. Sifat-sifat dan sikap ini seharusnya menjadi cara hidup masyarakat Malaysia moden. Dengan itu, kita akan menjadi negara yang dipandang mulia oleh dunia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta telah menggariskan perkara-perkara pokok yang perlu diberi perhatian berat oleh semua lapisan rakyat, jika kita hendak mencapai semua matlamat dasar Kerajaan Beta selaras dengan cita-cita yang terkandung dalam Rukunegara. Beta mempunyai harapan yang tinggi bahawa rakyat Beta akan menyahut seruan ini. Selaras dengan itu, Kerajaan Beta tidak akan lari dari tanggungjawab untuk memenuhi hasrat dan harapan rakyat. Walaupun kita telah

menghadapi berbagai cabaran, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala kerana Kerajaan Beta telah berjaya membawa kemajuan yang pesat kepada rakyat semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Kadar kemiskinan telah berkurangan, proses penyusunan semula hak milik dan guna tenaga telah berlaku dan mutu hidup rakyat telah bertambah baik. Dengan sokongan yang penuh dan usaha yang bersungguh-sungguh oleh rakyat, Kerajaan Beta akan meningkatkan lagi kadar pembangunan dalam semua bidang melalui pelaksanaan dasar, program dan projek untuk memastikan keselamatan dan keadilan sosial.

Kedadaan ekonomi antarabangsa yang telah merosot kerana kemelesetan ekonomi negara-negara maju pada tahun lepas telah memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi negara kita. Namun demikian, syukur Alhamdulillah, negara kita telah mencapai kadar pertumbuhan yang memuaskan meskipun ekonomi kita masih bergantung kepada bahan-bahan utama. Pada tahun 1981, Keluaran Dalam Negara Kasar telah mencapai pertumbuhan yang mengalakkan berbanding dengan pertumbuhan negara-negara lain. Dalam tahun yang sama, permintaan dalam negeri telah meningkat dan menjadi teras kepada pertumbuhan negara kita terus berkembang. Di samping itu, usaha-usaha untuk membendung inflasi pada tahun lalu telah berjaya mencatatkan kadar yang rendah berbanding dengan negara-negara lain.

Dalam usaha-usaha negara ini menuju ke arah matlamat yang dicita-citakan, kita janganlah leka dan berpuashati dengan kemewahan yang telah tercapai oleh negara. Seluruh masyarakat hendaklah lebih berhati-hati supaya dapat menggunakan segala sumber pengeluaran untuk mendapat faedah yang maksima. Satu perkara yang sangat menggalakkan ialah sambutan kaum Bumiputra terhadap Skim Amanah Saham Nasional. Beta berharap supaya lebih ramai lagi Bumiputra akan melabur dalam skim ini.

Dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar, projek-projek bersepadu yang melibatkan bukan sahaja sektor pertanian tetapi juga sektor perindustrian dan sektor sosial serta infrastruktur akan diusahakan. Kawasan-kawasan dusun, sawah dan ladang akan dikelompokkan untuk membolehkan pengurusan yang cekap.

Dari segi pelaksanaan sekim tanah dan pembangunan wilayah pula, rancangan mewujudkan bandar-bandar baru di kawasan-kawasan wilayah tertentu akan diperkemas dan dipesatkan lagi. Perhatian yang wajar akan terus ditumpukan untuk memesatkan kemajuan dalam sektor bahan-bahan utama.

Kerjasama di antara negara-negara pengeluar dan pengguna di peringkat antarabangsa akan terus dititikberatkan bagi menjamin kedudukan harga bahan-bahan utama ini. Usaha-usaha juga sedang dijalankan bagi membolehkan bahan-bahan utama yang lain seperti getah dan timah, di samping kelapa sawit, diniagakan di Bursa Komoditi Kuala Lumpur.

Penyelidikan adalah satu aspek penting bagi kemajuan yang berterusan dalam semua bidang. Beta yakin hasil daripada penyelidikan akan menambahkan lagi jenis dan mutu barang-barang keluaran kita. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta akan memastikan supaya hasil-hasil penyelidikan akan dapat disalurkan untuk memberi faedah secara langsung kepada rakyat.

Kemajuan yang dicapai dalam sektor perkilangan pada tahun lepas adalah membanggakan. Di samping menggalakkan penubuhan perusahaan berat, perusahaan kejuruteraan, perusahaan sampingan dan perusahaan yang berasaskan pertanian dan sumber-sumber pertanian, Kerajaan Beta juga akan memberi keutamaan kepada perkembangan perusahaan kecil.

Segala kemajuan sains dan teknologi yang tebaharu akan digunakan bagi mengatasi masalah pencemaran. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta berazam

untuk mewujudkan dan menjadikan beberapa taman negara sebagai kawasan untuk memulihkan beberapa jenis tumbuhan dan hidupan liar, di samping mengekalkan kecantikan alam semula jadinya. Di kawasan-kawasan bandar pula, langkah-langkah untuk memperindahkannya akan dipergiatkan.

Dalam bidang pembangunan infrastruktur pula, kita telah melangkah ke satu tahap yang penting dengan bermulanya projek Jambatan Pulau Pinang. Projek Lebuh raya Timur Barat dan beberapa projek jalan raya yang besar yang lain akan dibuka kepada lalu-lintas pada tahun ini. Di bandar-bandar besar termasuk Bandaraya Kuala Lumpur, rangkaian jalan yang lebih teratur untuk menyenangkan perjalanan lalu-lintas akan terus dilaksanakan.

Dalam usaha-usaha mengurangkan perbezaan taraf hidup di antara penduduk-penduduk di seluruh negara, Kerajaan Beta akan mempergiatkan usaha untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk-penduduk yang belum menikmati kemudahan-kemudahan itu. Kerajaan Beta akan terus mempergiatkan pelaksanaan rancangan perumahan awam kos rendah dengan melibatkan pemaju-pemaju swasta dan institusi-institusi kewangan. Selain daripada itu, penggunaan teknologi dan bahan-bahan binaan baru juga akan digalakkan. Sementara projek-projek bekalan air bersih dilaksanakan sepenuhnya di luar bandar, Kerajaan Beta akan mengadakan perigi-perigi pam dan tangki-tangki air dengan lebih teratur mengikut kesesuaian sesuatu kawasan. Di samping itu, bagi mempercepatkan pembangunan luar bandar pula, projek-projek bekalan elektrik, pembinaan jalan raya baru dan jambatan serta menaikkan taraf jalan-jalan akan terus dilaksanakan dengan giatnya.

Dalam melaksanakan dasar untuk mengurangkan penggantungan kepada minyak sebagai bahan api, Kerajaan Beta telah mengambil tindakan untuk menyegerakan pelaksanaan projek stesyen-stesyen jana elektrik yang menggunakan arang batu, gas asli dan tenaga haidro.

Dalam bidang pengangkutan, adalah menjadi dasar Kerajaan Beta untuk mengadakan sistem pengangkutan yang cekap, lancar serta seimbang dengan proses pembangunan negara dan keperluan rakyat sama ada jalanraya, keretapi, laut atau udara.

Kerajaan Beta akan terus berusaha meningkatkan lagi keupayaan dan mutu perkhidmatan telekom. Lebih banyak talian telefon akan disediakan dan perkhidmatan telex akan diperluaskan. Di samping menyediakan lebih banyak telefon awam, rangkaian telefon automatik akan juga diperluaskan bagi keperluan penduduk luar bandar. Mengenai perkhidmatan pos pula, Kerajaan Beta juga akan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk meningkatkan kecekapan dan kemampuannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam bidang pelajaran, Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian yang berat. Prestasi pendidikan agama Islam dan dakwah di sekolah-sekolah akan dipertingkatkan melalui pelaksanaan sukatan pelajaran agama Islam baru bagi sekolah rendah dan penyusunan semula sukatan pelajaran agama Islam bagi sekolah menengah. Langkah-langkah juga akan diambil bagi membina lebih banyak sekolah menengah agama dan melengkapkan sekolah-sekolah menengah agama yang ada dengan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya. Tumpuan kepada negara-negara Barat dalam pelajaran teknik dan profesional akan diimbangkan dengan tumpuan kepada negara-negara Timur. Kerajaan Beta telah pun membuat perhubungan dengan Kerajaan-kerajaan Jepun dan Republik Korea bagi menampung keperluan ini. Di samping itu, Pusat-pusat Bahasa akan diadakan untuk mencapai penguasaan bahasa-bahasa yang berkenaan.

Taraf kesihatan rakyat di negara ini telah bertambah baik. Kerajaan Beta akan terus bergiat lagi untuk meningkatkan taraf kesihatan ini dengan cara pencapaian liputan perkhidmatan yang sepenuhnya dan juga memperbaiki mutu perkhidmatan tersebut. Kerajaan Beta sedar bahawa pembinaan hospital adalah masih belum

memuaskan. Untuk mengatasi masalah kelambatan pembinaan hospital-hospital, lebih-lebih lagi di peringkat daerah, Kerajaan Beta akan melaksanakan penggunaan Sistem Pelaksanaan Dipercepatkan (Accelerated Implementation System).

Sebagai sebuah negara yang mempunyai sebahagian besar penduduknya terdiri dari belia, perhatian yang berat akan terus diberi kepada masalah-masalah belia. Rancangan-rancangan yang bertujuan mencegah belia daripada tercebur ke dalam kegiatan-kegiatan yang merosakkan masyarakat dan menyalur pemikiran dan tenaga mereka kepada pembangunan negara akan diteruskan dan diperluaskan.

Di samping itu, Kerajaan Beta akan menitikberatkan usaha mencegah kelakuan anti-sosial di kalangan segolongan masyarakat, dan bagi mereka yang sudahpun tercebur, usaha pemulihan akan dipertingkatkan lagi. Penyertaan dan penglibatan seluruh masyarakat sangatlah diperlukan. Bagi mengatasi masalah penagihan dadah yang sedang menjadi-jadi itu, Kerajaan Beta akan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang lebih berkesan, bukan sahaja dari segi rawatan dan pemulihan bahkan juga dalam usaha mencegahnya, melalui pendidikan dan undang-undang yang ketat. Kajian yang teliti sedang dijalankan ke arah penubuhan sebuah agensi pusat bagi mengendalikan semua aspek menghadapi masalah penagihan dadah.

Beta bangga kerana akhir-akhir ini aktiviti-aktiviti sukan negara telah dapat memupuk semangat perpaduan dan kenegaraan di kalangan rakyat Beta. Kerajaan Beta akan mempergiatkan usaha-usaha untuk menampung keperluan rakyat dari segi sukan dan rekreasi. Perancangan yang teliti sedang giat dijalankan untuk meningkatkan lagi pencapaian sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beta berkeyakinan penuh bahawa aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi bukan sahaja akan melahirkan satu masyarakat yang cergas bahkan juga memupuk sifat-sifat kejiranan dan semangat tanggungjawab dalam masyarakat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, hasrat dan harapan yang hendak kita capai melalui pelaksanaan dasar, program dan projek yang Beta nyatakan itu hanya dapat dipenuhi dalam keadaan negara yang bersatu padu, aman dan stabil. Untuk itu kita haruslah berusaha membendung kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan keadaan perpaduan, ketenteraman dan keselamatan negara. Sayugia diingatkan bahawa ancaman kepada keselamatan negara datang dalam berbagai bentuk. Selain dari ancaman komunis, ancaman dari puak pelampau perkauman dan agama adalah ancaman yang boleh menggugat keselamatan negara.

Dalam keadaan masyarakat majmuk kita, Beta suka menasihatkan supaya perkara-perkara sensitif yang menyentuh perasaan sesuatu kaum atau kumpulan agama tidak dieksploitasikan untuk kepentingan tertentu. Perlembagaan negara kita menjamin kebebasan beragama. Beberapa peristiwa pahit yang telah pernah dialami oleh negara akibat dari perbuatan dan kegiatan yang mengapi-apikan isu-isu sensitif ini hendaklah dijadikan pengajaran.

Kerajaan Beta mempercayai pendekatan dalam menghadapi masalah keselamatan bukan semata-mata melalui pembesaran Pasukan Keselamatan sahaja. Keselamatan dan pembangunan adalah dua perkara yang berkait rapat. Demi kesejahteraan rakyat, usaha-usaha pembangunan yang pesat dijalankan akan dengan sendirinya mengukuhkan ketahanan negara dari ancaman musuh.

Islam merupakan benteng pertahanan yang kukuh dari segi menentang semua anasir yang mengancam kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Islam akan lebih kukuh sekiranya umat Islam terus bersatu dan mencapai kemajuan. Kegiatan-kegiatan yang bercorak memecah-belahkan perpaduan ummah akan hanya melemahkan kekuatan Islam dan menghancurkan benteng pertahanan negara.

Beta berseru supaya kegiatan-kegiatan yang boleh memecah-belahkan perpaduan

Islam hendaklah dihentikan. Lebih-lebih lagi bentuk-bentuk ajaran yang sama sekali bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Islam adalah agama yang sempurna memberikan pertimbangan serta perhatian kepada kesejahteraan di dunia dan akhirat. Ajaran Islam sebenarnya berkehendakkan penglibatan yang menyeluruh meliputi semua aspek penghidupan. Sesuai dengan sabda junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu'alaihi wasallam, "Berusahalah kamu seolah-olah akan hidup selamanya dan beramallah kamu seolah-olah akan mati esok hari", umat Islam di negara ini wajibliah memainkan peranan yang seimbang bersesuaian dengan seruan junjungan besar kita itu.

Dalam Islam, setiap usaha baik yang dilakukan adalah sebahagian dari amal saleh yang juga menjadi ibadat seseorang kepada Allah Subhanahu wa ta'ala. Ianya meliputi aspek-aspek pentadbiran negara, usaha-usaha pembangunan yang dijalankan, langkah-langkah mewujudkan keamanan negara serta penyertaan rakyat secara bersama dalam mendokong usaha-usaha tersebut. Rakyat janganlah terpengaruh dengan unsur-unsur yang boleh melemahkan kekuatan Islam yang akan membawa kepada kelemahan ummah yang merugikan dalam jangka masa panjangnya.

Kerajaan Beta sentiasa memberi perhatian yang berat kepada keselamatan dan pertahanan negara. Beta bersyukur kerana sepanjang tahun lepas keadaan keselamatan dalam negeri kita terus bertambah baik. Keamanan dan ketenteraman yang wujud sekarang ini adalah hasil daripada kegiatan Pasukan Keselamatan yang gigih dalam menentang musuh-musuh negara dengan kerjasama rakyat seluruhnya. Kerajaan Beta sedang mengambil langkah-langkah segera untuk meningkatkan kecekapan dan keupayaan Pasukan Keselamatan kita. Beta yakin matlamat ini akan dapat dicapai melalui kewaspadaan, kerjasama, perpaduan dan penyertaan seluruh rakyat.

Dasar luar negara merupakan benteng pertahanan hadapan negara. Kerajaan Beta akan terus mempertingkatkan prestasi hubungan luar dengan memberi perhatian utama kepada peranan Malaysia untuk mewujudkan keamanan, keselamatan dan kerjasama serantau di Asia Tenggara dan juga kepada usaha-usaha untuk mewujudkan keamanan dan kesefahaman antarabangsa.

Kerajaan Beta akan terus memainkan peranan yang aktif untuk mencari penyelesaian politik yang komprehensif mengenai masalah Kampuchea demi menjamin keamanan dan keselamatan serta kesetabilan di rantau ini.

Dalam konteks kerjasama di kalangan negara-negara Islam, Kerajaan Beta akan memainkan peranan yang seluas-luasnya. Sebagai anggota Jawatankuasa Sahel untuk membantu penduduk-penduduk di pinggir Sahara, Kerajaan Beta telah berunding dengan Kerajaan Mali untuk membekalkan beras. Berkenaan dengan konsep bantu-membantu antara negara-negara "Selatan" atau negara-negara sedang membangun, tumpuan akan diberi kepada kerjasama dengan negara-negara di Pasifik Selatan. Walaupun Kerajaan Beta akan menitikberatkan hubungan dua-hala, peranan Malaysia dalam pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa akan diberi perhatian yang saksama.

Pentadbiran yang bersih, cekap dan licin adalah menjadi matlamat kita. Anggota-anggota Kerajaan hendaklah menganggap perkhidmatan Kerajaan sebagai satu peluang keemasan untuk berkhidmat kepada negara dan bukan untuk kepentingan diri semata-mata. Untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran, Kerajaan Beta sentiasa mengadakan peluang-peluang bagi anggota-anggota Kerajaan memperolehi kemahiran dan kepakaran melalui latihan dalam berbagai-bagai bidang. Walaupun demikian, kemahiran dan pengetahuan pula akan hanya membawa makna apabila digunakan dengan bijaksana selari dengan nilai hidup, sikap dan keperibadian yang murni yang

mengutamakan kejujuran, pengorbanan dan disiplin.

Kekurangan kakitangan yang mahir sama ada di sektor awam atau sektor swasta akan menjejaskan kadar pembangunan negara. Kerana itulah perancangan tenaga manusia untuk menyesuaikan kelayakan dan kemahiran dengan keperluan kerja pada masa ini sangat mustahak. Kerajaan Beta sedang mengambil langkah tertentu untuk mewujudkan tenaga mahir yang diperlukan untuk beberapa tahun akan datang. Pihak swasta juga perlu berbuat demikian kerana ia tidaklah boleh terus menerus bergantung kepada Kerajaan untuk melatih pegawai-pegawai mahir yang diperlukan. Tenaga yang mahir di pihak Kerajaan dan swasta itulah jaminan kemajuan negara di masa akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta percaya di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Beta yang dikasihi, negara kita Malaysia akan dapat dibangunkan secepat mungkin sebagai sebuah negara yang gagah dan dapat dibanggakan. Untuk mencapai hasrat dan harapan ini, penglibatan rakyat secara langsung di semua peringkat adalah penting. Ianya meliputi bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, malah para pentadbir, para pekerja, kaum tani, golongan profesional, pihak swasta dan orang-orang perseorangan yang cinta dan kasihkan Malaysia. Hanya melalui penyatuan dan gabungan tenaga serta fikiran inilah akan tegaknya sebuah negara Malaysia yang teguh dan dihormati dunia. Semoga Allah Subhanahu wa ta'ala merestui dan memakbulkan hasrat dan harapan ini.

Pada ketika negara terus bergerak di bawah pimpinan baru, Beta juga tidak lupa mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tun Hussein Onn yang dikasihi kerana jasa baktinya yang gemilang kepada negara, bangsa dan agama. Sifat-sifat peribadinya yang terpuji dan sikapnya yang tidak mementingkan diri meletakkan beliau di kalangan negarawan-negarawan yang ulung.

Beta juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh rakyat Beta yang turut memberi sumbangan dalam bidang masing-masing kepada kemajuan negara. Beta juga mengucapkan terima kasih kepada anggota-anggota Kerajaan Beta kerana perkhidmatan mereka terutama sekali anggota-anggota Pasukan Keselamatan kerana telah rela berkorban untuk mewujudkan keamanan dan menjamin keselamatan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, akhir kata, Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala semoga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe and may the Blessings and Peace of Allah be upon our Prophet Muhammad, His companions and His family.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat:

I thank Almighty Allah for His blessings to enable me to deliver this speech today in conjunction with the Official Opening of the Fourth Session of the Fifth Parliament.

Honourable Members, this year we complete our first quarter-century as an independent and sovereign nation. During this period, we may not have been totally successful in all our endeavours. Mistakes may have been made but no one can deny that there is much that we can be proud of, and for which we should be grateful to Almighty Allah. From our struggle for independence to our endeavours in giving meaning to that independence; from our efforts to eradicate poverty amongst all races to the development of a comprehensive plan to restructure our society for all purpose of national unity; we must now move ahead into the second quarter-century, imbued with a will and determination no less than that which

motivated our previous leaders in the struggle for independence.

Amongst our hopes and aspirations is to gain a place in the world community; to stand on equal footing with developed nations, and to defend our rights and honour in international relations. We must be more self-reliant and productive. We must progress both materially and spiritually; not only in the economic field but in all aspects of life.

Our hopes and aspiration for the future may not be fulfilled if we, as a nation, are not disciplined; if the people do not possess the right values and attitude towards work; if we think more ourselves rather than of society; if we consider what we can gain rather than what we can contribute; if our people lack determination, if our administrators are inefficient, our leaders dishonest and if we are disunited.

Let me emphasize here that may Government upholds the principle that a government must be aware of and must strive to fulfil the hopes and aspirations of its people through a clean, competent and efficient administration. My Government believes that a government is not the master, but an administrative tool to serve the people, based on the principle of democracy and the rule of law.

As a nation progresses, it faces increasing problems and challenges. This is to be expected as progress itself makes the people more aware of the benefits to be reaped from development. Hardwork and diligence is the key to success in order to achieve a more meaningful development. Moreover, these are noble qualities as expounded in religion. In Islam, these qualities are a part of "ibadah". As such, we should not leave our fertile soil untilled and our farms in disuse. Prosperity comes only with hard work. Hardwork and diligence go hand in hand with good work ethics and a sense of pride of one's efforts. These attitudes and qualities should be the way of life of a modern Malaysia society. Only then, can we, as a nation, be respected by the world.

Honourable Members, I have outlined the main issues that warrant serious attention by all the people, if we are to achieve all the goals of my Government, in the spirit of the Rukunegara. I have great hopes that my people will respond to this call. My Government in turn will not shun from its responsibility to fulfil the hopes and aspirations of the people. Even through we have faced innumerable challenges, I am grateful to Almighty Allah that my Government has been successful in bringing rapid progress to the people with the launching of the New Economic Policy. Consequently, our poverty rate has declined, the quality of life has improved and the restructuring of ownership and manpower is being achieved. With the full cooperation and dedication of the people, my Government will hasten the tempo of development in all fields through the implementation of policies, programmes and projects which will ensure security and social justice.

The deterioration in international economic situation during the past year as a result of a recession in the developed countries has had an impact on the economic growth of our country. Nevertheless, praise be to Almighty Allah, our country has achieved a satisfactory rate of growth even though our economy remains dependent on primary commodities. In 1981, the growth of our Gross National Product was encouraging compared with that of other countries. In the same year, demand in the country has increased, thus providing the impetus for further economic growth, which is in line with my Government's policy to ensure a continuous expansion of the national economy. In addition, our efforts to contain inflation last year has been successful in comparison with other countries.

In our efforts to achieve our goals, we should not be complacent or contented with the progress achieved so far by the country. It is society itself which should ensure that maximum benefit is obtained in the utilisation of its resources. One good example of this is the response of the Bumiputra community to the National Unit

Trust scheme. I hope that more Bumiputras will invest in this scheme.

In the field of agriculture and rural development, integrated projects will be implemented not only in the agricultural sector, but also in the industrial, social and infrastructure sectors. Efforts have been made to consolidate orchards, padi fields and smallholdings in order to ensure more efficient management.

In the field of land and regional development, programmes to create new townships in selected regional areas will be improved upon and intensified. Appropriate attention will be given to intensify development in the primary commodity sector.

Cooperation between producer and consumer countries at the international level will further be strengthened in order to guarantee the stability of prices for our primary commodities. Efforts are also being undertaken to enable other primary commodities such as rubber and tin, in addition to oil palm, to be traded at the Kuala Lumpur Commodity Exchange.

An important aspect of development is research. I am convinced that through research we can increase the variety and improve the quality of our products. In this respect, my Government will ensure that all research findings will have a direct benefit for our people.

Achievement in the manufacturing sector last year was encouraging. In addition to promoting the establishment of heavy industries, engineering industries, light industries, agro-based and agro-resource industries, my Government will also give priority to the development of small-scale industries.

The latest development in science and technology will be applied to control pollution. My Government is determined to create and develop a number of national parks as sanctuaries for wild life and flora, and preserving their natural habitat.

Measures will be intensified to beautify urban areas.

In the field of infrastructure development, we are on an important threshold with the construction of the Pulau Pinang bridge. The East-West Highway and other major trunk road projects will be opened to traffic this year. In major towns including Kuala Lumpur city, a more organized road network system will continue to be developed in order to ease traffic movement.

In our efforts to bridge the gap in the standard of living among the people throughout the country, my Government will intensify its efforts to provide basic amenities to those who do not as yet have these facilities. My Government will continue to expedite the implementation of low-cost housing which will require the participation of private developers and financial institutions. In addition, the use of new technology and construction materials will also be encouraged. In addition to treated water being supplied to rural areas, my Government will also provide tubed wells and water tanks to suitable areas in a more systematic manner. With regard to accelerating rural development, projects such as rural electrification, roads, bridges and the upgrading of existing roads will continue to be vigorously implemented.

In implementing the policy to reduce dependence on oil as a source of fuel, my Government has taken steps to accelerate the construction of power stations which use coal, natural gas and hydro-power.

In the field of transportation, it is the policy of my Government to develop an efficient transport system be it by road, rail, sea and air, that is in tempo with the process of national development and which meets the needs of the people.

My Government will continue its efforts to improve the capacity and quality of telecommunication services. More telephone line will be provided and telex services will be expanded. In addition to the provision of more public telephones,

automatic telephone connections will also be expanded to meet the needs of the rural people. In respect of postal services, my Government will take appropriate action to improve its capacity efficiency.

Honourable Members, my Government will continue to accord serious attention to the field of education. The performance of Islamic religious teaching and "dakwah" in schools will be improved through the introduction of a new syllabus in Islamic religious education for primary schools and the revision of the syllabus for secondary schools. Steps will also be taken to build more secondary Islamic religious schools and to equip the existing secondary schools with adequate facilities. The present focus on Western countries for technical and professional education will be balanced with an equal emphasis on Eastern countries. My Government has communicated with the Governments of Japan and the Republic of Korea to achieve this objective. In addition, language centres will be established to enable the people to achieve proficiency in various languages.

The health situation of the country has improved. My Government will continue to uplift the health standard of the country by extending the coverage and upgrading the quality of the health service. My Government is aware that the hospital construction programme has been less than satisfactory. To overcome this, especially at the district level, my Government will adopt the use of the Accelerated Implementation System.

As a country whose population comprise mainly of youths, serious attention will continue to be given to the problems of the youth. Programmes aimed at deterring youths from involving themselves in anti-social activities will be expanded thereby channelling their attention and effort towards national development.

Meanwhile, my Government will strengthen efforts to eradicate anti-social behaviour amongst groups and measures aimed at rehabilitation will be further strengthened. However, for this purpose

the involvement of the whole society is vital. To overcome the ever-increasing problem of dadah addiction, my Government will not only provided for more effective treatment and rehabilitative facilities but will also institute preventive measure through education and more stringent laws. A comprehensive study with a view to the establishment of a central agency to deal with all aspects of dadah addiction is presently being done.

I am proud that lately sporting activities of the country has fostered a spirit of unity and national pride among my people. My Government will strengthen efforts to accommodate the needs of the people in the field of sports and recreation. Detailed planning is being done to raise the standard of sports at national and international levels. I am fully convinced that sports and recreational activities will not only give rise to a more active society but will also promote the spirit of neighbourliness and responsibility in society.

Honourable Members, Only in the context of a united, peaceful and stable society, and through the implementation of the policies, programmes and projects which I have earlier outlined, can our hopes and aspirations, be fulfilled. As such, we need to curtail those activities which can adversely affect unity, peace and national security. We must bear in mind that threats to national security take various forms. Besides the threat posed by the communist, threats from racial and religious extremists can also endanger national security.

In the context of our multiracial society, I would like to advise that sensitive issues which will hurt the feelings of a particular racial or religious group should not be exploited for vested interest. Although our Constitution guarantees religious freedom, the bitter incidences experienced by the country as a result of the exploitation of sensitive issues should be a lesson to us all.

My Government it convinced that the approach in overcoming security problems does not lie in the expansion of the Security Forces alone. Security and development are closely related. For the welfare of the

people, the very effort of accelerating development will, by itself, strengthen national resilience.

Islam represents a strong force against all elements which threaten individual well-being and spiritual happiness, Islam will further be strengthened if all Muslims unite to achieve progress. Those activities which undermine the unity of the "ummmah" will only serve to weaken the strength of Islam and destroy the nation's defence itself.

I appeal that all activities and teachings which deviate from the true teachings of Islam and which can cause disunity among Muslims, be stopped. As a religion, Islam gives equal importance to material and spiritual well-being. As a matter of fact, Islam requires the total involvement of the individual in all aspect of life. In accordance with the teachings of our Prophet Muhammad (May peace and blessings of Allah be upon him), "to strive hard as if one is going to live forever and to adhere to the teachings of Islam as if one is going to die tomorrow", all Muslims in this country should play their respective roles as those laid out in the Phophet's teaching.

In Islam, every good deed done forms part of the person's "ibadah". This includes all aspects of state administration, development efforts currently being undertaken, and includes those activities which lead peace in the country and the people's particitaion towards there objectives. We should not be influenced by elements which, in the long run, will weaken the strength of Islam.

My Government places great importance on national security and defence. I am thankful that the security situation during the past year has improved. The existing peace and tranquility in the country is the result of the excellent work of the Security Forces with the cooperation of the people in combating the enemeis of the nation. My Government is in the process of upgrading the efficiency and capability of our Security Forces. I am convinced that this can be achieved through the alertness, cooperation, unity and participation of the people.

Our foreign policy represents our country's first-line of defence. My Government will continue to give the highest priority to Malaysia's role in regional peace, security and cooperation in South East Asia as well as her efforts towards securing international peace and understanding.

My Government will continue to play an active role in the search for a comprehensive political solution to the Kampuchean problem and to guarantee peace, security and stability in this region.

At the same time, my Government will continue to play a greater role in achieving cooperation amongst Islamic nations. As a member of the Sahel Committee, to aid the people on the fringes of the Sahara, my Government has negotiated with the Government of Mali and will supply her with rice. With regard to the concept of mutual assistance among the countries of the "South" or the developing countries, emphasis will be given towards cooperation with the nations of the South Pacific area. Although my Government will give emphasis on bilateral relations Malaysia's role in international organisations will continue to be given due attention.

Our aim is to have a clean, competent and efficient administration. As such, all those in the Government should regard their service as a golden opportunity to serve the country rather than their own personal interest. In order to increase efficiency in administration my Government has continually made available training opportunities to them to obtain skills and expertise to various fields. However, the acquisition of such skills and knowledge will be more meaningful if they are used with ingenuity, in line with good values, attitudes and personal character which calls for sincerity, sacrifice and discipline.

The shortage of skilled manpower, both in the public and private sectors can adversely affect the rate of development in the country. As such, human resources planning, with the aim of matching qualification and skills with work requirements is urgently required at the

present moment. My Government is taking steps to increase the supply of skilled manpower for the future. The private sector too, has to adopt such an action as it can no longer continue to be dependent on the Government to train its own requirements for skilled manpower. It is this skilled manpower in the Government and in the private sector which will guarantee the future development of the country.

Honourable Members, I believe that under the leadership of our beloved Prime Minister, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, our country, Malaysia will progress as fast as possible to become a strong nation which we can be proud of. However, to achieve this objective, the direct participation of all Malaysians and at levels is critical. This involves the participation of not only the Honourable Members in the House, but also administrators, workers, farmers, professional groups, the private sector and all individuals who love this country. Only by consolidating the physical and mental resource will be able to forge a strong and respected nation. May Almighty Allah bless and fulfill these hopes and aspirations.

While the country is moving ahead under the new leadership, I take this opportunity to convey my deep gratitude to our beloved Tun Hussein Onn for his great contribution to the nation, the people and religion. His admirable personality and the commendable manner in which he has put the nation above his personal interest have placed him among the ranks of true and prominent statesmen.

I am also taking this opportunity to convey my sincere thanks to all my people, for their contributions in all fields of national development. I would also like to thank members of the public services especially those in the Security Forces for their sacrifice in order to maintain peace and national security.

Honourable Members, Finally, I pray to Almighty Allah, for His blessings and guidance for all Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in discharging the duties and responsibilities entrusted upon them.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1982;
2. Akta Waktu Standard Malaysia 1981;
3. Akta Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) 1981;
4. Akta Kewangan 1982;
5. Akta Galakan Pelaburan (Pindaan) 1982;
6. Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1982;
7. Akta Bank Negara Malaysia dan Bank (Pindaan) 1982;
8. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1982;
9. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1982;
10. Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1982;
11. Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 1982;
12. Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1982;
13. Akta Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) 1982;
14. Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1982; dan
15. Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan).

“19hb Mac, 1982

Tuan Yang di-Pertua;

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982);
2. Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Badan Pencegah Rasuah;
9. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja; dan
10. Rang Undang-undang Istana Negara (Elaun-elaun Diraja).

t. t.

TIMBALAN YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982);

2. Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Badan Pencegah Rasuah;
9. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja; dan
10. Rang Undang-undang Istana Negara (Elaun-elaun Diraja).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

USUL-USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walaupun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 13 (2) Dewan ini akan terus menimbang Usul Takziah di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sians, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 13 (2)

Dewan ini akan terus menimbang Usul Takziah di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

MERAKAMKAN PERASAAN DUKACITA DI ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH ALLAHYARHAM Y.B. TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL DAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGANNYA

2.40 ptg.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan amat dukacita dan sedih memohon mengemukakan di Dewan yang mulai ini satu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, pada 16hb Mac, 1982 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tan Sri Syed Nasir bin Ismail pada 16hb Mac, 1982 adalah merupakan satu kehilangan yang besar kepada negara. Allahyarham telah meninggal dunia setelah diserang penyakit jantung sewaktu beliau mempengerusikan mesyuarat Dewan Rakyat. Allahyarham terus menjalankan tugasnya pada 16hb Mac, 1982 itu walau apapun pada hakikatnya kesihatan Allahyarham telah terganggu semenjak beberapa hari sebelum itu yang memerlukan beliau berihat. Itulah satu contoh yang paling nyata akan semangat dedikasi kepada tugas dan tanggungjawab sehingga beliau telah mengenyepikan kepentingan dan kesihatannya sendiri. Yang demikian dengan sifat-sifat dan peribadi yang murni seperti ini tidak hairanlah Allahyarham semasa hayatnya adalah seorang tokoh yang disegani dan dihormati yang telah membuat jasa yang cemerlang di dalam bidang-bidang yang diceburinya iaitu pendidikan, bahasa, agama dan politik.

Allahyarham Tan Sri Syed Nasir dilahirkan pada 7 Mac 1921 di Batu Pahat, Johor. Beliau memasuki perkhidmatan Kerajaan pada tahun 1941 sebagai nazir sekolah Melayu dan seterusnya menjadi nazir sekolah di Negeri Johor. Seterusnya beliau telah dilantik sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada tahun 1974 beliau dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan seterusnya pada tahun 1978 beliau telah menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Allahyarham Tan Sri Syed Nasir adalah seorang tokoh yang mempunyai serba serbi kebolehan di dalam berbagai bidang. Beliau bukan sahaja terkenal sebagai seorang Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang dedikasi, cekap dan adil tetapi juga beliau adalah seorang ahli pelajaran, pejuang bahasa dan juga seorang teknokrat. Beliau bolehlah dianggap sebagai seorang printis di dalam berbagai bidang yang diceburinya. Sebagai seorang tokoh pendidikan dan bahasa beliau merupakan sebagai tokoh penggerak dalam membangunkan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah diamanahkan untuk memperkembangkan Bahasa Kebangsaan. Cita-citanya menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di negara ini telah diperjuangkan tanpa jemu dan dengan berani dan cecakhati. Beliau penuh yakin bahawa Bahasa Kebangsaan boleh menjadi bahasa pengantar di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini, dan telah berjuang memberikan khidmat baktinya bagi mencapai cita-cita ini. Atas semangat yang tinggi inilah, beliau menjadi tokoh yang paling sesuai menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penaja Penuhuan Universiti Kebangsaan dan seterusnya menjadi Pro-Canselor Universiti tersebut. Wujudnya Universiti tersebut membuktikan bahawa Bahasa Kebangsaan adalah bahasa yang maju yang boleh menjadi bahasa penghantar di peringkat pengajian tinggi.

Di lapangan pengurusan pula, beliau telah dapat menunjukkan bakat semula jadinya sebagai pemimpin organisasi yang berjaya. Beliau adalah yang mula-mula sekali diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara dan Bank Pembangunan Malaysia yang mana beliau telah menunjukkan ketokohnya di dalam kedua-dua bidang yang diceburinya ini.

Allahyarham Tan Sri Syed Nasir telah juga menunjukkan ketokohnya di bidang politik. Beliau telah turut menyumbangkan tenaganya untuk negara mencapai kemerdekaan. Beliau merupakan di antara tokoh-tokoh yang paling lama berkhidmat dalam Majlis Tertinggi UMNO. Penglibatannya dalam Parlimen bermula pada tahun 1969 apabila ia menang tanpa bertanding dan seterusnya dipilih lagi menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1974. Ketokohnya sebagai seorang 'parliamentarian' jelas kelihatan melalui sumbangannya yang berkesan dalam pertubuhan Antara Parlimen ASEAN (AIPO) dan juga Kesatuan Parlimen Antarabangsa.

Di bidang agama Allahyarham adalah seorang tokoh penggerak yang dinamik buat beberapa tahun hinggan apabila disebut Musabaqah Membaca Al-Quran masyarakat Islam di negara ini akan teringat kepada jasa Allahyarham sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musabaqah. Kepimpinannya yang berkalibar dalam mejayakan Musabaqah membolehkan negara kita menjadi begitu terkenal di kalangan negara-negara Islam di dunia. Selain dari itu beliau adalah menjadi Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah dan Ahli Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam sesungguhnya sumbangan bakti Allahyarham dalam meninggikan syiar Islam di negara ini tidak ternilai.

Tuan Yang di-Pertua, semasa beliau memegang jawatan Timbalan dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Allahyarham telah menjadikan tugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Allahyarham juga telah berjaya meningkatkan lagi taraf prestasi urusan Dewan Rakyat.

Bagi mengenangkan jasa-jasa beliau yang terpuji kepada negara dan agama Islam, Allahyarham telah dianugerahkan dengan berbagai-bagai bintang dan darjah kebesaran oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini termasuklah darjah kebesaran Panglima Mangku Negara yang telah dianugerahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kembalinya Allahyarham amat dirasai. Kalau keluarganya kehilangan seorang suami dan bapa yang dikasihi, negara pula kehilangan seorang tokoh pendidikan, pejuang bahasa, pemimpin dalam bidang politik dan agama yang sukar dicari ganti. Jasa baktinya akan terus dikenang dan akan menjadi pendorong kepada generasi-generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan, saya dan semua Ahli-ahli Dewan Negara ini amat sedih dan terharu di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Tan Sri Syed Nasir bin Ismail dan bagi pihak Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Negara ini, saya dengan tulus ikhlasnya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. Semoga Allah Subhanahuwataala mencucuri Rahmat ke atas Rohnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

2.50 ptg.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana dengan izin dan limpah kurniaNya yang maha kuasa, saya dapat bersama-sama hadir dalam Dewan yang mulia ini bagi melafazkan dengan perasaan yang sedih menyokong usul ucapan tahziah atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, bekas Speaker Dewan Rakyat pada 16hb Mac, 1982 di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sahabat karib, saya kenal mesra dengan Allahyarham sejak 20 tahun yang lepas. Allahyarham Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail adalah seorang negarawan terbilang dan berjasa; sepanjang hayatnya banyak memberi sumbangan kepada rakyat dan negara dalam berbagai-bagai bidang. Sebagai Speaker Dewan Rakyat, Allahyarham telah menjalankan tugasnya dengan jujur, adil, tegas, bijak dan penuh dedikasi tanpa memandang kawan atau lawan. Dedikasi ini bertambah jelas lagi apabila Allahyarham mengendalikan tugas Speaker walaupun

dalam beberapa waktu kebelakangan Allahyarham adalah dalam keadaan kurang sihat. Allahyarham mengakhiri hayatnya dalam kerja Kerajaanlah tugas yang maha berat itu, ini adalah satu pengurbanan kepada rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mula berkembang sesudah Allahyarham mengambil alih ahli pentadbirnya. Pelaksanaan sistem penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Malaysia telah diperluaskan dari semasa ke semasa hingga menjadi bahasa yang tunggal dan rasmi seperti yang dikanunkan di dalam Perlembagaan Malaysia sekarang. Allahyarham telah menitikberatkan dalam menjaya dan meninggikan taraf Bahasa Malaysia di kalangan rakyat Malaysia. Allahyarham juga yang bertanggungjawab untuk menggerakkan kempen-kempen Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa di seluruh tanah air kita. Dengan galakan itu rakyat Malaysia yang bukan keturunan Melayu telah bermula menanam kecintaan kepada bahasa tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, mereka dapat memahami dan sedar bahawa keharmonian dan bersefahaman boleh dicapai hanya dengan satu bahasa iaitu Bahasa Malaysia sahaja. Sumbangan-sumbangan dan dedikasi terhadap kegiatan-kegiatan bercorak Islam seperti memimpin gerakan dakwah dan mengatur Musabaqah Al-Quran selama 20 tahun hingga berjaya meletakkan Malaysia sebagai negara yang terkemuka di kalangan negara-negara Islam adalah merupakan jasa-jasa yang sentiasa dikenang. Dengan gerakan yang murni itu, Allahyarham telah mengharumkan nama negara. Allahyarham juga tanpa sebarang jemu dan jelak telah mengurbankan masa dan tenaga demi memperjuangkan agama, bangsa dan partinya, iaitu parti UMNO. Allahyarham adalah seorang pejuang bermoral tinggi dan setia kepada bangsa dan negaranya, Allahyarham telah banyak memberi sumbangan dalam usaha memperjuangkan kestabilan politik, kesucian agama Islam dan kedaulatan Bahasa Malaysia.

Pengurbanan Allahyarham dalam bidang kemajuan masyarakat dan negara amat dibanggakan. Kehilangan Allahyarham Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail juga merupakan kehilangan lagi seorang tokoh veteran pejuang negara kita, kehilangan itu sukar untuk dicari ganti.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkanlah saya mengucapkan takziah kepada isterinya yang dihormati Puan Sri Sharifah Aishah, anak-anak serta kaum keluarganya di atas kembalinya Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Haji Syed Nasir bin Ismail ke rahmatullah. Saya berdoa kepada Tuhan semoga Tuhan peliharakan semua ahli keluarganya dalam kandungan sihat walafiat, bersabar dengan tenang serta berdoa kepada Tuhan supaya mencururi rahmat ke atas roh Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Haji Syed Nasir bin Ismail bekas Speaker Dewan Rakyat Parlimen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengundur diri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, Dato' Haji Mohamed bin Nasir. Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, pada 16hb Mac, 1982 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya dan terbuka untuk dibahas.

2.58 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama memberi sokongan dengan perasaan dukacita dan sedih kepada satu usul di hadapan Majlis sekarang bagi mengucapkan takziah kepada keluarga bekas Yang di-Pertua Dewan Rakyat Allahyarham Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail bagi pihak ahli-ahli parti PBB Sarawak.

Bagi diri saya mulai mengenal Allahyarham apabila Dewan Rakyat mulai bersidang pada awal 1971 selepas pilihanraya umum pertama diadakan di negeri Sarawak dan pada akhir pertemuan secara dekat ialah 8hb ini di waktu Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Parlimen sekarang.

Bagi rakyat negeri Sarawak memang tidak asing lagi mengenal nama Allahyarham walaupun tidak ramai yang berkesempatan melihat wajahnya secara dekat. Kepada bekas-bekas Ahli Dewan Rakyat, mahupun Ahli Dewan Negara yang mulia ini tentulah berasa dukacita apabila mendengar siaran TV dan Radio pada 16hb ini yang mengatakan Allahyarham itu meninggal dunia dengan mengejut.

Riwayat hidup Allahyarham yang begitu berharga kepada bangsa, negara, agama serta bidang politik tanahair tetap tinggal menjadi kenangan dan contoh tauladan kepada rakyat yang cintakan bangsa, negara dan agama.

Dengan kehendak Allah (s.w.t.) kepada hambanya Allahyarham pergi meninggalkan alam fana ke alam baka terlebih dahulu daripada kita yang akan mengikutinya kemudian nanti. Dengan kesempatan ini kita memohon doa ke hadrat Allah (s.w.t.) semoga aruah Allahyarham mendapat rahmat dan nikmat Tuhan rabilalamin. Sekian, terima kasih.

3.01 ptg.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berdiri untuk menyokong usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, pada 16hb Mac, 1982 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.”

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri bagi pihak Parti PPP untuk mengucapkan takziah kepada Puan Sri Sharifah Aishah dan

keluarganya atas kematian Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail adalah seorang ahli UMNO yang mula-mula mengambil bahagian dan usaha mencapai kemerdekaan tanahair. Beliau telah banyak berkhidmat kepada politik dan negara. Baru-baru ini beliau telah mengambil bahagian yang utama di dalam Persidangan Parlimen, iaitu ASEAN. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail adalah dikenal di seluruh dunia sebagai seorang yang telah berkhidmat untuk mengembangkan musabiqah, iaitu satu upacara yang diadakan pada bulan Ramadhan tiap-tiap tahun bagi peserta Islam di seluruh dunia. Beliau telah juga berkhidmat di dalam lapangan-lapangan yang lain. Kehilangan beliau sangat-sangat dirasakan bukan sahajalah oleh keluarganya tetapi juga oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat, juga Ahli-ahli Dewan Negara Ahli-ahli UMNO dan Barisan Nasional di negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

3.03 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk merakamkan rasa dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua, Dewan Rakyat, pada 16hb Mac, 1982 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail ialah seorang Speaker dan Ahli Parlimen yang cekap dan kuat bekerja. Kehilangan beliau ini sangat-sangat dirasakan oleh Ahli-ahli Parlimen dan rakyat amnya.

Saya bagi pihak parti politik MCA dan keluarga saya sendiri ingin menyampaikan takziah kepada balu Allahyarham dan keluarganya di atas kehilangan Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

3.05 ptg.

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan sepatah dua kata lagi di atas penghormatan yang begitu banyak yang telah diberi kepada Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail.

Allahyarham telah memberi banyak sumbangan kepada negara dalam lapangan pelajaran, bahasa, agama, politik dan lain-lain lagi. Sebagai yang kita sedia maklum, Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail seorang pengelola yang bijak, beliau sentiasa bertugas dengan penuh kejujuran dan bersemangat. Semasa hidupnya beliau mempunyai cita-cita murni dan ingin meninggalkan kebaktian selepas hayatnya.

Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail adalah seorang yang amat dihormati. Beliau mempunyai sifat semula jadi yang tinggi dan tingkah lakunya yang terpuji dalam segala keadaan dan suasana. Negara telah memberi penghormatan pengkebumian kepadanya dan makamnya tegak dengan penuh keagungan. Rakan kita yang telah berbakti kepada negara dan agama Islam telah meninggalkan kita dan tidak akan kembali lagi. Pergiannya telah meninggalkan kenangan sedih, rasa duka yang tidak terhingga kepada kita. Sekian, terima kasih.

3.07 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong bahawa usul yang dicadang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya bagi pihak parti Berjaya dari Sabah ingin merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail, bekas Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa rakyat Sabah adalah turut bersedih dan menyampaikan takziah kepada ahli-ahli keluarga

Allahyarham yang mana rakyat Sabah menganggap kembalinya ke rahmatullah Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail adalah sebagai satu kehilangan seorang negarawan yang adil dan bijaksana. Sepanjang hayat beliau, Allahyarham telah banyak mengabdikan dirinya kepada kepentingan negara dan di sebaliknya mengenyepikan kepentingan diri sendiri. Maka dalam sepanjang hayat beliau maka banyak penglibatan yang telah beliau lakukan, maka dengan itu sumbangan Allahyarham ke atas negara adalah sangat-sangat dipandang tinggi oleh setiap rakyat Sabah.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, di sini saya sekali lagi dari pihak parti Berjaya ingin menyampaikan takziah kepada keluarga Allahyarham semoga Allah mencurahi rahmat ke atas roh Allahyarham semoga Allahyarham termasuk dalam golongan orang-orang yang saleh. Sekian, terima kasih.

3.09 ptg.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebagai mewakili parti UMNO untuk bersama-sama merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 16hb Mac.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat umum mengetahui bahawa UMNO kehilangan seorang tokoh yang agak sukar untuk diganti kerana Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir adalah seorang yang begitu berpengalaman dan lama berkhidmat di dalam Majlis Tertinggi.

Kepada orang-orang UMNO, tokoh yang semacam ini memanglah kami rasa agak sukar untuk hendak diperkatakan sepertimana yang rakan-rakan saya telah sebutkan tadi, jasa yang telah diberikan oleh Allahyarham itu kepada kami sekalian. Kepada saya sendiri permergian Allahyarham itu rasanya seperti seorang anak kehilangan seorang ayah yang selama ini telah memberi kami tunjuk ajar daripada semua bidang ilmu pengetahuannya kerana kami dapati bahawa Allahyarham itu adalah seorang pemimpin yang jujur, yang ikhlas, yang suka berterus terang dan mahu

melihat bahawa masyarakatnya akan terus maju di masa-masa yang akan datang terutama di dalam politik negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami di dalam UMNO merakamkan rasa dukacita kami ini di dalam Dewan yang berbahagia ini dan kami ingin mengucapkan takziah ini kepada keluarga Allahyarham itu terutama sekali kepada isteri Allahyarham, Yang Berbahagia Puan Sharifah Aishah dan anak-anaknya kerana kehilangan seorang suami dan ayah yang begitu bahagia memimpin masyarakat keluarganya sebagaimana beliau memimpin kami di dalam parti UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, telah kami katakan berkali-kali di dalam ucapan-ucapan di mana sahaja kami berada kerana kami kehilangan seorang tokoh yang kami fikir tidak lagi ada pada masa akan datang yang dapat membimbing masyarakat Melayu khususnya yang telah banyak berkhidmat terutamanya untuk menegakkan Bahasa Malaysia dan agama di tanahair kita ini.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan sekali lagi takziah kepada keluarga ini dan kami berdo'a mudah-mudahan rohnya dicucuri rahmat dan dimasukkan ke dalam golongan orang yang saleh.

3.13 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Innalillahi wa innailaihi-rajiun. Maknanya: Datangnya dari Allah dan kepada Allah juga tempat kembali. Dengan izin, Izajaa a-ajaluhum layas-takakhiruna saatan wa-layastakdimun. Ertinya: Apabila sudah sampai ajalmu, sesaat tidak dilewat dan sesaat tidak dicepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sedih dan penuh rasa dukacita, saya merakamkan ucapan takziah pada isteri Yang Berhormat Allahyarham Tan Sri Dato (Dr) Syed Nasir iaitu Puan Sri Sharifah Aishah dan keluarganya, semoga sentiasa di dalam keadaan sabar dan tenang dan sentiasa berdo'a kepada Allah moga-moga sentiasa dicucuri rahmat dan berada di dalam Syurga yang berkekalan dan dengan ini saya juga daripada pihak PAS sentiasa berdo'a moga-moga Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato

(Dr) Syed Nasir dengan pemergiannya beliau, siapa yang tidak tahu dan siapa yang tidak faham khususnya di Malaysia dan umumnya di seluruh negara, di seluruh dunia semua maklum sejarah yang ada pada diri beliau yang mana tak dapat digambarkan, hanya Allah juga yang akan membalasnya kelak.

Jika hendak kita kajikan sejarah perjuangan dan tugas-tugas beliau itu memang kita juga memandang sedih di atas pemergian beliau tetapi rupa-rupanya Allah lebih sayang dari kita sayang, Allah lebih cinta dari kita cinta, Allah lebih kasih dari kita kasih. Kalau kita masyarakat umum semua kasih dan cinta kepada beliau juga tidak asing keluarganya, maka Allah lebih cinta. Sebab itu diambil beliau pergi dahulu daripada kita. Maka kita berdoa semoga beliau dicucuri rahmat dan berada di dalam Shurga yang berkekalan dengan jasa-jasa beliau dan kita pula sebagai orang yang akan mengikutinya beliau kelak belum tentu masanya bila dan tempatnya di mana, hanya yang kita rasa kagum, sebagai seorang ahli tokoh penting dalam negara kita dan seorang ahli negarawan di dalam negara kita, inilah satu-satunya orang yang betul-betul cinta kepada tugas dan perjuangannya sampai menghembus nafas yang akhir di atas tempat duduk kediamannya, perjuangannya, ini sungguh mengagumkan kita, entah siapa yang boleh mengikut contoh beliau, kadangkala kita dapat menghembus nafas yang akhir ialah di atas tilam yang sedap dan istana yang cantik, lawa, tetapi inilah yang mengagumkan sejarah yang ada pada diri Allahyarham moga-moga pemergian beliau kita semua berdoa, tidak kira daripada siapa juga, ini kewajiban bersama, insya Allah ganti beliau kelak kita harap biarlah dapat mengikut contoh dan jejak langkah beliau yang tak tahu kenal letih dan lesu, penat-lelah, walau bagaimana susah sakit sekalipun, namun tetap terus berjuang menjalankan tugas pentingnya.

Hanya sekian yang dapat saya menyampaikan ucapan takziah di Dewan yang mulia ini daripada pihak PAS dan saya bangun menyokongkan di atas dasar merakamkan rasa dukacitanya terhadap pemergian beliau. Sekian, terima kasih.

3.17 ptg.

Tuan Wong Kie Nai: Tuan Yang di-Pertua, I wish to speak in Bahasa Inggeris with your kind permission.

(Dengan izin) On behalf of the Sarawak National Party, I express my deepest condolence on the demise of Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, Speaker of the Dewan Rakyat, on the 16th of March, 1982. His sudden death is a great loss not only to our democratic system of Parliament but also to the whole country. His past performance and contributions would be remembered by all Malaysians.

3.18 ptg.

Tuan Alexander Y. L. Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagi pihak parti Gerakan Rakyat Malaysia, saya ingin menyatakan bahawa kami setuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio dan juga ingin mengucapkan takziah kepada Puan Sri Sharifah Aishah dan keluarga beliau.

Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato (Dr) Syed Nasir bin Ismail ialah salah seorang negarawan kanan di negara ini.

Seperti generasi ahli-ahli politik sebelumnya semenjak merdeka lagi mereka telah memberi kekuatan dan kestabilan yang sangat-sangat kita perlukan pada tahun-tahun permulaan merdeka. Seperti ramai lagi sebelum beliau iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Dr Ismail dan Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil Speaker Dewan Rakyat sebelumnya juga telah meninggal dunia semasa menjalankan tugas, mereka telah mengorbankan nyawa mereka. Tidak seorang pun boleh mendakwa mengorbankan yang lebih besar dari itu.

Saya mengenang kembali peranan aktif Allahyarham Tan Sri Syed Nasir dalam menjayakan Bahasa Malaysia semasa beliau menjadi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Orang yang tidak mengenali beliau telah menganggapnya sebagai estremist yang bekerja keras untuk mempertahankan

penggunaan Bahasa Malaysia tetapi itu bukanlah sebenarnya. Allahyarham Tan Sri Syed Nasir adalah seorang nasionalis yang tahu peranan Bahasa Kebangsaan dalam mewujudkan identitinya. Beliaulah orang yang meletakkan asas penggunaan Bahasa Malaysia yang sekarang telah diterima sebagai Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, memang susah hendak menambah lagi apa yang telah dikatakan oleh pemimpin-pemimpin negara, saudara-saudara saya di Dewan yang mulia ini dan oleh akhbar-akhbar kerana terlalu banyak pujian diberikan kepada Allahyarham Tan Sri Syed Nasir. Kami bersetuju dengan apa yang telah diperkatakan dan saya berasa bangga kerana dapat menyuarakan perasaan kami dalam Dewan yang mulia ini sebagai penghargaan kepada sumbangan yang tidak terkira yang telah dibuat oleh Allahyarham Tan Sri Syed Nasir kepada pembantuan negara.

Akhirnya, saya ingin sekali lagi mengucapkan takziah kepada Puan Sri Sharifah Aishah dan keluarga beliau.

3.22 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyampaikan perasaan saya yang sedih dan terharu di atas pemergian Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Saya bagi pihak Parti saya iaitu Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan diri saya sendiri dan keluarga saya ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Puan Sri Sharifah Aishah dan keluarganya di atas kehilangan seorang yang dikasihi.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum negara Malaysia telah mengalami satu kehilangan yang tidak dapat diganti dengan mudahnya. Allahyarham Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail ialah seorang pemimpin negara yang terkemuka malah salah seorang Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang termasyhur di rantau ini khususnya dan di seluruh negara Komanwel dan dunia amnya.

Allahyarham Tan Sri juga telah memberi kepimpinan yang berkalibar sebagai President kepada Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO). Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail adalah seorang yang mempunyai himah dan budi pekerti yang tinggi serta kebolehan beliau memimpin Dewan Rakyat adalah diketahui umum kerana beliau fasih dengan peraturan-peraturan dan mahir dalam mengendalikan perjalanannya mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan.

Khidmat dan jasa-jasa beliau kepada negara merangkumi berbagai aspek. Saya sungguh kagum di atas dedikasi dan khidmat Allahyarham khasnya di dalam mengendalikan usaha-usaha kebajikan seperti hal-hal keagamaan yang membawa faedah yang besar terhadap khasnya golongan masyarakat bumiputra dalam usaha-usaha meninggikan syiar Islam serta membangkitkan kemajuan ekonomi masyarakat bumiputera.

Allahyarham juga adalah pelopor Bahasa Kebangsaan dan dengan usaha beliau yang gigih telah berjaya meletakkan asas-asas bagi melaksanakan Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa Rasmi negara ini. Jasa dan khidmat Allahyarham akan tetap kekal dalam ingatan semua pihak yang mendampingi beliau kerana sifat humanisma dan tolak ansur serta tegas dan kena pada tempatnya.

Akhirnya, saya mohon menyokong supaya Dewan ini merakamkan perasaan dukacitanya di atas kehilangan Allahyarham Tan Sri (Dr) Syed Nasir bin Ismail sebagai seorang pemimpin yang berkaliber yang telah berkhidmat dengan cemerlang untuk rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, Dato Haji Mohamed bin Nasir untuk diputuskan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas

kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, pada 16hb Mac, 1982 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memperingati Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail yang dikasihi itu dan juga sebagai mengenangkan jasa-jasa beliau kepada negara, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan semua yang hadir untuk berdiri bersama-sama saya selama satu minit bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam diminta menghadaikan Fatihah seberapa yang ikhlas.

(Majlis bertafakkur selama satu minit dan yang beragama Islam menghadaikan Fatihah).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

1. Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengapa Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) yang dijadualkan akan dibuka awal tahun ini telah menemui kegagalan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, menurut kontrak pembinaan, PUSPATI patut disiapkan pada penghujung tahun 1981. Tempoh ini telah dilanjutkan kepada 2hb Julai, 1982 dan mengikut kemajuan kerja-kerja pada masa ini hanya dapat disiapkan pada penghujung tahun ini. Masalah-masalah yang mengakibatkan kelewatan ini adalah seperti berikut:

- (i) Projek ini telah diubahsuai dengan beberapa tambahan baru kepada kemudahan dan bangunan yang asal yang tidak dirancang pada awalnya di atas nasihat pakar perunding yang dilantik.
- (ii) Kekurangan bahan-bahan binaan terutama sekali simen dan keluli.

Tambahan pula bahan "barite" yang diperlukan bagi pembinaan projek ini hanya didapati di beberapa tempat tertentu sahaja.

- (iii) Kekurangan pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir seperti tukang kayu, tukang besi dan tukang konkrit.

Memandang kepada faktor-faktor tersebut di atas, pemborong yang menjalankan projek itu telah diberi perlanjutan tempoh untuk menyiapkan kompleks ini dengan secepat mungkin. Dalam hubungan ini, saya dengan sukacitanya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa dengan pembinaan yang pesat sekarang kompleks tersebut akan siap sebelum akhir tahun ini.

KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM KOMANWEL

2. Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau mengkaji semula kedudukan Malaysia dalam Persatuan Komanwel memandangkan tindak-tanduk Kerajaan British terhadap negara kita ini.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, kedudukan negara kita dalam Komanwel tidak dikaitkan dengan tindak-tanduk Kerajaan British terhadap negara kita. Kerajaan British sebagai satu negara di dalam Komanwel adalah sama tinggi dan sama rendah dengan negara-negara lain dalam Komanwel.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat prioriti dasar luar negara kita adalah mengikut keutamaan-keutamaan yang berikut iaitu:

Pertama, ASEAN.

Kedua, Negara-negara Pertubuhan Islam.

Ketiga, Negara-negara Berkecuali.

Keempat, barulah Komanwel.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, Komanwel bukan British dan British bukan Komanwel, Komanwel adalah Persatuan beberapa buah

negara termasuk Kanada, Australia, Malaysia, New Zealand dan lain-lain dalam dunia ini, sebab itu pada pendapat saya juga tidak ada apa sebab kalau persengketaan orang-orang Inggeris dengan Malaysia dan kita sendiri hendak mengundurkan diri dari Komanwel. Walau bagaimanapun saya yakin dan saya cukup percaya tindak-tanduk Kerajaan British banyak yang boleh mengecewakan kita sebagai sama taraf, kita juga sebagai bangsa yang berdaulat serupa dengan Kerajaan Inggeris yang berdaulat. Tetapi tindak-tanduk mereka sejak akhir-akhir ini ada beberapa perkara yang kita rasa sebagai negara yang bermaruah, satu bangsa yang beridentiti sendiri, tetapi tindak-tanduk Kerajaan British yang beberapa perkara itu kita kesal.

Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, apakah tindakan balas kita supaya seimbang dan jangan Kerajaan British sahaja, tetapi negeri-negeri dalam Komanwel khususnya seluruhnya mengiktiraf negara kita Malaysia ini supaya dipandang sama taraf dan tidak membuat satu-satu perkara yang boleh memandang rendah kepada negeri kita ini.

Kedua, saya hendak bertanya apakah tindakan Kementerian Luar Negeri kita secara diplomatik supaya kita dapat menyelesaikan di antara Kerajaan British dan Kerajaan Malaysia ini supaya balik semula terjalin sebagai hormat menghormati dan menjalankan suasana kita sebagai antarabangsa yang sempurna sebagaimana berpatutan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan ini adalah soalan lain daripada soalan asal.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengatakan bahawa kedudukan ahli-ahli dalam Kesatuan Komanwel adalah sama, tetapi mengapa kita dapati British sahaja yang mengepalai Persatuan Komanwel ini pada hal Malaysia, India dan lain-lain negara adalah sama tarafnya, tetapi mengapa British sahaja yang menguasai atau mengepalai Komanwel ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar British menguasai atau mengepalai Komanwel. Misalnya apabila berjumpa di London barulah Perdana Menteri menjadi Pengerusi, kalau di Melbourne Perdana Menteri Australia dan pada satu waktu dahulu di Singapura Perdana Menteri Singapura yang menguasai perjumpaan Komanwel.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kata kedua soalan saya tidak ada kaitan dalam hal ini (*Ketawa*). Saya rasa termenung di Dewan yang mulia ini adakah saya ini bercakap melarat yang tidak faham, saya mengatakan saya logik ada bersangkutan paut dengan soalan ini iaitu apakah tindakan Kementerian Luar Negeri supaya menyeimbangkan di antara kedua sedikit sebanyak, siapa pun tidak dapat menafikan kita ada selisih pendapat dengan Kerajaan British di dalam beberapa perkara. Ini adalah kewajipan Kementerian Luar mengatasinya supaya kedua negara ini dapat disesuaikan balik sebagai negara antarabangsa yang berdaulat dan boleh kita menjalankan terbaik-baik pakatan sebagaimana dengan lain-lain negeri dalam dunia moden. Pada hari ini memang kita berusaha menolak segala persengketaan dan Kementerian Luar Negeri sebijak-bijaknya mestilah menyamakan balik, menstabilkan balik kedua-dua negara ini. Adakah soalan saya ini tidak bersangkutan-paut dengan ini? Saya minta Tuan Yang di-Pertua tolong sedikit mencelah (*Ketawa*), kalau ada bersangkutan-paut saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya itu ditujukan iaitu apakah langkah-langkah yang patut dibuat dan diambil oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan British untuk mencari jalan supaya kedua-dua ini pulih semula keadaannya, maka ini adalah soalan lain. Soalan di hadapan kita ialah adakah beliau mengkaji semula kedudukan Malaysia dalam Komanwel, bukan soal hendak berdamai. Kalau itu soalnya diharapkan dibuat soal semula supaya dapat dijawab oleh Kementerian Luar Negeri.

PROJEK MINI-HAIDRO

3. **Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

(a) dalam tahun 1980 Kerajaan telah melantik tiga syarikat pakar perunding iaitu dari New Zealand, Canada dan Amerika Syarikat untuk mengkaji kesesuaian pembinaan 102 projek haidro mini termasuk di Sabah dan Sarawak sama ada kajian itu telah siap atau belum; jika belum apakah sebab-sebabnya; dan

(b) jika siap kajian ini siapakah yang akan bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek tersebut dan sama ada ianya diberi kepada kontraktor tempatan atau luar negeri.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melantik 3 Syarikat Pakar Perunding untuk menjalankan kajian kemungkinan ke atas 102 projek mini-haidro di seluruh negara iaitu:

82 projek untuk Semenanjung Malaysia.

10 projek untuk Sarawak.

10 projek untuk Sabah.

Ini berlainan daripada 23 projek lain yang sedang dilaksanakan oleh LLN sekarang. Bagi maksud kajian kemungkinan ini negeri-negeri ini dibahagikan kepada tiga kawasan seperti berikut:

<i>Nama Perunding</i>	<i>Kawasan</i>	<i>Negeri-negeri</i>	<i>Bil. Tapak Projek</i>
Shawinigian (Canada)	1	Kedah	13
		Perak	13
		Selangor	8
		Negeri Sembilan	5
		Perlis	2
			<hr/>

<i>Nama Perunding</i>	<i>Kawasan</i>	<i>Negeri-negeri</i>	<i>Bil. Tapak Projek</i>
Stanley (USA)	11	Kelantan	12
		Trengganu	12
		Pahang	12
		Johor	5
		<hr/>	41
Enax (New Zealand)	111	Sabah	10
		Sarawak	10
		<hr/>	20

Syarikat Juruperunding bagi Kawasan I telahpun memulakan kerja pada 28hb Oktober, 1982. Syarikat Juru Perunding telah diberi tempoh hingga Disember 1981 untuk menyiapkan deraf laporan akhir mereka. Syarikat Juru Perunding telah meminta supaya tarikh penyerahan deraf laporan akhir dilanjutkan dari Disember 1981 hingga Jun, 1982. Setelah mengkaji permohonan Syarikat Juru Perunding Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan tarikh penyerahan deraf akhir kepada Jun, 1982.

Bagi Kawasan II pula Syarikat Perunding berkenaan telah memulakan kerja pada 2hb Januari, 1981. Tarikh akhir Syarikat Perunding perlu mengemukakan laporan telah dipinda dari Februari 1982 kepada akhir bulan Mac, 1982.

Syarikat Perunding yang ditugaskan bagi Kawasan III telahpun memulakan kerja pada 17hb November, 1980 dan telahpun mengemukakan deraf laporan akhir pada bulan Disember, 1981 sepertimana yang ditetapkan pada asalnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini Badan-badan yang ditugaskan untuk melaksanakan projek tersebut di Semenanjung ialah Lembaga Letrik Negara (LLN), di Sarawak Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (SESCO), di Sabah Lembaga Letrik Sabah (SEB). Ini akan diteruskan. Kerajaan akan melaksanakan projek ini mengikut procedure yang biasanya dibuat dan jika ada kontraktor-kontraktor tempatan yang mempunyai kelayakan mereka akan diberi keutamaan dalam melaksanakan

projek-projek ini. Kerajaan juga akan menimbangkan kemungkinan melaksanakan projek tersebut secara 'turnkey'.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek mini-haidro ini (102 projek) telah dirancang untuk dilaksanakan bagi Rancangan Malaysia Keempat dan pelaksanaannya akan bermula dalam tahun 1982 iaitu tahun ini. Setakat ini hanya satu sahaja projek yang telah ditenderkan iaitu di Sarawak dan projek-projek lain telah dirancang untuk disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Puan Rahmah binti Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu sahaja iaitu sebelum Kerajaan mengambil keputusan untuk melantik tiga syarikat pakar perunding daripada luar negeri ini, adakah Kerajaan telah mencuba mendapatkan pakar-pakar perunding di dalam negeri ini sebelum kita pergi ke luar negeri.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, LLN memang telahpun mengkaji keupayaan kita dalam negeri termasuklah keupayaan LLN sendiri sebelum kita mengemukakan ataupun membuat cadangan kepada Kerajaan bagi lantikan perunding-perunding dari luar negeri.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu terdapat 10 projek mini hydro di Sabah. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan di mana tempat ini, dan yang kedua, satu lagi tenaga hydro yang dibuat di Tenam Pangi, apakah kesudahannya projek hydro yang dilaksanakan di Tenam Pangi ini dan bila masanya Sabah dapat menikmati kuasa atau tenaga melalui Tenam Pangi Hydro Electric?

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf oleh kerana tempat letaknya 10 projek yang saya telah nyatakan di Sabah itu tidak ada pada saya sekarang ini tetapi saya boleh beri kepada Ahli Yang Berhormat. Berkenaan dengan Tenam Pangi Project, projek ini bukanlah termasuk dalam

lingkungan yang kita katakan mini hydro. Ini adalah dikatakan projek yang besar dan tidak termasuk dalam apa yang dikatakan mini hydro.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapat keterangan dari Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan daripada 102 projek tadi cuma satu sahaja projek yang telah ditenderkan. Bolehkah atau tidak diberitahu kepada Dewan ini bila agaknya yang baki projek ini hendak ditenderkan dan bila jangkanya segala projek ini akan dapat disiapkan?

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan bahawa deraf laporan projek ini sedang ditunggu oleh Kementerian saya dan juga LLN dan apabila diterima laporan-laporan ini, kita akan mengkaji dan seterusnya mengambil tindakan bagi menenderkan projek-projek ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini LLN telah dan sedang mengendalikan 23 buah projek mini hydro di Semenanjung iaitu 4 di Kedah, 8 di Perak, 2 di Negeri Sembilan, 2 di Kelantan, 2 di Trengganu, 3 di Pahang dan 2 di Johor; jumlah kesemuanya ialah 23 dan pada ketika ini 3 daripada projek-projek ini telahpun siap dan dicommissionkan dan projek-projek yang lain adalah dalam berbagai-bagai peringkat pelaksanaan.

LAPANGAN TERBANG BARU IPOH

4. **Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kedudukan rancangan Kerajaan mengenai lapangan terbang baru untuk menggantikan lapangan terbang Ipoh yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Umar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang bercadang untuk membina sebuah lapangan terbang yang baru di Ipoh bagi menggantikan lapangan terbang yang sedia ada. Sebuah tapak telahpun diperolehi dan pada masa ini pihak perunding sedang menjalankan kajian lanjut bagi menentukan kesesuaian tapak tersebut. Adakah dijangkakan bahawa

rekabentuk awal lapangan terbang ini akan dapat disiapkan dalam bulan November tahun ini. Lapangan terbang baru yang dicadangkan itu adalah untuk kegunaan bagi semua keadaan masa (all weather) dan boleh menerima penerbangan pesawat sehingga jenis Boeing 737.

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA MALAYSIA

5. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan jumlah bilangan pertubuhan-pertubuhan belia di Malaysia, berapakah peruntukan yang diberi kepada setiap pertubuhan dan apakah kriteria untuk memberikan peruntukan-peruntukan itu.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini di Malaysia terdapat sejumlah 24 buah Pertubuhan Belia Kebangsaan, sebuah Majlis Belia Malaysia dan 11 buah Majlis Belia Negeri dengan bilangan ahlinya kira-kira 1.3 juta orang. Kedudukan ahli-ahli bagi setiap Pertubuhan itu adalah berbeza-beza iaitu di antara 900 orang bagi Pertubuhan yang paling kecil dengan 211,223 orang bagi Pertubuhan yang paling besar.

Ada dua jenis peruntukan yang diberikan kepada Pertubuhan tersebut. Yang pertama sumbangan pentadbiran dan yang kedua bantuan menjalankan projek. Sumbangan pentadbiran diberikan kepada Pertubuhan-pertubuhan tersebut berdasarkan saiz atau bilangan ahli-ahlinya. Sumbangan paling rendah sebanyak \$1,800 setahun dan paling tinggi sebanyak \$100,000 setahun. Jumlah sumbangan pentadbiran kepada Pertubuhan-pertubuhan di Malaysia pada tahun 1981 ialah sebanyak \$395,800 dan pada tahun ini (1982) sebanyak \$473,800. Bantuan pelaksanaan projek-projek diberi berdasarkan permohonan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Pertubuhan-pertubuhan tersebut bagi membolehkan menjalankan projek-projek. Dalam tahun 1981 dan tahun 1982 jumlah bantuan yang diberikan kepada Pertubuhan-pertubuhan ialah \$2,577,000.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamud: Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, apakah tafsiran Kerajaan yang mengatakan satu pertubuhan itu adalah pertubuhan belia. Adakah atas namanya sahaja ataupun atas kelayakan umur atau sebagainya?

Dato' Chin Hon Ngian: Tafsiran yang digunakan ialah berdasarkan umur.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya amat tertarik bahawa pertubuhan belia dalam negara kita ini merangkumi 1.3 juta. Ini harus diberi tahniah kepada pengelola-pengelola belia di seluruh tanah air kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar secara tidak langsung Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan beberapa projek-projek belia telah dibuat dengan bantuan tahun yang lalu \$395,800. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan di sini sekurang-kurangnya kita Ahli Dewan Negara dalam negeri ini tahu apa-apakah projek yang telah disiapkan oleh belia-belia ini yang boleh memberi kemegahan kepada kita bersama. Bolehkah diterangkan di antara projek-projek yang telah dilaksanakan itu?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, di antara projek-projek ialah projek keugamaan, projek kemasyarakatan, projek pendidikan, projek kewanitaan, projek kebudayaan, projek sukan dan rekreasi.

PEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH

6. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beribu-ribu orang pemegang kad pengenalan merah telah dan sedang dieksploitasikan oleh majikan dan kebanyakan daripada mereka dalam golongan ini telah pun memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk menjadi rakyat negara dan ada antaranya telah menunggu selama sepuluh tahun, jika sedar sama ada beliau akan mempercepatkan proses permohonan kerakyatan mereka itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya tidak pernah menerima sebarang aduan mengenai beribu-ribu orang pemegang kad pengenalan merah sedang dieksploitasi oleh majikan-majikan mereka. Mengenai permohonan kerakyatan pula, suka saya menyatakan di sini Kerajaan adalah sentiasa menimbang dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kesemua permohonan-permohonan kewarganegaraan. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes yang terpaksa mengambil masa yang lama disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (1) Pemohon tidak dapat dihubungi oleh kerana tidak memaklumkan pertukaran alamatnya;
- (2) Kelambatan pemohon-pemohon memberikan maklumat-maklumat yang diminta;
- (3) Maklumat-maklumat yang diberikan tidak jelas;
- (4) Pemohon tidak mengisi dengan lengkap borang-borang permohonan.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya dengar Timbalan Menteri berkenaan menjawab bahawa satu-satu kes itu lambat disiapkan oleh kerana tidak melengkapkan borang-borang yang diisikan, kebanyakan dalam lingkungan ini. Tetapi saya suka memberi satu misal, umpamanya, si pemohon mula memohon pada tahun 1972, setahun kemudiannya selepas ia merujuk kepada pejabat Yang Berhormat Menteri, ia diberitahu permintaannya masih lagi dalam proses dan di dalam pertimbangan yang terakhir, itu setahun selepas permohonan. Selepas 4 tahun kemudiannya si pemohon ini bertanya lagi mengapa permohonannya tidak diselesaikan pada 4 tahun kemudiannya. Jawapannya begitu juga permohonan masih berada dalam peringkat terakhir. Itu pada tahun 1975 dan tiada apa-apa jawapan sehingga 1981. Jawapan dari pejabat Menteri berkenaan masih juga permohonan masih berada dalam tindakan yang terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah sebab-sebab proses yang terakhir ini dikehendaki menelan masa hingga 10 tahun lebih. Yang kedua, saya ingin tahu dari Timbalan Menteri berkenaan, apakah tindakan yang beliau akan ambil bagi membayangkan Kerajaan baru 2M ini yang ingin mewujudkan sebuah perkhidmatan yang cekap, licin dan berkesan.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi sebab-sebab kelambatan yang telah dinyatakan tadi yang menggambarkan pada keseluruhannya masalah kelambatan yang telah berlaku. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada kes-kes specific seperti mana yang telahpun disebutkan tadi, saya suka menasihati Yang Berhormat supaya berjumpa saya atau Kementerian saya untuk melihat kes yang demikian secara spesifik juga, kerana mengambil satu-satu kes specific atau berasingan (isolated), kemudian generalisekan bahawa tidak ada kecekapan kepada Kementerian yang tertentu adalah satu tindakan yang tidak munasabah. Saya sekali lagi suka menasihati Ahli Yang Berhormat tersebut supaya kes-kes yang seperti ini dibawa ke pengetahuan saya atau pihak-pihak yang tertentu dalam Kementerian saya supaya penjelasan sebenar dapat diberikan kepada kedudukan kes tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya memandang berat dalam hal kebangkitan hak-hak kerakyatan negeri ini. Bagaimanapun saya tahu di antara negara dalam dunia ini negara kitalah yang paling banyak sekali yang memberi kemudahan yang paling utama sekali memberi kerakyatan kepada orang-orang asing dalam negeri kita. Rasa saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu di sini, berapa ramai setakat ini yang kita telah mempunyai rakyat negeri asing atau pun orang lain menjadi rakyat negeri kita dalam negeri ini, yang saya rasa tiada dunia yang begitu banyak memberi kerakyatan. Sebab itu sebarang tuduhan kepada Kerajaan mengatakan tidak menjalankan dengan sempurna atau lainnya, saya sebagai Ahli seorang Ahli Dewan ini saya tidak bersetuju

sama sekali bahkan kita telah memberi kemudahan yang terlampau banyak, dan kalau perlu, saya suka menegaskan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri haruslah menganalisa, mengapa terlampau banyak dan terlampau murah negeri ini memberi kerakyatan kepada orang lain yang boleh membawa bahaya kepada bumiputeranya sendiri. Sebab itu sukalah saya juga meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan setakat ini berapa banyak kita telah memberi kerakyatan kepada orang asing menjadi rakyat negeri kita ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya agak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu iaitu kalau adapun kelambatan biarlah ianya terlambat daripada kita tersilap dengan memberi kerakyatan kepada orang yang tidak sesuai yang tidak sejajar dengan kepentingan dan keselamatan negara kita.

Saya suka menyatakan setakat ini bahawa Kerajaan kita telah meluluskan sebanyak 2,296,369 orang yang memohon warganegara dan diluluskan menjadi warganegara kita. Sebanyak 83,648 orang telah ditolak dan sebanyak 23,730 masih lagi dalam proses.

PERTUBUHAN PELADANG—PER-CANTUMAN KOPERASI

7. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan akan mengimplementasikan terus dasar yang telah dijalankan dengan pesatnya dahulu oleh Lembaga Pertubuhan Peladang, iaitu dasar percantuman koperasi-koperasi pertanian dan persatuan-persatuan peladang di dalam Pertubuhan Peladang.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus mengimplimentasikan dasar percantuman Koperasi-koperasi berasaskan Pertanian dan Persatuan-persatuan Peladang ke dalam Pertubuhan Peladang supaya negara mempunyai satu sahaja bentuk Pertubuhan Peladang yang kukuh dan berkesan.

PEMAJU PERUMAHAN—KELEWATAN PROJEK

8. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada pemaju-pemaju perumahan yang tidak menyiapkan projek perumahannya mengikut perjanjian dengan pihak pembeli; jika sedar apakah tindakan yang beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sebilangan besar pemaju-pemaju perumahan tidak dapat menyiapkan projek-projek perumahan mereka dalam tempoh yang dijanjikan sebagaimana yang terdapat dalam surat perjanjian jual-beli. Faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan ini adalah di antara lain masalah-masalah yang berhubung dengan kontraktor kekurangan pekerja-pekerja mahir, keadaan cuaca, kesulitan kewangan, masalah perancangan, pengurusan dan sebagainya. Pada amnya bolehlah dikatakan kelewatan di antara tiga hingga enam bulan ada berlaku bagi kemajuan-kemajuan perumahan yang telah disiasat.

Saya suka menegaskan bahawa masalah kelewatan menyiapkan rumah mengikut masa yang dijanjikan sebenarnya merupakan masalah pecah kontrak yang pada akhirnya harus diselesaikan di mahkamah melalui tindakan sivil yang boleh diambil oleh pihak pembeli. Pihak pembeli berhak menuntut ganti rugi kerana kelewatan menyiapkan rumah dan adalah terpulang kepada pihak mahkamah untuk menimbang bukti-bukti dan menentukan sama ada pihak pemaju harus membayar ganti rugi atau tidak.

Usaha-usaha Kementerian saya dalam masalah ini bertujuan untuk menggesa pihak yang terlibat bagi mempercepatkan kerja-kerja pembinaan dan di mana boleh menjalankan kerja-kerja perantaraan di antara pihak pemaju dan lain-lain badan Kerajaan yang terlibat di dalam industri perumahan.

Bagaimanapun pihak pengawasan dan penguatkuasa di Kementerian saya adalah sedang disusun semula untuk meluaskan dan

mengemaskan lagi usaha-usaha yang sedang dijalankan. Kementerian saya bercadang untuk menjalankan kawalan yang lebih rapi dan sistematik ke atas kemajuan-kemajuan perumahan yang diusahakan oleh pihak swasta. Kawalan ini akan dimulakan di peringkat yang lebih awal dan diteruskan sehingga ke peringkat pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki. Adalah diharapkan langkah-langkah ini akan mewujudkan satu suasana urusan perumahan dan perlaksanaan yang lebih bersih, cekap dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

HARGA GETAH/BIJIH TIMAH

9. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah segera yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki harga getah dan bijih timah memandangkan kedua-dua barang ini bukan sahaja mendatangkan pertukaran wang asing tetapi juga menjadi sumber kehidupan penduduk-penduduk luar bandar dan sama ada Kerajaan akan merancang lain-lain cara selain daripada cadangan menubuhkan persatuan-persatuan negara-negara pengeluar di antara Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki harga getah dan timah supaya berada di tahap yang berpatutan dan ekonomik kepada pengeluar-pengeluar khususnya penduduk di luar bandar yang bergantung kepada industri bahan-bahan ini.

Mengenai getah, Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRO) sedang digunakan bagi menstabilkan harga getah menerusi operasi stok penimbal. Baru-baru ini Pengerusi Stok Penimbal INRO telah memanggil sumbangan ketiga sebanyak \$200 juta dari ahli-ahli INRO. Setakat ini sebanyak \$488 juta telah diminta untuk membolehkan Pengurus Stok

Penimbal INRO membeli sebanyak lebih kurang 250,000 tan metrik getah dari pasaran antarabangsa bagi mengurangkan bekalan yang berlebihan.

Di peringkat negeri pula, Kerajaan telah mengarahkan agensi-agensi seperti MARDEC dan RISDA membeli secara langsung getah keluaran pekebun-pekebun kecil pada harga yang lebih ekonomik dan berpatutan.

Berhubung dengan timah pula, langkah-langkah segera yang telah diambil oleh Kerajaan termasuklah pengurangan pengeluaran timah sebanyak 15,000 tan metrik setahun mulai 1983 atau 25% dari pengeluaran kita supaya permintaan dan bekalan timah dapat diseimbangkan dan harga berada di peringkat yang munasabah. Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji cara-cara bagi melaksanakan pengurangan pengeluaran itu dengan sebaiknya.

Majlis Timah Antarabangsa pula memanggil sumbangan sejumlah \$425 juta dari negara-negara pengeluar dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Ke-5 untuk memulakan operasi stok penimbalnya bagi mengawal kejatuhan timah di bawah paras jajaran harga. Saya juga berharap Majlis tersebut akan menimbangkan pelaksanaan pengawalan eksport timah tanpa sebarang kelewatan lagi bagi mengurangkan lebihan timah dan menstabilkan pasaran bagi barangan ini.

Kerajaan juga telah merancang beberapa langkah lain untuk memperbaiki harga getah dan timah. Dalam hal ini, Kerajaan telah menubuhkan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) untuk mengujudkan satu sistem penentuan harga bagi bahan-bahan utama yang lebih berkesan dan sistematik dalam negara ini. Langkah ini dapat mengurangkan penggantungan kita terhadap pusat-pusat komoditi di luar negeri dalam menentukan harga bahan-bahan utama negara ini. Di samping minyak kelapa sawit yang sedang diniagakan dalam KLCE pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji cara-cara untuk memasukkan getah dan timah. Kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan lagi kecekapan dan daya pengeluaran dan daya pengeluaran

sektor bahan-bahan utama menerusi program-program rancangan tanam semula, penyelidikan dan pembangunan, pemindahan teknologi dan modernisasi khususnya di sektor pekebun kecil getah.

Di samping itu Kerajaan berusaha dalam perkara berikut untuk meningkatkan permintaan bahan-bahan utama kita dengan:

- (i) mencari pasaran baru melalui penghantaran rombongan perdagangan dan ekonomi ke luar negeri.
- (ii) memesatkan pembangunan industri berasaskan sumber dalam negara ini bagi menambah permintaan bahan-bahan utama; dan
- (iii) menyelidik dan memajukan kegunaan baru bahan-bahan utama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10.

SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

10. Dato' G. Pasamanickam (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sehingga 31-12-81:

- (a) jumlah setinggalan-setinggalan di Wilayah Persekutuan; dan
- (b) bilangan yang telah dipindahkan ke tempat-tempat kediaman baru sama ada rumah pangsa atau rumah awam kos rendah.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31hb Disember, 1978 daripada banci setinggalan yang dijalankan didapati bilangan setinggalan di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak kira-kira 250,000 orang. Sehingga 31hb Disember, 1981 tiada banci setinggalan dijalankan maka bilangannya tidaklah diketahui.

Daripada statistik yang tersedia didapati bilangan setinggalan yang telah dipindahkan ke

tempat-tempat kediaman baru sama ada rumah pangsa ataupun rumah awam kos rendah sehingga 31hb Disember, 1981 ialah sebanyak 3,434 keluarga semuanya. Keutamaan pemindahan setinggalan ini diberikan kepada mereka yang terlibat dengan projek-projek pembangunan Kerajaan.

ELAUN BULANAN ORANG CACAT

11. Puan Hasanah binti Md. Kassim minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada Kementerian Kebajikan Am bercadang untuk memotong bantuan wang bulanan sebanyak \$50.00 untuk orang buta setelah mereka mendapat pekerjaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi pihak-pihak Menteri Kebajikan Am menjelaskan, elaun Pekerja Cacat sebanyak \$50.00 sebulan adalah diberi oleh Kementerian Kebajikan Am Malaysia kepada orang-orang cacat termasuk orang buta, yang berpendapatan dalam lingkungan \$20.00 hingga \$300.00 sebulan untuk menggalakkan mereka bekerja. Kementerian Kebajikan Am tidak ada cadangan memotong elaun bulanan ini selagi pendapatan mereka tidak melebihi \$300.00 sebulan.

JENTERA BERAT J.K.R. DI PROJEK FELDA

12. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah sebabnya berpuluh-puluh jentera berat J.K.R. (FELDA) dibiarkan tersadai dan tidak diperbaiki sejak dari tahun 1975 lagi dan adakah jentera-jentera itu boleh digunakan lagi jika diperbaiki.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini tidak khusus ataupun spesifik oleh kerana jentera J.K.R. ada digunakan di beberapa projek FELDA seperti di Jengka, Bahau dan Johor Tenggara. Walau bagaimanapun, bagi ketiga-tiga projek FELDA ini ada 377 unit

jentera berat kepunyaan J.K.R. Daripada jumlah ini kebiasaannya sebanyak 10% ataupun 38 unit jentera berat adalah di dalam pembaikan ataupun baikpulih dari masa ke semasa. Daripada jumlah tersebut juga sebanyak 35 unit jentera berat adalah berusia lebih daripada 12 tahun dan menunggu kelulusan untuk dilelong kepada umum.

KAPAL TERBANG CESSNA/BELL HELIKOPTER—KEMALANGAN

13. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Jabatan Penerbangan Awam Malaysia telah selesai penyasatannya atas kemalangan kapal terbang jenis Cessna kepunyaan Kelab Penerbangan Selangor di Janda Baik, Pahang, dan Helikopter Bell Kepunyaan Genting Berhad di Pahang baru-baru ini; dan
- (b) jika selesai, apakah keputusannya dan bilakah laporan itu akan dibentangkan di Parlimen atau diumumkan untuk orang ramai.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Penyasatan ke atas kemalangan kapal terbang Cessna 206 kepunyaan Kelab Penerbangan Selangor dan Bell Helikopter kepunyaan Genting Berhad belum lagi selesai dan masih berjalan lagi.
- (b) Oleh kerana laporan itu belum selesai, perkara sama ada ianya akan dibentangkan di Parlimen atau diumumkan kepada orang ramai tidak timbul sekarang ini.

TUDM—KURSUS PEGAWAI SKUADRON

14. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar bahawa satu kursus bagi Pegawai-pegawai Skuadron telah diadakan dengan 25 orang Pegawai TUDM yang berpangkat Kapten dan sama ada Kerajaan akan mengadakan kursus bagi pegawai-pegawai TUDM yang lain demi kepentingan pertahanan negara.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa Tentera Udara Di Raja Malaysia ada menjalankan kursus sebagai Pegawai-pegawai Skuadron yang diadakan tiga kali setahun untuk selama 14 minggu. Kursus tersebut dihadiri oleh lebih kurang 30 pegawai yang berpangkat Kapten (Udara) dan Mejar (Udara) adalah bertujuan hendak membina kemampuan mereka memegang tanggungjawab hingga sebagai pemimpin di peringkat Skuadron atau Staff di peringkat menengah. Selain daripada kursus Pegawai-pegawai Skuadron ini, Tentera Udara Di Raja Malaysia juga menghantar pegawai-pegawainya di dalam atau keluar negeri untuk menjalani berbagai kursus profesionalisma dan kepimpinan demi untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan selain dari membina kerjaya mereka dalam TUDM. Kursus-kursus tersebut dijalankan menurut jadual, dengan mengambil kira keperluan perkhidmatan dan pegawai-pegawai berkenaan dengan cara yang tertentu.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

15. Dato' Yap Peng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah bilangan rumah murah yang telah didirikan pada tahun 1980 dan 1981.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat rumah awam kos rendah yang telah siap dibina dalam tahun 1980 ialah sebanyak 8,053 unit, manakala dalam tahun 1981 pula sebanyak 12,250 unit. Kemajuan fizikal pembinaan rumah kos rendah daripada tahun 1980 di peringkat awal pelaksanaan sebanyak 19,713 unit di peringkat pembangunan binaan sebanyak 33,159 unit dan yang siap pembinaan 8,053 unit sebagaimana yang telah saya katakan tadi. Bagi tahun 1981 pelaksanaan peringkat awal sebanyak 86,699 unit, di peringkat pembinaan bangunan 25,637 unit dan yang siap 12,250 unit.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, rumah harga rumah di pihak sektor swasta

pula, sebanyak 10,347 unit telah siap dibina dalam tahun 1980, dan 5,803 unit pada tahun 1981.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan, Kerajaan telahpun mendirikan rumah-rumah kos rendah, oleh itu saya ingin bertanya di sini, saya banyak melihat rumah-rumah kos rendah yang telah disiapkan oleh Kerajaan sehingga ke hari ini ada lagi rumah-rumah itu masih belum diduduki, apakah sebabnya, umpamanya di kawasan Nilai Negeri Sembilan. Saya dapat tahu hampir-hampir setahun rumah itu dibina tetapi belum juga ditunggu. Apakah sebab-sebabnya lambat diberi kepada orang-orang yang berkenaan?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan membuat penyiasatan atas perkara ini.

PENIAGA KEDAI DI KEDIAMAN BARU

16. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah cadangan-cadangan Kementerian untuk menempatkan semula peniaga-peniaga kedai yang terlibat di kawasan-kawasan yang sedang dan akan dibangun oleh Dewan Bandaraya atau pihak Kerajaan supaya membolehkan mereka menyambung perniagaan mereka.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, setinggan-setinggan yang menduduki tanah Kerajaan dan berniaga di situ sekiranya terlibat dengan projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya atau pihak Kerajaan atas dasar peri kemanusiaan, Dewan Bandaraya akan hanya menyediakan tempat kediaman alternative kepada mereka. Dengan kata lain, Dewan Bandaraya adalah bertanggungjawab terhadap pemindahan mereka ke tempat-tempat kediaman baharu yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya tidak menyediakan kemudahan tempat berniaga kepada mereka yang dipindahkan. Selain daripada itu setinggan-setinggan yang menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian, perdagangan dan perusahaan, Dewan Bandaraya tidak

bertanggungjawab menyediakan tempat ganti kepada mereka. Setinggan-setinggan yang menduduki tanah persendirian pula dan diambil oleh pihak Kerajaan untuk projek pembangunan, mereka ini adalah menjadi tanggungjawab tuan tanah, kadangkala atas dasar peri kemanusiaan Dewan Bandaraya akan menyediakan tempat kediaman ganti kepada mereka, itupun jika terdapat kekosongan di rumah-rumah pangsa atau rumah-rumah panjang.

Perlu diberitahu bahawa setinggan yang berniaga yang terlibat dengan pemindahan dibenarkan memohon untuk berniaga di tempat-tempat yang ada disediakan dan permohonan mereka akan dipertimbangkan bersama-sama dengan permohonan lain. Dewan Bandaraya tidak bertanggungjawab langsung terhadap pemindahan setinggan-setinggan yang menduduki tanah persendirian sekiranya kawasan itu akan dibangunkan oleh pihak persendirian.

GENERATOR HOSPITAL DAERAH MACHANG

17. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Engku Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bangunan untuk generator di Hospital Daerah Machang telah dibina bersama-sama dengan bangunan Hospital Daerah Machang, tetapi generator di Hospital tersebut sehingga kini belum diadakan, jika sedar, nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi masalah ini; oleh kerana gangguan bekalan elektrik sering berlaku di kawasan itu yang menjejaskan kerja-kerja rawatan dan tabung simpanan darah di hospital itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa generator untuk Hospital Daerah Machang, Kelantan masih belum kedapatan lagi.

Walaupun bagaimanapun, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa generator tersebut telah dirancang untuk dibeli pada tahun ini dan akan dipasang oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Sementara itu, Kementerian akan membeli sebuah

generator kecil sebagai langkah sementara, khasnya untuk perkhidmatan Tabung Darah, Hospital Daerah Machang.

PENYAKIT DEMAM DENGGI

18. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada serangan penyakit Demam Denggi di Daerah Muar dan Johor Bahru baru-baru ini bertambah bahaya atau berkurangan, sebab penyakit ini merebak dengan dahsyatnya dan bilangan mereka yang mendapat penyakit tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat penyakit denggi adalah "endemic" iaitu sentiasa boleh berlaku di beberapa negeri di negara ini kerana tidak dapat dihapuskan sama sekali.

Di Negeri Johor, kesemua 8 daerah telah melaporkan kes-kes denggi sejak tahun 1980. Bagi tahun ini, sehingga 14-3-82, daerah Muar telah melaporkan 23 kes dan Johor Bahru 18 kes. Wabak tersebut telah bermula pada bulan Januari dan bilangan kes-kes sedang menurun.

Penyakit ini disebabkan oleh virus denggi yang dibawa oleh Nyamuk Aedes yang membiak dalam air bersih di dalam dan di sekitar rumah. Setiap tambahan isipadu air dan takungan air hujan di dalam bekas-bekas air serta kegagalan orang awam menghapuskan tempat-tempat membiak sebagaimana dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan selalunya mengakibatkan kejadian Wabak denggi.

Jabatan Kesihatan sedang membantu pihak berkuasa tempatan mengurangkan nyamuk dengan menyembur asap (fogging) secara aktif dan juga memberi pelajaran kesihatan secara meluas kepada orang ramai untuk menghapuskan tempat-tempat membiak di rumah mereka.

Banyak sebab-sebab boleh dikaitkan dengan wabak yang mengejut itu seperti yang disenaraikan di bawah ini:

- (1) Tabiat menyimpan air dalam bekas-bekas untuk jangkamasa yang lama

yang mana seterusnya menjadikan tempat-tempat membiak yang sesuai bagi nyamuk Aedes.

- (2) kurang pengetahuan tentang pertalian penyakit dengan nyamuk dan nyamuk dewasa dengan jentik-jentik.
- (3) kurang kerjasama dari orang awam terutamanya tentang penggunaan ubat jentik-jentik dalam bekas-bekas air dan kebersihan sekeliling.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan cuma barangkali Timbalan Menteri boleh mengesahkan iaitu sebabnya ada disebut dalam soalan ini penyakit itu merebak satu daripada tempatnya di Muar. Adakah Timbalan Menteri sedar yang pihak Kerajaan tidak dapat memberi air paip di Muar, maka dengan sebab itu berpuluh ribu tong dan tempayan memang disediakan di kiri kanan jalan untuk menyimpan air, maka itulah sebab satu daripada nyamuk ini biak. Kalau pihak Kerajaan sedar, saya harap perkara ini dapat diatasi dengan seberapa segera.

Yang kedua, pada masa dahulu adakah Timbalan Menteri sedar yang pihak Pejabat Kesihatan ada menyembur minyak di parit-parit di serata bandar dalam daerah-daerah di mana juga khasnya dalam negeri Johor tetapi sekarang ini pihak kesihatan tidak lagi menyembur minyak-minyak itu untuk mencegah nyamuk ini, melainkan kalau sudah kena—ada penyakit denggi dan sebagainya, baharulah pihak Kesihatan sibuk hendak menyembur minyak ke sana ke sini. Adakah tidak dapat pihak Kerajaan menyembur balik minyak-minyak ini segala longkang dan parit yang dalam tanggungan pihak Kerajaan supaya nyamuk itu tidak biak?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang saya dapat menerima hujah bahawa bekalan air paip di kawasan Muar itu berkurangan tetapi apa yang saya katakan ialah walaupun kita terpaksa mengisi air dalam tong-tong atau lain-lain kontena, kami telah menasihatkan penduduk-penduduk di kawasan itu tak usahlah simpan air dalam tong-tong itu untuk jangka masa yang lama.

Jika air itu digunakan sentiasa saya rasa nyamuk Aedes tidak dapat membiak dalam kontena-kontena seperti itu. Jadi kekurangan air bukanlah satu punca asal untuk wabak Denggi ini tetapi cara kita menyimpan air itu dan kurangan response daripada penduduk-penduduk untuk menggunakan ubat jentik-jentik dalam kontena itu jika air disimpan dalam tong-tong demikian.

Mengenai menyembur minyak di longkang-longkang dan lain-lain, saya rasa ini adalah tanggungjawab lebih kepada pihak yang berkuasa Kerajaan Tempatan dan memang kita dapat menggalakkan mereka dan saya akan mengambil ingatan tentang cadangan Ahli Yang Berhormat.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan. Dua perkara terima kasih kepada Yang Berhormat saudara saya Dato' Sulaiman Ninam Shah sudah bertanya apa yang hendak saya soal tadi. Tetapi ada lagi dua yang saya rasa hendak bertanya kepada Yang Berhormat.

Satu, apakah sebab tidak dapat dihapuskan penyakit ini kerana sekarang kalau menurut keadaan kemajuan hari ini sudah banyak pakar-pakar perubatan?

Kedua, tidakkah boleh pihak Kementerian Kesihatan memberi kerjasama dengan Kementerian yang berkenaan supaya jangan timbul lagi berlaku perkara ini walaupun dijawab tadi pihak Yang Berhormat soal penyembur-penyembur minyak itu tetapi hari ini kita dapati banyak daripada petugas ini tidak menjalankan tugas menyembur minyak-minyak di kawasan-kawasan penting. Dalam soal itu tidakkah dapat pihak Kementerian Kesihatan memberi kerjasama dan mendesak supaya dapat dijalankan perkara ini dengan segera.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, perkara wabak Denggi ini menjadi-jadi bukanlah kerana kita kekurangan pakar-pakar dalam sektor ini atau pakar-pakar yang kurang tahu tentang panyakit Denggi ini tetapi kerana nyamuk Aedes ini suka biak dalam keadaan air yang bersih dan ini biasanya di rumah atau sekitar rumah. Jadi

kita hendak menghapuskan Denggi ini haruslah kita dapat kerjasama yang penuh daripada penghuni-penghuni rumah-rumah di kawasan-kawasan yang berkenaan. Itu hanya dapat dihapuskan jika kita dapat kerjasama yang penuh daripada penghuni-penghuni rumah-rumah, bukan dengan usaha pakar-pakar dalam perkara ini sahaja.

Dalam perkara pekerja-pekerja tidak membuat kerja mereka marilah kita bersama-sama mendesak kepada mereka untuk bekerja kuat.

SISTEM PEMBETUNGAN DAN PERPARITAN DI KUALA LUMPUR

19. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan memandangkan banjir mengejut berlaku di Kuala Lumpur apakah langkah-langkah yang diambil oleh Dewan Bandaraya untuk menyelenggara dengan lebih baik sistem pembetulan dan meluaskan lagi kemudahan perparitan untuk mengelak berlakunya banjir di masa hadapan.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya sedang berusaha untuk meningkatkan lagi penyelenggaraan sistem pembetulan di Kuala Lumpur. Kerja-kerja desilting parit-parit induk dan parit-parit tepi jalan sedang dijalankan untuk menentukan parit-parit ini tidak tersumbat dan pengaliran air tidak tersekat. Di samping itu, Pasukan Gerak Cepat (Emergency Squad) yang telah ditubuhkan pada tahun 1981 akan diperbesarkan untuk mempergiatkan lagi kerja-kerja memulihkan parit-parit yang tersumbat semasa hujan lebat berlaku. Di samping itu beberapa projek yang menyeluruh sedang dan akan dijalankan untuk memperbaiki sistem pembetulan di Kuala Lumpur. Di antara projek-projek yang dijalankan ialah membesar dan mendalamkan sungai-sungai dan parit serta membina longkang-longkang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad.

Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 20.

PUSPATI—PEMINDAHAN TAPAK

20. Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengapa tapak kawasan PUSPATI dipindahkan dari tempat asalnya di Sungai Buluh ke Bangi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas soalan yang dibangkitkan mengenai pemindahan tapak PUSPATI dari Sungai Buluh ke Bangi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan bahawa keputusan untuk memindahkan tapak PUSPATI diambil setelah satu kajian yang menyeluruh yang merangkumi pandangan dari jabatan-jabatan yang berkaitan dikaji. Di antara masalah-masalah yang dihadapi di tapak asalnya di Sungai Buluh adalah:

- (i) Kemungkinan gangguan kepada alat-alat instrumentasi PUSPATI oleh kesan elektromagnetik yang berpunca dari saluran elektrik voltan tinggi dan pencawang elektrik Lembaga Letrik Negara yang terdapat berhampiran dengan tapak tersebut. Pada masa tanah itu diberi kepada PUSPATI, pihak Kementerian saya tidak dimaklumkan bahawa sebahagian tanah yang diuntukkan bagi tapak PUSPATI itu telah menjadi resab LLN untuk sub-station voltan tingginya.
- (ii) Pembinaan bangunan PUSPATI lebih jauh dari saluran elektrik tidak dapat dilakukan oleh kerana kawasan tersebut adalah hanya lebih kurang 10 ekar. Walau pun pada mulanya kawasan yang dicadangkan ialah sebanyak 47 ekar, sebanyak 18 ekar merupakan tanah paya dan tidak boleh digunakan, manakala sebanyak 19 ekar termasuk rezab LLN. Oleh yang demikian, adalah didapati bahawa kawasan itu terlalu sempit untuk pembinaan projek PUSPATI.

(iii) Oleh kerana tapak itu berhampiran dengan rezab LLN dan kawasan-kawasan penyelidikan pokok-pokok pine kepunyaan Pusat Penyelidikan Perhutanan, maka pembinaan jalan masuk akan menjadi satu masalah kerana kedua-dua pihak yang berkenaan tidak bersetuju dengan penggunaan kawasan mereka untuk jalan masuk. Pada masa projek ini dirancang ianya merupakan suatu projek yang baru dan keperluan-keperluan, kemudahan-kemudahan bagi projek itu belum lagi diketahui. Oleh itu keperluan luas tanah menjadi lebih daripada yang dijangkakan. Oleh kerana keperluan-keperluan ini, satu kawasan lain telah dipilih untuk memuat bangunan lebih besar dan juga untuk perkembangan selanjutnya.

(iv) Beberapa projek utama dirancang dijalankan di sekitar kawasan tersebut seperti projek Jabatan Telekom, Angkatan Tentera, Depoh Simpanan Pertahanan, Pengkalan Udara Di Raja Subang dan sebagainya. Pada masa tempat ini dipilih untuk projek PUSPATI Kementerian saya tidak dimaklumkan tentang rancangan-rancangan tersebut, oleh itu adalah dikhuatiri bahawa penempatan projek PUSPATI dalam kawasan begini tidak sesuai dari segi keselamatan dan juga strategi pembangunan.

Memandangkan kepada masalah-masalah yang disebutkan itu, maka ketetapan telah diambil untuk memindahkan tapak PUSPATI kepada tapak sekarang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tapak PUSPATI sekarang adalah merupakan satu kawasan yang paling sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).

PERKHIDMATAN FERI KUALA PERLIS/PULAU LANGKAWI

21. Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan sebuah badan berkanun untuk mengendalikan perkhidmatan feri Kuala Perlis/Pulau Langkawi atau Kuala Kedah/Pulau Langkawi memandangkan perkhidmatan yang ada sekarang ini adalah tidak memuaskan; jika ya, nyatakan sama ada feri yang lebih besar akan digunakan supaya kenderaan-kenderaan juga dapat dibawa ke Pulau itu.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Badan Berkanun bagi mengendalikan perkhidmatan feri Kuala Perlis/Pulau Langkawi ataupun Kuala Kedah/Pulau Langkawi oleh kerana:

- (a) bilangan bot-bot yang telah dilesenkan oleh Kerajaan untuk membawa penumpang-penumpang ke Pulau Langkawi adalah mencukupi; dan
- (b) Kerajaan ingin menggalakkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat swasta tempatan melibatkan diri dalam sektor perkapalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah yang dihadapi oleh perkhidmatan feri ke Pulau Langkawi tersebut bukanlah disebabkan oleh kekurangan bilangan feri, tetapi adalah disebabkan oleh kekurangan kemudahan jeti serta juga keadaan perairan di kawasan Kuala Kedah dan Kuala Perlis yang tidak begitu dalam. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan telah bersetuju memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan jeti di Kuala Perlis. Tindakan-tindakan sedang oleh semua pihak berkenaan mengenai perkara ini. Dengan siapnya kemudahan-kemudahan tersebut kelak, adalah diharapkan masalah perkhidmatan feri yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah timbul lagi.

TELEFON DI LADANG-LADANG

22. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada jumlah bilangan penduduk di sesuatu ladang menjadi kriteria dalam pertimbangan

mengadakan kemudahan telefon di ladang-ladang.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Datuk menempatkan pondok-pondok telefon awam di kawasan-kawasan ladang adalah termasuk di dalam Rancangan Pondok Telefon Luar Bandar. Walau bagaimanapun, Jabatan Telekom tidak menggunakan jumlah penduduk di satu-satu tempat sebagai kriteria utama di dalam menentukan jumlah ataupun lokasi Pondok Telefon Awam di luar bandar. Pemasangan Pondok Telefon Awam di kawasan luar bandar akan dilakukan berasaskan dari "recommendation" dari Jawatankuasa Kemajuan Negeri ataupun Jawatankuasa Kemajuan Daerah dan jika dari segi teknikal ianya boleh dipasang. Oleh yang demikian, penduduk-penduduk di luar bandar boleh memohon Pondok Telefon Awam melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan yang berkenaan dan di dalam hal ini kawasan-kawasan ladang adalah tidak terkecuali.

Suka saya menyakinkan Ahli Yang Berhormat Datuk bahawa Jabatan Telekom bersedia memberi perkhidmatan telefon ke kawasan ladang untuk kegunaan pentadbiran dan pengurusan ladang yang mana mereka bertanggungjawab untuk membiayai pemasangan-pemasangan telefon ini.

SKIM INTEGRASI SUKAN

23. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan tindakan beliau akan ambil untuk menggalakkan pertubuhan badan-badan sukan mengikut daerah/kawasan dengan tujuan untuk menghapuskan pertubuhan badan-badan sukan perkauman supaya wujudnya perpaduan negara melalui sukan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Hashim): Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah untuk menghapuskan identifikasi kaum dengan sesuatu jenis sukan dengan cara memecahkan monopoli sama ada di peringkat pemain mahupun di peringkat jurulatih, pengadil dan kepegawaian yang lain. Projek seperti Skim

Integrasi Sukan yang meliputi kegiatan-kegiatan latihan bermain, Kursus Persijilan serta pertandingan-pertandingan adalah dijalankan untuk tujuan ini.

Ini semua adalah langkah-langkah yang dijalankan dan diusahakan oleh Kementerian saya dan Majlis Sukan Negara dalam usaha untuk memupuk dan mengukuh perpaduan melalui sukan.

GURU-GURU—TEMPAT TINGGAL

24. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada beberapa orang guru telah ditukarkan ke tempat lain tanpa mempunyai tempat tinggal mereka terpaksa tinggal dalam setor dan jika sedar apa tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Menteri Pelajaran (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Pihak Kementerian Pelajaran sedar akan masalah tempat tinggal yang dihadapi oleh guru-guru. Oleh itu ianya sentiasa berusaha bagi menambahkan lagi bilangan rumah-rumah guru di seluruh negara, terutama sekali di kawasan luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat sejumlah \$57,577 juta adalah diperuntukkan bagi pembinaan rumah-rumah guru. Dari jumlah ini \$27,577 juta adalah peruntukan asal Rancangan Malaysia Keempat yang telah diluluskan dan \$30 juta adalah peruntukan yang diluluskan di bawah 'forward Commitment'. Rumah-rumah kediaman yang sedia ada sekarang ini telah sepenuhnya digunakan oleh guru-guru.

SKIM RUKUN TETANGGA

25. Tuan S. I. Rajah minta Perdana Menteri menyatakan mengapa skim Rukun Tetangga telah tidak mendatangkan kesan di kebanyakan tempat terutama di kawasan-kawasan bandar untuk menjalin muhibbah di kalangan berbagai kaum dan juga untuk menanamkan perasaan keselamatan dan kebajikan di kalangan rakyat dan sama ada

Kerajaan akan memperbaiki cara perlaksanaannya untuk menjadikan skim ini lebih berjaya.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Kerajaan sudahpun meminta Jawatankuasa Sektor Rukun Tetangga supaya menjalin perasaan muhibbah di kalangan penduduk kawasan masing-masing. Semenjak tahun lepas Jawatankuasa-jawatankuasa Sektor sudah mula menekankan aktiviti muhibbah dan kemasyarakatan.

Selaras dengan Konsep Kejiranan yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada bulan Februari yang lalu, maka Pegawai-pegawai Rukun Tetangga dan Perhubungan Masyarakat sudahpun mula melaksana beberapa langkah dan program untuk membentuk semangat keajiranan di kalangan penduduk. Perjumpaan-perjumpaan dengan pegawai di peringkat Negeri dan Daerah sedang diatitkan untuk menyampaikan penerangan bagaimana program keajiranan itu boleh dijalankan melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Sektor dan penduduk.

MINYAK—USAHA MENCARIGALI DI SELURUH MALAYSIA

26. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan setelah terdapat telaga-telaga minyak di pantai Pantai Timur Semenanjung, kemungkinan besar, banyak lagi telaga-telaga yang masih belum dijumpai di seluruh pantai di Malaysia, terutama di Pantai Barat Semenanjung dan sama ada usaha untuk mencarigali di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak akan dipergiatkan lagi demi kepentingan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Kesemua kawasan pantai Semenanjung Malaysia telah dicarigali. Tetapi hasil kajian di Pantai Barat tidak begitu menggalakkan. Walau bagaimanapun, Petronas sentiasa mengkaji semula data-data itu untuk memastikan potensi petroliaam di kawasan berkenaan.

Sebagai satu langkah ke arah usaha-usaha mencarigali secara intensif, Petronas merancang untuk membuka 2 atau 3 kawasan baru setahun untuk dicarigali oleh pihak-pihak yang berminat. Bagi tahun 1982, Petronas akan membuka satu lagi kawasan di Sarawak dan dua kawasan di Sabah untuk dicarigali, sementara rundingan sedang di adakan untuk mencarigali di dua kawasan di luar pantai Sarawak.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE ASIA BARAT

27. Tuan V. V. Aboo minta Perdana Menteri menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai dalam lawatan beliau ke negara-negara Asia Barat baru-baru ini terutamanya Bahrain, sama ada sebarang Perjanjian dibuat di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan kerjasama di dalam seuma segi termasuk ekonomi kebudayaan dan pelajaran dan sama ada beliau berpuas hati dengan lawatan tersebut.

Perdana Menteri: Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah melakukan lawatan rasmi ke tiga buah negara di Asia Barat, iaitu Bahrain, Amiriah Arab Bersatu dan Oman dari 27hb Februari hingga 5hb Mac, 1982.

Lawatan itu adalah selaras dengan tekanan baru polisi luar kita yang memberikan keutamaan kepada negara-negara ASEAN dan Islam. Melalui lawatan itu, kita berharap untuk memperbaharui hubungan kita dengan negara-negara itu dan untuk mengadakan hubungan peribadi di peringkat pemimpin atasan dan seterusnya meletakkan hubungan itu di dalam keadaan yang lebih teguh dan bermakna.

Saya telah diberi sambutan mesra oleh Ketua-ketua Negara yang saya lawati itu dan telah mengadakan perbincangan secara luas dengan mereka mengenai isu-isu serantau, antarabangsa dan isu-isu hubungan dua-hala dengan tujuan mempertingkatkan lagi hubungan antara kita di semua bidang. Ini termasuklah bidang ugama, politik, kebudayaan, pelajaran, perdagangan dan pelaburan.

Saya berpuas hati dengan lawatan itu. Sungguhpun tidak ada sebarang perjanjian yang ditandatangani semasa lawatan itu, namun hasil-hasil positif seperti berikut telah dicapai:

- (i) Jawatankuasa Bersama telah ditubuhkan dengan negara-negara itu untuk tujuan mengadakan satu rangka kerjasama yang lebih bererti di dalam bidang-bidang tersebut di atas. Jawatankuasa itu akan bersidang setahun sekali sekurang-kurangnya;
- (ii) Kedua-dua pihak bersetuju bertukar-tukar guru-guru dan belia dan bersetuju mengadakan peraturan yang perlu di mana kemudahan-kemudahan latihan dan pelajaran di bidang-bidang kepentingan bersama disediakan untuk rakyat negara berkenaan;
- (iii) Saya telah mengadakan perbincangan mendalam dengan Dewan Perniagaan dan Komuniti Perniagaan di negara-negara itu tentang peluang-peluang perdagangan dan pelaburan. Berikutan dengan itu satu rombongan perdagangan 10 orang dari Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dubai telah melawat Malaysia selama 5 hari mulai 13hb Mac, 1982;
- (iv) Kesemua Ketua Negara berkenaan menyokong sepenuhnya cadangan kita untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia; dan
- (v) Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk mengadakan perundingan di antara satu sama lain di forum-forum antarabangsa mengenai isu-isu kepentingan bersama seperti Kampuchea, Afghanistan, Palestin dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga singgah di Jeddah dari 5hb hingga 6hb Mac 1982 untuk menghadiri Sidang Ketiga Jawatankuasa Damai Pertubuhan Persidangan Islam.

SEKOLAH LATIHAN DI BIDANG PERUSAHAAN MINYAK NEGARA

28. Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan sekolah-sekolah latihan bagi melahirkan pekerja-pekerja mahir tempatan dalam perusahaan minyak negara.

Kerajaan sangat mengambil berat bagi memastikan terdapat kakitangan terlatih yang cukup untuk menampung keperluan industri minyak yang kompleks dan sedang membangun dengan pesatnya. Kerajaan akan mendirikan empat institusi teknikal dan vokesyenal di Trengganu yang secara amnya akan membantu industri minyak dengan menyediakan kakitangan yang mahir di dalam bidang-bidang berkaitan seperti pembaikan (servicing), penyenggaraan dan pengurusan.

Selaras dengan rancangan-rancangan latihannya, Petronas akan juga mendirikan Pusat Latihan Teknikal di Batu Rakit, Trengganu yang akan dapat menampung 600 orang pelatih apabila ianya siap dalam tahun 1985. Pusat ini akan menyediakan latihan asas kepada calon-calon sebelum mereka diberi latihan praktikal atau latihan sambil bekerja di projek-projek seperti kilang penapis minyak, loji memproses gas dan stesen-stesen petrol. Sebagai satu langkah jangka pendek, Petronas telah pun memulakan latihan bagi 18 orang pelatih sejak bulan Oktober 1981, di dalam bangunan-bangunan yang disewa di Kuala Terengganu. Latihan untuk 60 pekerja-pekerja lagi akan bermula dalam tahun 1983 di bangunan-bangunan sementara (prefabricated buildings) di Batu Rakit.

Untuk menyediakan kursus-kursus pengurusan dan penyeliaan untuk pekerja-pekerjanya, Petronas bercadang untuk mendirikan pusat latihan di Bangi yang dijangka akan siap menjelang tahun 1985. Dalam masa yang sama, Petronas akan terus melatih pekerja-pekerjanya di dalam dan luar negeri untuk kursus-kursus pengurusan dan teknikal untuk menambahkan kemahiran mereka.

Petronas Carigali, anak syarikat Petronas bagi tujuan mencarigali, juga sedang mendirikan sebuah pusat latihan di Kerteh, Terengganu untuk menampung keperluan tenaga yang terlatih. Syarikat Carigali itu juga telah mendapatkan bantuan teknikal dari Syarikat tempatan PETCON Malaysia dan International School of Technology of Norway (ISOT) bagi melaksanakan rancangan-rancangan latihannya. Kumpulan pertama pelatih-pelatih dijangka akan mengikuti latihan pada bulan Mei tahun ini.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN BANK BUMIPUTRA

29. Puan Hasnah binti Md. Kassim minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Bank Bumiputra tidak mengadakan skim pinjaman perumahan penuh (100%) dan tidak hanya 80% sebagaimana sekarang kepada bumiputra yang belum memiliki sebuah rumah pun atau yang belum mempunyai syarat-syarat untuk skim perumahan dari Kerajaan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Adalah tidak benar bahawa skim pinjaman perumahan Bank Bumiputra dihadkan pada kadar 80% daripada harga rumah seperti mana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Sebaliknya, bumiputra yang layak boleh membuat pinjaman sehingga 90% daripada harga rumah. Bagaimanapun, Bank Bumiputra tidak bercadang untuk menyediakan skim pinjaman perumahan penuh oleh kerana pembeli-pembeli bumiputera sepatutnya mempunyai simpanan sendiri sekurang-kurangnya 10% daripada harga rumah yang akan dibelinya. Sumbangan 10% tersebut menjadi ukuran kepada bank dalam menentukan kesungguhan bagi seseorang untuk memiliki sesebuah rumah. Dalam pada itu, pinjaman perumahan hanya akan diberikan kepada sesiapa yang akan menduduki sendiri rumah yang dibelinya. Sebaliknya, jika pinjaman perumahan penuh sebanyak 100% diberikan, maka ini mungkin akan menggalakkan pula pembelian rumah untuk tujuan spekulasi.

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH (KBSR)

30. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada semua sekolah yang dipilih mengikuti Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) sedang menjalankan sistem pelajaran 3M pada tahun ini;
- (b) jumlah sekolah yang terlibat dalam pengajaran KBSR mengikut jenisnya pada tahun ini; dan
- (c) maklumat balas (feedback) yang diterima sehingga hari ini atas KBSR dan kejayaan atau kekurangan yang terdapat dalam pelaksanaan KBSR di sekolah-sekolah tersebut.

Menteri Pelajaran (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Semua sekolah yang dipilih untuk menjalankan Kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1982 ini sedang menjalankan kurikulum tersebut.
- (b) Bilangan sekolah yang terlibat di seluruh negara ialah 302 buah; iaitu 211 buah sekolah kebangsaan (dan sekolah rendah kebangsaan), 62 buah SRJK (China) dan 29 buah SRJK (Tamil).
- (c) Berdasarkan maklumat yang diterima sehingga hari ini hasil dan kejayaan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) di sekolah-sekolah cubaan adalah menggalakkan. Didapati guru-guru telah dapat menjalankan pengajaran mengikut panduan-panduan yang diberikan kepada mereka dengan memuaskan. Murid-murid didapati lebih aktif dan lebih berminat untuk belajar. Masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah adalah masalah pentadbiran biasa dan ini sedang diatasi dengan bimbingan daripada pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran. Di samping itu untuk mengesan pelaksanaan yang

berlangsung di 302 buah sekolah sekarang satu jawatankuasa pelaksanaan telah pun ditubuh di Kementerian Pelajaran. Jawatankuasa ini menerima dan mengkaji hasil pengesanan yang dibuat oleh pegawai-pegawai dari Kementerian dan negeri-negeri.

POLIS DIRAJA MALAYSIA

31. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah dibuat untuk memperbesarkan pasukan Polis terutamanya di dalam kelengkapan senjata, perhubungan awam dan Pasukan Simpanan Persekutuan, Polis Merin dan Polis Semboyan, memandangkan bahawa Polis Diraja Malaysia akan menyambut Hari jadi yang ke-175.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan untuk membesarkan Pasukan Polis Diraja Malaysia sebenarnya kini sedang dijalankan dengan melibatkan pengambilan seramai 10,000 orang pada tiap-tiap tahun sebagai anggota baru kepada Pasukan Polis Diraja Malaysia sehingga tahun 1985 di mana dijangkakan keanggotaannya akan menjadi seramai 120,000 orang. Pembesaran Pasukan Polis Diraja Malaysia ini adalah melibatkan semua jurusan pasukan di dalamnya termasuk Pasukan Simpanan Persekutuan, Polis Merin, Semboyan, Pasukan Polis Hutan, Jabatan Siasatan Jenayah dan lain-lain yang berkaitan. Sesuai dan sejajar dengan pembesaran ini juga kelengkapan-kelengkapan baru dari segi persenjataan, lojistik, pengangkutan, bekalan pakaian, kemudahan tempat tinggal, balai-balai, pusat latihan dan sebagainya adalah juga ditambah sesuai dengan program pembesaran tadi. Kedua-dua ini, pembesaran dari segi keanggotaan dan kelengkapan-kelengkapan, perlu dibuat bagi membolehkan Pasukan Polis Diraja Malaysia menjadi satu pasukan yang cekap, kemas berdisiplin dan boleh dipertanggungjawabkan bagi menjadi ketenteraman awam dan keselamatan negara.

MAS—AIRBUS EMERGENCY LANDING

32. Dato Yap Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Penerbangan Airbus dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu baru-baru ini terpaksa membuat “emergency landing” oleh kerana rodanya tidak boleh dimasukkan (retraet) dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil supaya kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Kejadian ini telah berlaku pada 13hb Februari, 1982, semasa penerbangan MH 61A dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu. Selepas kapal terbang itu berangkat, satu kerosakan teknikal telah dikesan oleh juruterbang di mana roda pesawat tidak boleh dimasukkan (retract) ke dalam ruang roda (wheel by). Sebagai langkah keselamatan dan untuk memperbaiki kerosakan itu, pesawat tersebut telah kembali ke lapangan terbang Subang. Satu pemeriksaan telah dijalankan dan didapati alat ‘leveling cylinder’ yang menstabil gear pendaratan (landing gear beam) tidak memadai. Untuk mengatasi masalah ini, satu perubahan telah dilakukan dengan memasang satu lagi alat ‘leveling cylinder’ kepada gear pendaratan.

Kesemua pesawat MAS jenis Airbus telah dipasang dengan lagi satu alat ‘leveling cylinder’ itu dan dengan adanya dua alat ‘leveling cylinder’ itu kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi.

GURU AGAMA YANG MENGAJAR AJARAN SESAT

33. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah positif sedang diambil, memandangkan kebelakangan ini banyak sangat yang mengakui Guru Agama dan mengajar ajaran sesat.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama pihak Polis dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri sentiasa mengawasi dan menyasat individu-individu yang mengaku

sebagai “guru agama” dan mengajar ajaran-ajaran sesat kepada pengikut-pengikut mereka yang terdiri dari orang-orang Islam.

Sekiranya mereka itu didapati mengajar ajaran yang menyesatkan (biasanya bukan dari ajaran agama Islam) maka tindakan undang-undang diambil terhadap mereka itu mengikut Enakmen Hukum Syarak Negeri-negeri di mana kegiatan seumpama itu berlaku. Tindakan demikian dikenakan jika ada bukti-bukti yang jelas dan nyata bahawa mereka itu pembawa atau penyebar ajaran yang bertentangan dengan agama Islam.

Sekiranya kegiatan seumpama itu difikirkan boleh menjejaskan keselamatan orang ramai dan negara pihak Polis akan mengambil tindakan selanjutnya.

PELAJAR MALAYSIA/KUWAIT— PROJEK PERTUKARAN

34. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pelajar-pelajar Malaysia pernah dihantar ke Negeri Kuwait, di bawah projek pertukaran pelajar dengan Kuwait serta bilangannya dan sama ada projek ini akan dapat meningkatkan mutu pencapaian dan prestasi pelajar-pelajar Malaysia di samping mengeratkan lagi kerjasama dengan Kuwait dan sama ada projek ini akan dijalankan dengan lain-lain negara Asia Barat.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Setakat ini Kementerian Pelajaran belum ada sebarang projek pertukaran pelajar dengan Kuwait atau negara-negara Asia Barat yang lain. Namun demikian, Kementerian ini menggalakkan lawatan-lawatan sambil belajar bagi pelajar-pelajar negara ini ke negara-negara tersebut kerana lawatan seperti itu akan dapat menambahkan lagi pengetahuan dan fahaman, meningkatkan prestasi pelajar-pelajar di samping mengeratkan lagi kerjasama dengan negara-negara tersebut. Setakat ini pelajar-pelajar universiti tempatan belum ada membuat lawatan ke Kuwait.

KETUA KOMANWEL

35. Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapa Persatuan Komanwel itu mesti diketuai oleh

Perdana Menteri British sahaja, walhal anggotanya adalah terdiri daripada ketua-ketua negara yang sama taraf dengannya.

Perdana Menteri: Persatuan Komanwel adalah sebuah persatuan bebas negara-negara merdeka. Semua negara-negara Komanwel menerima Ratu Elizabeth II sebagai simbol Komanwel dan juga sebagai Ketua Komanwel. Persatuan ini tidak diketuai oleh Perdana Menteri British.

AMANAH SAHAM NASIONAL

36. Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Perdana Menteri menyatakan sehingga 28-2-82.

- (a) bilangan pemegang Saham Amanah Nasional;
- (b) jumlah pelaburan yang diterima; dan
- (c) hadiah/dividen yang telah dikeluarkan, jika ada.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Sehingga 28hb Februari 1982, seramai 858,688 orang telah melabur sebanyak \$336,847,046 dalam Skim Amanah Saham Nasional. Skim ini telah mengeluarkan dividen dengan kadar 10% pada 31hb Disember, 1981. Nilai dividen yang dikeluarkan adalah dianggarkan lebih kurang \$41.56 juta. Di samping itu Skim ini juga telah memberi unit percuma (bonus) dengan kadar satu unit bagi setiap 10 unit saham yang dipegang berjumlah 41.56 juta unit.

ISU SENSITIF PERKAUMAN/ CHAUVENISMA

37. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap segala tindak-tanduk dan hujah-hujah yang berbau perkauman dan chauvenisma oleh sebilangan pemimpin parti politik di negara kita dan jika dibiarkan kelak boleh menjejaskan pembangunan dan perkembangan ekonomi negara keseluruhannya.

Tuan Abdul Rahim bin Dato' Thamby Chik: Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan ini dan juga merangkumi

soalan yang sama oleh Yang Berhormat V. V. Aboo untuk dijawab pada 23-3-1982.

Kerajaan memang sedar adanya golongan-golongan tertentu yang sentiasa menimbulkan isu-isu sensitif perkauman dan chauvenisma seperti yang disebut oleh Yang Berhormat itu, semata-mata demi untuk kepentingan diri atau golongannya sahaja tanpa menimbangkan, kepentingan negara.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa di dalam sebuah negara demokrasi seperti negara kita ini, kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat adalah dijamin oleh perlembagaan negara. Namun begitu, kebebasan yang diberikan itu ada mempunyai batas-batas tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan, Akta Rahsia Resmi, Akta Pilihanraya dan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kerajaan adalah sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan semua pihak dan jika sekiranya didapati percakapan atau perbuatannya menyalahi undang-undang negara atau boleh mengancam keadaan ketenteraman awam atau keselamatan negara maka Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya.

PEMBAYARAN IMBUHAN KEPADA KONTRAKTOR

38. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan telah membayar balik sebanyak 12½% kepada semua pemborong yang mengalami kerugian dari tempoh 1-1-1977 hingga 31-1-1979, sebagai menampung kembali akibat dari kenaikan harga bahan-bahan sama ada mereka ini termasuk juga kontraktor-kontraktor yang membina jalan dan pementasan dan juga yang membuat kerja sebelum dan selepas tarikh tersebut.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Bayaran imbuhan bagi kontrak-kontrak yang disiapkan mengenai kontrak-kontrak yang dikendalikan di antara tahun 1977 hingga tahun 1979 adalah terhad bagi kontrak kerja binaan bangunan sahaja.

Kajian yang telah dikendalikan oleh Kerajaan menunjukkan bahawa bahan-bahan binaan setakat yang melibatkan kerja-kerja pembinaan bangunan telah meningkat naik secara luar biasa di antara tahun 1977 hingga 1979. Dengan ini Kerajaan merasakan bahawa pembayaran imbuhan kepada semua kontraktor-kontraktor binaan bangunan yang telah mengalami kesukaran dalam mendapatkan bahan-bahan binaan bangunan dengan harga yang berlebihan boleh dipersetujui bagi kerja-kerja yang dapat disiapkan dalam keadaan pasaran yang luar biasa itu.

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

JAWATANKUASA PEMILIH— PERLANTIKAN AHLI-AHLI

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut—

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Nasir;

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Hussain;

Yang Berhormat Datuk Kam Woon Wah; dan

Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam.

hendaklah jadi ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Ahli-ahli yang berikut—

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Nasir;

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Hussain;

Yang Berhormat Datuk Kam Woon Wah; dan

Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam.

hendaklah jadi ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

4.33 *ptg.*

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima.”

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka adalah sangat penting oleh kerana Titah Ucapan Baginda menyentuh perkara-perkara yang asas dan yang boleh menjadi panduan kepada seluruh masyarakat dan negara kita. Perkara-perkara asas yang telah disentuh adalah termasuk Kerajaan dan pentadbiran yang bersih, cekap dan licin, perpaduan dan keselamatan, keadaan ekonomi dan pembangunan negara dan agama. Titah Ucapan Seri Paduka menggambarkan minat dan perhatian yang dalam Baginda terhadap kesejahteraan kemajuan dan kemakmuran rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Baginda telah menyuarakan kepercayaan bahawa negara kita di bawah pemimpin Kerajaan Malaysia Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Musa bin Hitam akan dibangunkan secepat mungkin sebagai sebuah negara yang gagah dan dapat dibanggakan oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa sebarang perubahan yang dibuat memang ada berbagai-bagai kesan berikutnya. Biasanya manusia pada amnya tidak bersedia untuk berubah lebih-lebih lagi jika perubahan itu akan memerlukan tukaran dalam kehidupan mereka, walaupun ianya akan membawa faedah yang baik pada akhirnya. Maka amatlah perlu bagi pemimpin-pemimpin sesuatu negara mengambil keputusan-keputusan dan

tindakan-tindakan untuk melaksanakannya, untuk menjalankan perubahan-perubahan yang baik, perubahan-perubahan yang akan membawa faedah kepada rakyat dan negara.

Dalam hal ini, amatlah dibanggakan bahawa pemimpin Kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Musa bin Hitam dalam tempoh yang pendek sahaja semenjak mereka menjadi pemimpin Kerajaan kita telah mengambil beberapa keputusan-keputusan dan langkah-langkah untuk melaksanakan keputusan-keputusan itu bukan sahaja dalam hal-hal dalam negeri malahan dalam hal-hal antarabangsa. Di antaranya termasuklah:

- (a) menjadikan Kerajaan sebagai alat perkhidmatan bagi rakyat dengan memperkenalkan sistem Kad Waktu untuk kakitangan Kerajaan.
- (b) meninggikan lagi mutu perkhidmatan dan mewajibkan semua Menteri serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan mengisytiharkan harta-benda mereka untuk memperbaiki imej Kerajaan.
- (c) meneruskan usaha-usaha memerangi rasuah melalui Biro Siasatan Negara (BSN) supaya Kerajaan mendapat imej yang bersih.
- (d) menutupkan beberapa usaha-usaha perdagangan yang tidak viable dari segi ekonomi dan tidak beruntung yang telah dimula oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri atau agensi-agensinya. Dalam siri ini, baru-baru ini MAJUTERNAK telah dibubarkan.
- (e) meninggikan pengeluaran tiap-tiap individu dalam apa jua bidang pekerjaan dengan sikap yang wajar terhadap kerja dan keperibadian yang murni yang mengutamakan kejujuran, pengorbanan dan disiplin.

Tuan Yang di-Pertua, semua langkah-langkah tersebut oleh Kerajaan adalah dengan tujuan mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Ada golongan-golongan yang tidak merasai senang hati mengenai langkah-langkah ini oleh

kerana kepentingan persendirian. Tetapi oleh kerana langkah-langkah ini akan membawa kesan-kesan yang baik kepada seluruh rakyat dan negara pada amnya, dalam jangka masa panjang, diharap untuk pimpinan Kerajaan akan dengan tegas dan berani meneruskan langkah-langkah ini dan sebagainya. Pemimpin mestilah menjadi pemimpin dalam ertikata yang benar iaitu memandu rakyat dan negara ke arah yang baik dan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan Kerajaan khususnya kakitangan kanan adalah diharapkan akan memahami tindakan-tindakan yang tersebut dan dengan persefahaman yang baik terus memberi kerjasama untuk membina sebuah Kerajaan untuk rakyat yang memberi perkhidmatan yang baik. Amatlah penting bahawa dasar-dasar Kerajaan dan rancangan-rancangan berikutnya dapat dilaksanakan oleh jentera pentadbiran dengan memahami sepenuhnya tujuan dan hasrat pemimpin negara.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan mengenai perumahan ialah untuk mewujudkan satu masyarakat berdemokrasi yang mempunyai rumah, tetapi dasar ini jauh dari pencapaiannya. Masalah-masalah perumahan makin lama makin bertambah. Bilangan jumlah rumah kos rendah yang dibina baik oleh Kerajaan mahupun oleh sektor swasta masih jauh berkurangan dari permintaan dan oleh kerana itu orang-orang yang berpendapatan rendah di seluruh negara tidak dapat memiliki rumah kos rendah. Golongan ini walaupun layak untuk mendapat pinjaman bagi membeli rumah tetapi tidak menggunakannya oleh sebab tidak berjaya mendapat rumah kos rendah.

Harga-harga rumah selain dari rumah kos rendah juga meningkat tiap-tiap hari dan golongan berpendapatan sederhana (middle income group) tidak mampu membeli rumah-rumah yang berharga tinggi.

Baru-baru ini timbul lagi masalah mengenai pinjaman perumahan. Di negeri Selangor, segolongan yang berjaya mendapat rumah dari PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor) tidak berjaya mendapatkan pinjaman perumahan dari mana-mana

institusi kewangan dalam negara. Ini adalah satu contoh dan berkemungkinan masalah ini juga berlaku di tempat-tempat lain. Selain dari masalah-masalah tersebut, masalah pemaju palsu yang menipu rakyat dan pemaju yang menerima wang tempahan dari pemohon-pemohon dan jika mereka ini tidak berjaya memberi balik wang tempahan tanpa bunga adalah masalah-masalah lain.

Semua perkara-perkara ini tidak menyenangkan rakyat dan perumahan menjadi satu masalah yang besar kepada rakyat. Saya suka menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula dasar perumahan dan kelemahan-kelemahan mengenai pelaksanaan dan dapat menentukan satu sistem pelaksanaan yang dinamik supaya rakyat berjaya memiliki rumah dalam tempoh yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menarik perhatian rakyat di seluruh negara sehingga awal tahun ini ialah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Selain dari golongan yang ingin mencari isu-isu untuk menggunakannya bagi kepentingan politik diri mereka, rakyat Malaysia pada keseluruhannya menerima sistem KBSR sebagai satu sistem yang baik oleh kerana prinsip utama KBSR adalah membolehkan setiap murid di sekolah rendah menguasai kemahiran asas yang kukuh dan kuat, terutamanya aspek-aspek membaca, menulis dan mengira. Untuk menjelaskan sistem KBSR dan supaya mengelakkan apa jua kekeliruan dan keraguan dari rakyat, Perdana Menteri dan Timbalannya telah memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak berniat langsung menukar karektor sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil dengan pelaksanaan sistem pelajaran 3M. Jaminan ini adalah penting dan dialu-alukan oleh kerana perkara ini tidak boleh dijadikan sebagai isu berpolitik.

Dengan jaminan ini diharapkan seluruh rakyat di negara kita tidak lagi ragu-ragu mengenai kejujuran dan tujuan Kerajaan di dalam melaksanakan sistem pelajaran KBSR dan diharap rakyat berwaspada terhadap kempen-kempen yang dilakukan oleh pihak-pihak yang masih ingin menggunakan isu ini untuk kepentingan politik mereka.

Mengenai KBSR satu perkara yang patut diambil perhatian yang serius ialah KBSR sebagai satu sistem baru mestilah mempunyai kekurangan atau menghadapi masalah dalam peringkat awal pelaksanaannya. Ini telah pun diakui oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan dan telah pun diterangkan oleh Kerajaan bahawa kekurangan dalam pelaksanaan akan dikawal dan kekurangan-kekurangan ini akan dibaiki dari masa ke semasa. Sebagai satu contoh, masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di bawah KBSR di sekolah-sekolah Tamil terdapat kurang dari masa yang diperuntukkan dahulu. Maka difikirkan bahawa murid-murid dari sekolah Tamil mungkin tidak dapat menguasai dalam kedua-dua mata pelajaran ini seperti diingini. Prestasi murid-murid dari sekolah-sekolah Tamil dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam peperiksaan sehingga sekarang sangatlah kurang dan tidak memuaskan. Jadi, jika masa dikurangkan lagi maka prestasi mereka ditakuti akan merosot lagi. Oleh sebab itu, Kementerian Pelajaran telah pun digesa untuk mengkaji semula jadual pelajaran sekolah (time table) dan memperuntukkan masa yang lebih pada Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Selain dari ini perkara-perkara seperti kekurangan buku-buku teks, di semua sekolah dalam negara kita, masa untuk mata pelajaran bahasa ibunda di sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan, masalah-masalah mengenai buku-buku panduan, buku sumber dan syllbus dan sebagainya yang disuarakan oleh ibu bapa hendaklah dikaji dan diselesaikan. Pegawai-pegawai kanan mestilah bersedia untuk mengawal dan membaiki segala kekurangan atau kesilapan yang berlaku dalam peringkat awal pelaksanaan KBSR iaitu peringkat percubaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pelajaran saya suka menyentuh mengenai tumpuan Kerajaan kepada negara-negara timur, khususnya Jepun dan Republik Korea dalam pelajaran teknik dan profesional. Mengenai dasar Kerajaan mencontohi Jepun dan Republik Korea, khususnya mengenai sifat teknikal dan saintifik yang diamalkan oleh tenaga buruh mereka, saya harap adalah wajar lebih banyak ijazah-ijazah dari Jepun

dan Republik Korea diiktiraf oleh negara kita. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) digesa untuk dengan secepat mungkin membuat kajian-kajian dan persiapan-persiapan untuk mengiktiraf ijazah-ijazah yang sesuai dari negara-negara itu. Langkah ini bukan sahaja akan menolong latihan pekerja-pekerja mahir di institusi-institusi teknikal dan saintifik di Jepun dan Republik Korea malahan juga akan memberi peluang kepada penuntut-penuntut dari negara kita melanjutkan pelajaran tinggi di negara-negara timur.

Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum adalah menjadi satu aspek penting Dasar Ekonomi Baru. Kemiskinan wujud dalam semua kumpulan kaum walaupun sebilangan besar golongan miskin adalah terdiri dari kaum Melayu dan bumiputera yang lain. Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keempat telah menentukan beberapa kumpulan miskin untuk tujuan pembasmian kemiskinan. Di Semenanjung Malaysia kumpulan-kumpulan ini termasuk pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan, pekebun kecil kelapa, pekerja ladang-ladang, penduduk kampung baru, buruh pertanian, Orang Asli dan kumpulan miskin di bandar. Walaupun Kerajaan telah dan sedang melaksanakan program-program untuk mengurangkan kadar kemiskinan kumpulan-kumpulan tersebut, satu cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan ialah kemerosotan harga bahan-bahan utama yang dikeluarkan oleh negara. Harga getah telah merosot dan oleh sebab itu beribu-ribu pekebun kecil getah dan pekerja ladang getah sedang mengalami kesukaran yang serius. Pendapatan mereka ini telah berkurangan dan jika ianya berterusan semestinya kadar kemiskinan mungkin meningkat. Begitu juga dengan keturunan harga timah, beribu-ribu pekerja yang bekerja di lombong-lombong menerima pendapatan yang kurang.

Perkara yang seumpama ini adalah satu cabaran kepada Kerajaan dalam usahanya mengurangkan kadar kemiskinan. Kemerosotan harga bahan-bahan utama berpunca selain dari akibat kemelesetan ekonomi dunia ialah akibat dari tindakan negara-negara pengguna, khususnya negara-negara yang telah maju yang mengutamakan dan memberatkan kepentingan para pembeli dan pengguna sehinggakan menjejaskan

kedudukan ekonomi negara-negara seperti Malaysia dan rakyatnya.

Kalau harga berpatutan untuk getah, kelapa sawit, timah dan lain bahan-bahan utama tidak dapat dijamin, maka tujuan Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan akan menjadi rumit untuk dicapai. Kerajaan digesa mengambil langkah-langkah yang tegas untuk menentukan dan mempertahankan harga berpatutan dan jika perlu mengambil pendirian yang tegas dan keras terhadap negara-negara yang telah membangun yang menggunakan berbagai taktik di pasaran antarabangsa supaya menentukan harga bahan-bahan utama adalah rendah bagi faedah mereka sendiri. Dalam perkara ini sikap dan tindakan Amerika Syarikat dalam pasaran timah mestilah didedah sekuat-kuatnya. Kita memuji tindakan yang diambil oleh Kerajaan kita yang telah mencadangkan tindakan mewujudkan satu pergabungan pengeluaran-pengeluaran timah bagi mempertahankan kedudukan mereka dalam pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur sebagai ibu kota negara kita mendapat perhatian dari seluruh negara dan juga dari negara-negara luar. Maka Kuala Lumpur patutlah dibangunkan supaya dapat mencapai taraf ibu kota yang boleh dibanggakan oleh kita. Usaha-usaha yang telah diambil untuk mengindahkan ibu kota adalah dialu-alukan. Tetapi apa yang telah diusahakan tidak mencukupi. Pengindahan hendaklah dcepatkan dan banyak lagi langkah-langkah yang sewajar patut diambil untuk mengindahkan Kuala Lumpur selain dari menanam pokok dan bunga di tepi jalan, harus juga diberi perhatian untuk membina lebih banyak padang-padang permainan, taman-taman persiaran dan sebagainya dan kebersihan tempat-tempat ini hendaklah juga dikawal.

Satu masalah yang menjadi cabaran kepada keindahan Kuala Lumpur, selain dari kebersihan dan kesihatan penduduk Kuala Lumpur yang merumitkan kehidupan penduduk dan menimbulkan kesesakan lalulintas, ialah banjir yang kerap kali berlaku. Walaupun wang berjuta-juta ringgit diperuntukkan untuk mengelak banjir di

Kuala Lumpur dan beberapa projek seperti mendalam, meluas dan meluruskan sungai-sungai telah dilaksanakan, nampaknya banjir masih belum terkawal. Sebaliknya ianya kerap kali berlaku. Saya tidak mengetahui sama ada wang berjuta-juta ringgit yang telah dibelanjakan sehingga sekarang dan wang yang akan dibelanjakan untuk mengelakkan banjir akan dapat membawa faedah-faedah yang diharapkan. Saya menggesa supaya satu kajian semula dibuat untuk menentukan sama ada projek mengelakkan banjir berlaku di Kuala Lumpur adalah berkesan dan jika perlu strategi-strategi baru dirancangan.

Dalam hal mengatasi banjir saya ingin menggesa Dewan Bandaraya mengambil tindakan tegas terhadap pemaju-pemaju perumahan yang memajukan sesuatu kawasan perumahan tanpa mengira akibat yang timbul di kawasan-kawasan sekitar. Di banyak tempat pemaju perumahan apabila menjalankan kerja-kerja merata tapak perumahan telah menimbus sungai-sungai dan longkang-longkang dan akibatnya hujan lebat air tidak dapat mengalir dan membawa banjir di kawasan sekitar. Beberapa nyawa terpaksa terkorban di Kuala Lumpur akibat banjir ini. Saya menggesa Dewan Bandaraya mengambil tindakan tegas dan jika perlu mengadakan undang-undang yang khas mengawal perbuatan seumpama ini oleh pemaju-pemaju perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sebagai penutup saya mengambil peluang ini untuk mengingatkan rakyat Malaysia berwaspada ke atas berbagai taktik dan kempen yang digunakan oleh parti-parti pembangkang menjelang pilihanraya umum yang akan datang. Kerajaan Barisan Nasional memang dapat menerima bahawa ada banyak perkara lagi yang hendak dibaiki dan dibuat dalam negara kita. Kekurangan masih terdapat di sana sini. Tetapi apa yang penting dan patut diingati ialah kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan dalam tempoh suku abad yang pertama semenjak negara kita mencapai kemerdekaan. Jika kemajuan yang kita semua menghargai ini hendak diteruskan, rakyat hendaklah memberi sokongan penuh supaya Kerajaan menjadi lebih stabil dan kukuh bagi melaksanakan program-program untuk kemajuan dalam suku abad kedua. Lebih-lebih lagi Kerajaan di bawah pimpinan Yang

Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad dan Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Musa bin Hitam telah membuktikan pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah dalam tempoh tujuh bulan ini. Sikap dan tindakan Kerajaan dalam tempoh masa ini telah meyakinkan rakyat amat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

4.57 ptg.

Dato Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan perkenan Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong suatu Usul yang dikemukakan untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang yang telah diberi kepada saya sebagai wakil UMNO untuk menyokong usul bagi merafakkan sembah Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Baginda sempena Pembukaan Rasmi Penggal Keempat, Parlimen Kelima pada 8-3-1982 yang lalu. Titah Ucapan Kebawah Duli Baginda yang penuh dengan hasrat untuk perpaduan, kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyat Malaysia ini mempunyai erti yang besar dan yang mendalam.

Pada hemat saya Titah Ucapan Baginda mengandungi hasrat dan cita-cita murni pemimpin-pemimpin pentadbiran baru kita yang sentiasa mendesak untuk mendapat hasil dengan secepatnya di atas semua rancangan negara untuk perpaduan dan kemakmuran rakyat. Pemimpin-pemimpin pentadbiran baru kita yang dikenali dengan huruf '2M' itu tidak suka berlengah-lengah dan memanjang-memanjangkan masa untuk mencapai objektif-objektif yang disasarkan. Pentadbiran '2M' ini means business, jika kita toleh ke belakang melihat apa yang mereka telah buat dan apa yang mereka sekarang berharap. Apa yang dikatakan mesti dikotakan dengan secepat mungkin. Dalih-dalih kegagalan tidak lagi dilayan dan diterima

tanpa hukuman. Kebolehan dan kecekapan cuma diukur dengan kejayaan yang diperhasilkan. Ganjaran cuma diberi dengan secara sukat kejayaan yang diperhasilkan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli Baginda mencerminkan negara kita telah merdeka dan berdaulat sejak 25 tahun lalu. Gambaran ini disunting dengan apa makna dan erti kemerdekaan itu. Kejayaan-kejayaan yang telah diperhasilkan dalam tempoh suku abad itu adalah diakui. Kesilapan-kesilapan yang terjadi di tempoh yang sama tidak dinafikan, tetapi dengan makna yang mendalam, pertanyaan patutkah kemajuan yang dicapai ke tahap ini mengambil masa sebegitu panjang selama sesuku abad?

Jaminan Kerajaan kepada rakyat sejak satu generasi yang lepas di mana Rancangan Malaysia Pertama dilahirkan adalah menghapus kemiskinan bagi semua kaum dan menyusun semula masyarakat kita untuk mencapai perpaduan. Di sini patutlah kita memikir dengan saksama sekejap dan soal diri sendiri: apakah sebab-sebabnya yang kita tidak dapat capai dengan mutlaknya penghapusan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dalam tempoh satu generasi yang telah lalu?

Gambaran inilah yang ditimbulkan dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Baginda dan soalan secara mendalam beginilah yang ditanya oleh pentadbiran baru kita. Jawapan mesti dicari dan diberi supaya kesilapan yang terjadi dalam suku abad yang lalu tidak semestinya diulangkan lagi. Kesilapan bermakna kerugian—kerugian masa dan kerugian wang yang kita tidak mampu lagi untuk kepentingan dan perpaduan generasi akan datang.

Kita sebagai rakyat jelata pula mesti sentiasa beringat bahawa tiada sesiapa perseorangan yang boleh menghasilkan semua sasaran yang dirancang oleh Dasar Ekonomi Baru. Kejayaan ini cuma boleh dicapai dengan segala dan semua pertolongan yang disumbangkan oleh semua golongan rakyat Malaysia dengan secara persefahaman dan secara tidak mementingkan diri sendiri.

Cuma dengan cara dan nilai inilah kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, gema seruan Seri Paduka Baginda dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Baginda menduga: kita mesti lebih berdikari dan lebih produktif; kita mesti bergerak cergas, maju ke hadapan; kita mesti berdisiplin; kita mesti mempunyai sikap dan nilai yang wajar terhadap kerja; kita mesti mementingkan masyarakat lebih daripada diri sendiri; kita mesti sumbangkan tenaga untuk negara tanpa memikirkan apa yang kita boleh dapat.

Cabaran-cabaran inilah dalam seruan Titah Ucapan Kebawah Duli Baginda yang saya berharap semua golongan rakyat akan menyahut dan menganut. Dengan seruan itu Baginda menjamin Kerajaan Baginda akan menukar sikap daripada menjadi 'Tuan' kepada alat perkhidmatan rakyat yang akan bertugas dengan "Bersih, Cekap dan Licin".

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara ekonomi negara, pada masa ini ekonomi kita mengalami ketika yang amat lembab di mana kegiatannya telah merosot dengan nyata disebabkan oleh kemerosotan yang berterusan dalam permintaan eksport. Keseluruhan permintaan dalam negeri menjadi lemah. Permintaan sektor swasta telah mengalami kemerosotan dengan pesatnya disebabkan oleh kelemahan kuasa beli dalam ekonomi dan juga prospek perniagaan yang tidak dapat ditentukan masa hadapannya.

Di sepanjang tahun lepas, firma-firma perkilangan mencatatkan pengeluaran yang lebih rendah disebabkan oleh jualan dalam negeri dan juga eksport yang lemah. Keadaan perdagangan yang merosot dan jangkaan bahawa pertumbuhan ekonomi akan menjadi perlahan telah memberi pengaruh buruk ke atas perjalanan modal sektor swasta. Import barang-barang pengeluaran pada hakikatnya tidak bergerak. Sungguhpun perbelanjaan penggunaan berterusan di peringkat yang tinggi, kedudukannya semakin lemah dan mungkin akan jatuh.

Kelemahan prestasi keluaran dalam negeri adalah disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam keluaran yang dialami

oleh industri perlombongan, pertanian dan kelemahan dalam pengeluaran barang-barang perkilangan. Prestasi pengeluaran menunjukkan suatu gambaran yang kurang senang. Pengeluaran perlombongan merosot dengan kuatnya. Pengeluaran bijih timah padat terus susut dan bilangan lombong bijih timah yang bergiat terus juga merosot. Harga bijih timah semakin buruk akibat daripada terlalu banyak timah di pasaran antarabangsa. Keburukan ini kian bertambah selepas General Services Administration of America melepaskan stokpile mereka untuk dijual di pasaran dunia. Negara-negara pengeluar bijih timah memohon International Tin Council ataupun ITC meluluskan dasar kawalan eksport bijih timah tetapi kelulusan ini dilengah-lengahkan dan mungkin disekat dengan alasan kelebihan bijih ini boleh dibeli oleh Stok Penimbal.

Tuan Yang di-Pertua, International Tin Council dianggotai juga oleh negara-negara pengguna bijih dan mereka tidak mencarumkan wang sumbangan untuk Stok Penimbal. Pembelian bijih yang berlebihan ini jika dibeli oleh Stok Penimbal bermakna pengeluaran wang oleh negara-negara pengeluar untuk membeli bijih pengeluaran mereka sendiri. Sudahlah bijih tidak dapat dijual dengan harga berpatutan, malah wang pun mesti dikeluarkan untuk membeli bijih yang diperhasilkan sendiri. Di mana keadilan di dalam sistem sebegini?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah berpanjangan. Semakin lama kita berlengah semakin buruk kedudukan ekonomi kita meleset. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pengeluaran bijih di negara kita patut dikurangkan sebanyak 25%. Di sini saya mendesak Kerajaan supaya langkah-langkah positif perlu diambil secepat mungkin untuk mengurangkan pengeluaran bijih timah supaya kelebihan di pasaran dunia berkurangan. Kita perlu menukar dasar pergantungan kita atas pengeluaran bijih oleh sebab harta ini adalah harta susut (depleting asset). Saya juga mendesak Kerajaan supaya menubuhkan satu Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah untuk menjaga kepentingan kita kesemuanya.

Langkah yang perlu kita ambil sekarang adalah: Malaysia bersama Indonesia dan Thailand menjadi penaja memulakan Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah. Negara-negara pengeluar yang lain perlu dijemput menjadi ahli-ahli persatuan. Objektif-objektif Persatuan adalah: mewujudkan persetujuan untuk mendirikan pasaran bersama yang dianggotai oleh ahli-ahli persatuan dan menentukan harga jualan yang perpatutan, menentukan dasar pengeluaran bijih bagi tiap-tiap negara pengeluar supaya jumlah pengeluaran tidak berlebihan. Menyelidik cara-cara penggunaan bijih timah secara lain supaya pasaran dan penggunaan baru dapat diadakan. Cuma dengan cara-cara ini, kawalan pengeluaran, kawalan eksport dan kawalan harga pasaran bijih timah dapat diwujudkan dan negara-negara pengeluar tidak lagi boleh dipermainkan oleh negara-negara pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran getah dalam tahun 1981 telah juga jatuh. Pengeluaran yang lebih rendah ini membayangkan, terutamanya, kemerosotan tahunan, bukan sahaja dari pekebun-pekebun kecil, bahkan dari ladang-ladang estet. Pekebun-pekebun kecil tidak lagi mampu bekerja mengeluarkan getah dari segi pendapatan jualan getah yang diperolehi. Mereka berpendapat bahawa pendapatan daripada menjadi buruh kasar lebih lumayan daripada menoreh susu. Dengan hal yang demikian, aliran tenaga ini telah membawa kemerosotan di atas pengeluaran getah negara. Penerimaan eksport dari getahpun merosot dengan nyatanya pada kadar tahun 1981 bukan sahaja disebabkan oleh kekurangan pengeluaran tetapi disebabkan juga oleh kekurangan pembelian oleh pengguna utama.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi kita semata-mata bergantung di atas pengeluaran bahan-bahan mentah untuk keperluan negara-negara pengguna. Sungguhpun hasil-hasil mentah ini menjadi satu sumber yang penting kepada sumbangan Gross Domestic Product atau keluaran dalam negeri kasar kita tetapi oleh sebab pasarannya tergantung kepada cuma beberapa negara pengguna sahaja maka bahayanya seperti sekarang sentiasa timbul. Negara-negara

pengguna segelintir ini sentiasa memainkan kita dengan harga belian yang tidak berpatutan. Dengan keadaan begini maka negara kita sentiasa tersepit dengan kata dua mereka.

Saya menggesa Kerajaan dengan secepat mungkin mengalih haluan dasar ekonomi kita daripada pengeluaran bahan-bahan mentah sahaja kepada pengeluaran bahan-bahan mentah yang sudah dicampuri dengan nilai tambahan (value added commodities). Dengan bahan-bahan yang telah diproses ini maka pasaran pengeluaran kita tidaklah terhad kepada segelintir negara-negara yang maju sahaja.

Di samping itu saya juga menggesa Kerajaan memilih dengan telitinya tanaman modal asing di negara kita. Industri-industri yang dibawa ke negara ini patutlah dipilih dari di antara industri-industri yang boleh menggunakan bahan-bahan mentah kita. Galakan-galakan yang berlebihan patutlah diberi kepada syarikat-syarikat untuk menggunakan teknologi baru dan untuk meningkatkan pengeluaran barang-barang value added dan finished products daripada pengeluaran hasil mentah negara kita. Sungguhpun negara maju bermegah-megah dengan sistem free market tetapi sistem ini sentiasa ditukar peraturannya untuk kepentingan negara-negara mereka. Pembelian pengeluaran negara kita sentiasa diancam oleh proteksyenisma negara-negara maju ini. Penyelesaian jangka panjang melangkah masalah ini adalah dengan cara menyusun semula sektor pengeluaran kita dengan mengutamakan barang-barang bercorak value added yang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara perdagangan luar negeri, sektor ini telah mendapat tekanan kuat yang mengakibatkan kekurangan dagangan yang besar. Eksport kasar jatuh menjunam disebabkan terutamanya oleh penerimaan eksport yang amat rendah bagi hampir ke semua barangan eksport utama. Ini mencerminkan pada bahagian besarnya kemerosotan dalam akaun perdagangan kita yang sentiasa di dalam kedudukan surplus pada tiap-tiap bulan kepada kedudukan deficit sejak dua tahun yang lepas. Cadangan rasmi bersih negara kita

jatuh dengan banyaknya. Baki pada bulan September, 1981 hanya cukup membiayai sebanyak 4½ bulan import tertanggung pada paras sesama. Sekarang pada bulan Mac, 1982, wallahualam sama ada baki ini ada lagi atau tidak.

Kedudukan perdagangan yang buruk ini adalah disebabkan terutamanya oleh penerimaan eksport yang sangat rendah dari semua barangan utama. Penerimaan-penerimaan eksport yang rendah bagi bijih timah dan getah adalah disebabkan oleh kejatuhan dalam jumlah eksport; dan kejatuhan harga permintaan eksport petroleum pun kian semakin merunsingkan kita. Di sebalik itu import kasar telah meningkat dengan pesatnya. Pertumbuhan dalam import pada asas tahunan adalah disebabkan oleh import yang lebih tinggi dan harga import yang berlebihan. Juga negara kita bergantung kepada kapal-kapal asing untuk pengangkutan bahan-bahan pengeluaran kepada insuran asing, pembayaran untung keluar negeri dan bayaran faedah pinjaman ke seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kedudukan akaun perdagangan Malaysia terlampau buruk jika dibanding dengan keadaan dua tahun yang lepas, saya menggesa Kerajaan meneliti kedudukan ini sehalus-halusnya dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengurangkan pertumbuhan import, terutama sekali import yang tidak dilihat (invisible import).

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh perkara perusahaan dan perniagaan dalam negeri. Saya suka menarik perhatian Kerajaan di atas perusahaan yang amat kurang dari segi pengeluaran yang boleh menampung permintaan dalam negeri. Penggunaan dalam negeri terlampau banyak bergantung dari barangan import. Ini adalah sebab-sebab yang utama membawa kemelesetan akaun perdagangan ke tahap yang buruk seperti sekarang.

Saya mendesak Kerajaan mengujudkan perusahaan-perusahaan yang boleh menampung permintaan dalam negeri dengan pesat lagi supaya permintaan import boleh lagi dikurangkan dan inflasi negara-negara maju dibenteras daripada dibawa ke dalam negeri. Saya sedar bahawa Kerajaan sekarang sedang

membesarkan lagi angkatan perkapalan kita dan mengambil langkah membawa kos insuran ke negara kita dengan mengujudkan syarikat-syarikat insuran yang besar di negara kita serta memberi galakan untuk menggunakan kapal-kapal kita dan insuran-insuran di negara kita. Ini adalah langkah yang positif dan jika berjaya sepenuhnya akan menampungkan import tidak lihat (invisible import) sebanyak lebih daripada \$2,000 juta setahun. Dengan langkah positif ini, saya menggesa Kerajaan membesarkan lagi strategi merangkumi permintaan lain-lain lagi seperti perusahaan pengeluaran makanan dan semua bahan-bahan yang pada masa ini diimport. Sungguhpun objektif menjadi negara self-sufficient susah dicapai tetapi dengan objektif yang sama, negara kita tentu dapat mengurangkan penggantungan kepada negara-negara lain di atas segala keperluan harian rakyat kita.

Perusahaan dengan tidak cara langsung berproduktif patutlah diturunkan prioritetnya. Perusahaan pembukaan tanah-tanah baru untuk tanaman dan untuk perusahaan serta pembangunan patutlah diberi semua galakan. Ini termasuklah perusahaan pelancungan dan perhotelan.

Dalam hal perusahaan perhotelan, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Kerajaan kepada satu syarikat perhotelan yang ditatang oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti minyak yang penuh. Syarikat ini diberi tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri lebih kurang 5,000 hektar dengan harga \$125 sehektar untuk perusahaan perhotelan dan lain-lain, diberi taraf perintis selama 10 tahun dan dikecualikan daripada cukai pendapatan dan cukai pembangunan dalam tempoh itu oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan segala kemudahan-kemudahan itu syarikat ini juga diistimewakan dengan satu lesen casino yang memberi nikmat untung yang melimpah banyaknya.

Saya menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini adalah semata-mata dari segi tidak kesaksamaan kemudahan-kemudahan yang diberi kepada syarikat-syarikat perhotelan yang lain dalam persaingan perniagaan ini. Syarikat ini yang saya tahu cuma dengan modal sebanyak \$10

juta dengan tanah seluas 5,000 hektar dengan taraf perintis dan dengan lesen casino telah dalam masa lebih kurang 10 tahun membolot kekayaan yang mustahil dicapai oleh mana-mana syarikat perniagaan. Modal syarikat ini yang mulanya cuma \$10 juta sekarang telah naik ke taraf lebih \$200 juta yang boleh dikatakan semuanya dikeluarkan secara bonos iaiatu dari keuntungan. Keuntungan syarikat ini sebelum cukai pendapatan adalah hampir \$100 juta setahun. Sebahagian besar syarikat ini adalah hakmilik satu famili sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan bersetuju bahawa syarikat ini diberi pada mulanya semua kemudahan dan galakan dan diistimewakan dengan lesen casino adalah untuk memperlakukan syarikat itu membangun perusahaan hotel dan pelancungan di area "D" di bawah definisi Akta Galakan Pelaburan iaitu di tempat-tempat seperti bukit, gunung dan pulau-pulau supaya syarikat itu tidak menempuh kerugian yang besar. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, mengapa lesen casino ini diperkenalkan kepada syarikat ini walhal keuntungan telah berlipat ganda jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat yang sama perniagaan di seluruh negara. Mungkin Kerajaan masih berhasrat menggunakan lesen casino sebagai satu alat (tool) untuk membangunkan kawasan-kawasan bukit, gunung dan pulau-pulau untuk perusahaan hotel dan pelancungan. Saya pun bersetuju dengan strategi sebegini tetapi janganlah satu sahaja alat (tool) ini dikeluarkan.

Di negara Amerika Syarikat, Tuan Yang di-Pertua, ada undang-undang Anti-Trust Law yang bersyarat iaitu satu syarikat swasta tidak boleh membolot atau dapat monopolikan sesuatu sektor perniagaan seperti casino. Sebab itu di Las Vegas dan Lake Tahoe umpamanya banyak lesen-lesen casino diberi kepada perusahaan-perusahaan perhotelan bertempat di situ. Sungguhpun kita tiada undang-undang ini tetapi pada hakikatnya prinsip ini sentiasa ada sebagai kesusilaan atau ethics perniagaan yang diurus oleh Kerajaan.

Baru-baru ini Kerajaan Queensland di Australia berhasrat menggalakkan perusahaan perhotelan dan pelancungan di

Surfer's Paradise. Untuk permulaannya Kerajaan Queensland mengeluarkan bukan sahaja satu tetapi dua lesen casino kepada penawar-penawar dengan syarat-syarat penawar-penawar ini membina hotel dengan harga tidak kurang daripada \$650 juta tiap-tiap satu dan memberi lain-lain kelengkapan untuk menarik pelancungan. Satu laporan, Tuan Yang di-Pertua, saya baca baru-baru ini menyatakan satu daripada dua lesen casino di Queensland ini telah pun diberi kepada syarikat Malaysia yang sekarang ini mempunyai lesen casino di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan casino amatlah rumit untuk dikawal oleh Kerajaan terutama sekali dari segi pungutan cukai judi. Di Amerika Syarikat misalnya, sungguhpun pegawai-pegawai Internal Revenue Service amat cekap dalam pekerjaan mereka dan sentiasa dibantu dengan alat perkakas computer yang sophistikasi banyak juga wang casino diseludupi keluar daripada casino tanpa bayaran cukai judi. Jika Kerajaan tidak mengujudkan sistem check and balance, mungkin perkara penyeludupan keluar wang begini juga berlaku di casino-casino di negara kita. Ini tidak mengkagumkan. Jika dua atau lebih daripada dua lesen casino dikeluarkan sekurang-kurangnya dapat kita bandingkan prestasi antara satu casino dengan casino yang lain dan sukatan pungutan yang wajar dapat dirumuskan untuk pembayaran cukai judi.

Mengakhirkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak Kerajaan mengambil satu daripada cadangan-cadangan ini iaitu cadangan:

- (1) Jika kita tidak mahu rumah judi diadakan di negara kita ini maka saya cadangkan lesen casino yang sekarang cuma satu sahaja yang telah dikeluarkan dan dibaharui pada tiap-tiap tiga bulan ditarik balik secepat mungkin.
- (2) Jika kita perlu menggalakkan lesen casino sebagai alat (tool) untuk pembangunan perusahaan perhotelan dan pelancungan maka saya cadangkan lesen casino yang sekarang telah dikeluarkan ditarik balik dan diberi kepada syarikat yang lain yang akan

membangunkan tempat-tempat yang lain pula. Di samping itu sekurang-kurangnya satu lagi lesen casino di keluarkan supaya perniagaan ini tidak dimonopolikan. Syarikat-syarikat yang mempunyai lesen-lesen casino patutlah disyaratkan membangunkan hotel-hotel yang bermutu tinggi setaraf antarabangsa dengan semua bantuan penarik pelancungan dan juga disyaratkan membina dan menjual dengan harga kos qota rumah-rumah murah tiap-tiap tahun di tempat-tempat yang ditunjukkan oleh Kerajaan.

Perkara ekonomi negara ini tidak mencukupi jika saya tidak menyentuh sedikit sebanyak kepada kedudukan kewangan negara. Di tahun lepas dan juga dalam tahun ini pertumbuhan dalam mudah tunai sektor swasta amatlah tipis dan kadar faedah bergerak dengan giatnya ke arah aliran yang mendaki. Belanjawan Kerajaan didapati menghalu ke arah pembesaran. Perbelanjaan semasa bertambah dengan lebih tinggi ke semuanya terutamanya bayaran faedah hutang negara, bayaran pindahan dan pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam separuh masa pertama tahun 1981 kekurangan atau deficit keseluruhan Kerajaan Persekutuan berjumlah \$3,300 juta. Deficit keseluruhan tahun 1981 dan seterusnya dibiayai dengan pinjaman kasar dalam negeri dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bahaya yang besar sekali dengan deficit Kerajaan adalah mengancamkan ekonomi negara dengan peningkatan harga pinjaman wang yang membawa akibat ketahap yang mustahil bagi sektor swasta mendapat sumber-sumber kewangan untuk keperluan mereka. Oleh kerana Kerajaan mempunyai credit rating yang bagus sekali sebagai peminjam di pasaran wang maka ia tentu dapat kedudukan utama dari permintaan ini. Selepas itu sahajalah sektor swasta atau individu mendapat perhatian pasaran ini. Sebegitu banyak Kerajaan mencekup wang dari pasaran wang dalam negeri sebegitu kekurangan wang yang boleh diperuntukkan kepada sektor swasta. Pada hemat saya, permintaan Kerajaan terhadap pasaran wang telah merangkumi kebebasan dan

kemudahan yang terujud untuk sektor swasta. Kepada rakyat yang kurang faham dalam segi titik halus teori ekonomi, mereka risau jika satu famili ataupun satu Kerajaan yang membelanjakan wang berlebihan daripada pendapatan. Meneruskan pentadbiran negara dengan kekurangan wang adalah satu bencana yang membawa kecelakaan. Ini tidak berlainan seperti satu famili membelanjakan wang berlebihan daripada pendapatannya.

Dalam sektor swasta pun, Tuan Yang di-Pertua, sesuatu perniagaan mesti balance its budget. Cara ini pada pendapat mereka perlu juga dianuti oleh pentadbiran Kerajaan. Kepada golongan perniagaan, Tuan Yang di-Pertua, permintaan Kerajaan di pasaran wang untuk membiayai kekurangan membawa kepercayaan kepada mereka bahawa inflasi akan terus meningkat. Mereka takut menanam modal dan terus menerus meninggikan harga-harga jualan dengan kepercayaan yang mereka patut bersedia menentang masa buruk di mana inflasi tidak dapat dikawal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi negara kita kian menjadi buruk lagi jika kita tidak mengurangkan belanjawan negara dan mengurangkan jumlah deficit kita. Jika deficit negara terus meningkat dengan lebih besar lagi Kerajaan tentu akan menambah pinjaman wang untuk membiayai belanjawan itu dan dengan itu tekanan permintaan wang di pasaran saham semakin pesat. Faktor ini nescaya mengeraskan lagi ketegangan mudah tunai dan menjolokkan lagi kadar faedah pinjaman ke tingkatan yang lebih tinggi.

Kadar faedah menentukan sama ada sesuatu perusahaan mampu mengambil pekerja-pekerja, menentukan sama ada seorang mampu membeli bumbung untuk perlindungan famili mereka ataupun menentukan sama ada seorang petani mampu menanam pertaniannya. Harga wang sekarang lebih mahal daripada harga minyak. Cuma semalam isteri saya menyatakan harga pinjaman wang "mahal macam bedil". Apakah maknanya, saya tidak pasti tetapi, Tuan Yang di-Pertua, jika seorang suri rumah mengerti keadaan kewangan negara yang bercorak kurang baik ini maka pada hemat

saya sesuatu tindakan perlu diambil untuk memperbaiki kedudukan kewangan negara. Harga wang yang tinggi telah melumpuhkan rancangan ekonomi negara dan dengan kesusahan mendapat sumber-sumber pinjaman disebabkan mudah tunai yang ketat akan membasmi banyak perusahaan dan perniagaan. Harga wang yang tinggi juga telah mengerutkan tanaman modal yang negara kita berharap untuk membesarkan lagi daya pengeluaran tidak akan berhasil. Tingginya kadar faedah telah mengakibatkan kita kejurang kemelesetan ekonomi. Negara kita tidak boleh menikmati kepulihan ekonomi yang giat jika sekiranya kadar faedah tidak turun sekurang-kurangnya lima atau enam mata peratus. Perusahaan kita tidak akan dapat berdiri semula di atas kakinya sendiri jika kadar faedah sekarang tidak diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Kerajaan mengambil semua tindakan yang boleh mengurangkan baki deficit Belanjawan negara. Cuma dengan jalan ini Kerajaan tidak lagi akan mengakibatkan kenaikan kadar faedah secara bertanding dengan permintaan sektor swasta di atas sumber-sumber kewangan yang terhad untuk keperluan daya pengeluaran. Dengan cara inilah juga Kerajaan akan dapat membendung inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi yang pada keseluruhannya lembab, keadaan inflasi dalam negeri terus bertambah pada kadar yang lebih tinggi dalam tahun 1981. Pertambahan ini digambarkan dengan pergerakan-pergerakan di dalam angkatunjuk harga pengguna yang bertambah berturut-turut pada tiap-tiap tahun.

Tahun 1979 inflasi meningkat sebanyak 3.6%.

Tahun 1980 inflasi meningkat sebanyak 6.7%.

Tahun 1981 inflasi meningkat sebanyak 9.6%.

Dalam perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun lepas dalam Dewan yang mulia ini, saya berucap dengan panjang lebar di atas perkara inflasi dan telah menggesa Kerajaan mengambil

beberapa langkah positif untuk membendung peningkatan kadar inflasi ini. Saya berharap Kerajaan menitikberatkan cadangan yang dikemukakan pada tahun lepas itu supaya rakyat, terutamanya mereka yang berpendapatan kecil tidak menderita dan dianiyai oleh pertumbuhan kadar inflasi yang tidak dibenteraskan sehabis-habisnya.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya pada hari ini cuma menyentuh sedikit sebanyak perkara ekonomi negara kita. Perkara-perkara lain saya berharap kawan-kawan saya mengucapkan dengan panjang lebar lagi, jadi saya tidak menyentuh perkara-perkara lain daripada ekonomi.

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengandungi nasihat kepada seluruh rakyat Malaysia dari pihak pemimpin-pemimpin, pihak Pegawai-pegawai Pentadbir dan rakyat jelata dari semua keturunan.

Intisari Titah Baginda dengan tegasnya berhasrat rakyat mestilah berazam, pentadbir mestilah cekap dan pemimpin mestilah jujur. Baginda juga menggambarkan dasar Kerajaan baginda di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang kita kasihi yang berpandukan matlamat pentadbiran yang bersih, cekap dan licin. Seperti yang kita telah mengecap rasanya *sejak 9 bulan yang lepas kita telah diberi segala bukti bahawa Kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu mengutamakan sifat-sifat kejujuran pengorbanan dan disiplin.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merafakkan sembah tahniah dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan berdoa moga-moga Allah sentiasa melimpah taufik dan hidayah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir yang kita kasihi dalam pelaksanaan tugas-tugasnya untuk kebahagiaan dan kemakmuran rakyat dan negara Malaysia.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, Dato' Haji Mohamed bin Nasir untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 1, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KE-
BAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Perbahasan disambung semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Senator S. Subramaniam, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada majlis Dewan Negara

mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima.”.

dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil Ahli untuk berucap, saya suka hendak menyatakan iaitu kita hanya ada dua hari sahaja untuk membahaskan Ucapan Diraja dan satu hari bagi Menteri-menteri menjawab. Oleh kerana masa terlalu singkat saya ingin memberi peluang kepada seberapa ramai yang boleh kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan dengan kerana itu saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menghadkan ucapan selama 20 minit maksima setiap orang yang hendak berucap.

5.48 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas keizinan dan peluang yang diberi untuk saya berucap sepatah dua dalam menyokong usul yang dikemukakan, iaitu menyembah junjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkenannya Kebawah Duli berangkat dan menyampaikan Titah Ucapan baginda dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kelima di Dewan Rakyat, tanggal 8hb Mac yang lalu.

Titah Ucapan yang bermula dari jam 10.40 dan berakhir 11.25 minit, ikut catatan saya, bolehlah dianalisis kepada beberapa aspek penting yang menekan, terutamanya ialah menjaga keperibadian bangsa dan negara supaya bangsa dan negara ini akan mendapat tempat, duduk sama rendah, dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju di dunia ini, Titah Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Tuanku itu adalah merupakan sebagai satu tiupan nafiri mengucap selamat menyambut suku abad yang pertama sebagai sebuah negara yang sudah merdeka dan berdaulat, segala pahit maung, lemak manis, yang dirasakan di masa lalu seru Baginda hendaklah dijadikan sebagai bahan renungan kepada rakyat

meliputi bukan sahaja Ahli-ahli Dewan malah para pentadbir, para pekerja, kaum tani, golongan profesional, swasta dan orang perseorangan.

Pada pendapat saya penekanan yang diutamakan dalam Titah Tuanku itu ialah kehendak utamanya supaya rakyat bahkan semua peringkat mengubah sikap yang dianggap menjadi sebagai satu nadi baru ke arah mencapai matlamat kejayaan sejajar dengan pemerintahan yang bercorak "2M" sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang mengikuti aliran politik, saya tidak hendak bercakap kisah-kisah ekonomi dan sebagai kenyataan yang dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan had masa, jadi saya sentuh hanya kepada beberapa soalan sahaja terutama soalan pelajaran dan pengetahuan.

Rakyat harus sedar sebelum suku abad dari tarikh merdeka negara kita ini maka kita menumpang sebuah institusi di tempat lain untuk anak-anak negara menceduk ilmu pengetahuan dari tempat itu. Tetapi sekarang dengan kecekapan dan usaha gigih Kerajaan memerintah sudah lima buah institusi pelajaran tinggi diadakan dalam negara kita sendiri, barangkali puluhan ribu anak negeri memegang ijazahnya dan mendapat tempat yang baik di dalam firma-firma dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan. Ini suatu rahmat hasil dari perjuangan sejak suku abad yang lampau.

Baru-baru ini kita harus bersyukur lagi dan saya sanjung tinggi bila berita menyebut bahawa Perdana Menteri kita telah membawa balik satu perkhabaran gembira di mana sebuah lagi Universiti Islam akan diwujudkan di negara kita. Inilah satu-satunya yang sangat diharap-harapkan oleh rakyat jelata khususnya orang-orang Melayu.

Sebenarnya saya telah membuat pernyataan kepada Kementerian Pelajaran iaitu apakah usaha Kementerian ini dalam melaksanakan kehendak seperti yang disebutkan oleh Rasul s.a.w. dengan izin, Al-ulamak warakatul ambia. Ulamak itu adalah membawa pesaka Nabi. Saya bertanya supaya

dapat dinyatakan apakah satu usaha oleh Kementerian ini sehingga terlaksana maksud-maksud Islam yang menjadi agama rasmi negara ini. Maksud ini bukanlah para cerdik pandai itu hanya mengetahui hukum-hukum Islam sahaja—bukan, tetapi hendak saya adalah skop yang lebih luas iaitu universiti yang akan dibuka nanti akan lebih menitikberatkan khusus dalam bidang perubatan, engineering dan sains komputer. Bila sudah terbuka, agak kalau tidak disusun dengan rapi segala strukturnya mungkin akan menjadi ratusan ribu yang hendak mengikuti institusi ini apatah lagi bila ditambah dengan pelajar-pelajar yang datang dari luar negara. Sementara pula seperti yang kita faham segala kosnya mungkin akan dibantu dan kenyataan telah pun diperolehi, akan dibantu oleh negara-negara yang telah ditemui oleh Perdana Menteri kita baru-baru ini.

Kepada saya ini pun akan menjadi satu masalah yang memeningkan, akan menjadi satu masalah yang agak rumit di kemudian hari dan oleh kerana itu pusat ini akan menjadi sebuah pusat dari beberapa buah yang ada di dalam dunia ini bila sudah terlaksana maksudnya. Untuk meliharakannya pada pendapat saya, keistimewaannya hendaklah dipelihara, keistimewaan yang boleh dibanggakan oleh Kerajaan kita sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan kemajuan dunia moden di hari ini.

Saya fikir ianya akan diletakkan di atas asas mercu yang tinggi sekali atau dengan lain perkataan dibuka khusus untuk graduate ataupun post graduate di mana soal-soal penyelidikan dan pengajaran sesuatu jurusan itu sahaja tidak dibuka sepertimana institusi yang ada sekarang kerana itu harus di mana ia dijangka akan menjadi ratusan ribu penuntut-penuntut yang akan masuk di situ tetapi maksud saya bila kita hendak memelihara kebaikan dan ketinggian atau mutunya, maka elok sekali kalau universiti ini khas dibuka post graduate sahaja yang akan mengikuti ilmu-ilmu jurusan yang tertentu. Mereka yang sudah mempunyai ijazah, yang sudah mempunyai kelayakan dan kecenderungan di dalam satu-satu jurusan, orang ini bolehlah diterima menjadi anak buah universiti yang dicadangkan tadi. Sama ada ianya orang itu

beragama Islam ataupun tidak semoga setiap pengeluaran yang keluar ijazah tinggi dari pusat ini akan dapat membicarakan agama dengan doktor, agama dengan penditanya dan lain-lain lagi. Dengan ini harus boleh dipergunakan atau diperkotakan bilangan penuntut di situ dan pasti negara-negara lain terutama dari Timur Tengah akan mencurahkan masuk kerana didapati sesuai benar dengan keadaan iklim dan corak pemerintahannya negara kita dewasa ini.

Saya bercadang mereka yang akan ditugaskan menulis cara-cara organisasi, menulis cara-cara sistem pentadbiran, menulis struktur perlembagaannya dan tenaga yang memimpin haruslah meneliti dengan agak mendalam beberapa perkara yang saya sebutkan tadi dapat ditadbirkan dengan licin. Kita berterima kasih sekali lagi kepada Perdana Menteri yang kita kasihi itu dan tidak lupa negara-negara yang telah menyambut baik dan memberi persetujuan atas cadangan beliau tadi. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja sedikit perkara yang berkaitan dengan pelajaran dan ilmu pengetahuan.

Saya cuba menyentuh perkara keamanan dan ketenteraman di mana yang menjadi salah satu hasrat Baginda supaya negara ini dapat diketahui secara pentadbiran dan keamanan serta keselamatan yang ada di dalamnya. Ketenteraman serta keselamatan, kepada pegawai-pegawai anggota-anggota keselamatan, saya turut mengucap terima kasih atas tindakan mereka, gagah berani mereka dan kita harap Pasukan Keselamatan akan meningkatkan lagi prestasinya dan diplomasinya supaya pasukan kita yang mahir dan cekap itu dapat membuktikan kepada dunia bahawa kita sedia berkhidmat bila-bila masa dan di mana jua.

Dalam konteks ini mungkin negara kita harus boleh menawarkan diri, agak bila tiba masanya untuk dihantar ke mana-mana juga, khususnya di Timur Tengah untuk menjadi anggota pengaman di antara beberapa buah negara seperti yang sedang berlaku dalam perang Iraq-Iran di mana kita juga telah dilantik, negara kita dewasa ini telah diberi peluang untuk menduduki menjadi salah satu daripada anggota pendamai yang

tujuh yang telah dilantik oleh negara-negara Islam. Barangkali saya fikir kalau sekiranya datang kepada masalah pendamai yang berkehendakkan kepada tenaga luar untuk menjaga keselamatan negara itu, harus kita boleh menawarkan diri dan di sana boleh kita tunjukkan bagaimana kecekapan negara kita dalam mentadbirkan masalah keselamatan negara ini.

Menyentuh perkara keamanan dalam perhatian saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa waktu ini terdapat beberapa kejadian yang amat mendukacitakan terhadap mangsa-mangsa perompak, mangsa-mangsa perogol walaupun pihak pengawal keamanan bahagian polis dapat mengesan, menangkap dan membenteraskan penjenayah itu tetapi nampaknya kejadian yang tidak diingini itu selepas ditangkap berulang semula, berulang lagi dan menjadi-jadi. Tak di Pulau Pinang, di Ipoh, tak di Ipoh di Kuala Lumpur, ada-ada sahaja. Walau bagaimanapun, saya berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada semua anggota polis yang saya rasa perkhidmatan mereka sudah boleh diletakkan ke tahap yang amat memuaskan. Sebagai satu usaha hendak menyekat

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Saya minta panjang sedikit. Tuan Yang di-Pertua, hari ini boleh beri peluang, besuk tak apa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak. Saya sudah beritahu tadi. Maaf.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Sebagai satu usaha hendak menyekat dan memperingatkan kumpulan perompak dan perogol pada pendapat saya sudah hampir tiba masanya Kerajaan mengkaji semula hukuman penalti ke atas penjenayah yang tidak berperikemanusiaan itu. Moga-moga dengan perubahan hukuman yang agak lebih berat akan membawa satu pengajaran kepada mereka memikirkan sedalam-dalamnya sebelum sesuatu tindakan diambil.

Saya ingin habiskan sedikit lagi, saya suka menyentuh berkenaan agama Islam.

Menyentuh berkenaan agama saya bersyukur kerana terlahirlah dalam kandungan Titah Baginda itu membayangkan betapa berat pandangan Kerajaan terhadap amalan rohaniah. Dalam konteks ini saya suka hendak sebut sedikit bahawa pengajaran Islam bukanlah sekadar sembahyang, puasa, zakat, menunaikan haji sahaja. Sebaliknya, segala perbuatan, segala amalan, segala perkataan yang membawa kepada kebajikan, kebahagiaan dan kesempurnaan ummah yang dibuat oleh seseorang muslim itu adalah tidak terkeluar dari garisan Islam. Bagi saya seperti pembinaan sekolah, pembinaan jalan raya, hospital, menyediakan kemudahan untuk rakyat, melengkapkan alat-alat pemerintahan, alat-alat peperangan mempertahankan negara, membuat perhubungan dengan dunia luar, mengukuhkan hal ekonomi rakyat dan negara, mengasuh mereka supaya rajin bekerja mengadakan rancangan pertanian, penternakan, penangkapan ikan, cara-cara mengasuh dan menjaga kesihatan dan keselamatan rumahtangga dan banyak lagi adalah termasuk dalam kehendak agama Islam.

Izinkan saya beri panjang sedikit—saya teringat, Tuan Yang di-Pertua, dalam sepotong ayat, dengan izin yang memberi makna: Allah memerintahkan Rasulnya kerja, kerja, kerja, kerja, kerjakanlah wahai orang mukmin, maka Allah akan melihat, Rasulmu akan melihat, semua orang mungkin akan melihat dan menyaksikan pekerjaan kamu itu. Ini bererti seseorang akitek merajahkan sesebuah pembinaan tentu akan mendapat sanjungan dan terima kasih dari orang yang akan tinggal di dalam rumah binaannya itu; di sisi Allah sudah pasti akan mendapat ganjaran kerana akal fikiran dan perbuatannya yang baik. Seorang doktor perubatan dapat menolong pesakit sana ada sakit itu berat atau ringan juga mendapat perhatian dari Allah, samalah juga seperti pembinaan jalanraya, lebuhraya, Timur-Barat, Barat-Timur kesemuanya tidak akan terkeluar dari garisan agama Islam.

Di kawasan utara Kerajaan mengadakan bendungan air, Skim Muda Skim Kemubu, tidak lain kerana hendak meningkatkan pendapatan dan pengeluaran negara dan penambahan mata pencarian kaum tani. Itu

pun adalah kehendak agama, sama ada Kerajaan sedar perbuatannya itu kehendak agama atau tidak tetapi dalam tafsiran ibadah seperti yang disebutkan oleh Baginda adalah kehendak agama. Mempelajari ilmu sains dan teknologi pun ada tercatat di dalam Al-Quran dan tidak terkeluar dari kehendak agama, kalau tidak masakan Allah berfirman, dengan izin, yang bermakna Allah turunkan air langit mengeluarkan begitu banyak buah-buahan sebagai rezeki bagimu. Andainya

Tuan (Timbalan Yang di-Pertua): Satu minit lagi.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Andainya air hujan yang diturunkan oleh Allah itu begitu banyak sekali, kalau tidak dibendung dan diampangkan tentulah air itu akan mengalir terus ke laut tanpa mendapat sepenuh faedah darinya. Tetapi manakala hendak dibuat bendung atau ampangan air, ilmu sains mesti dipelajari untuk mengetahui berapa berat tekanan air untuk dipelajari, berapa besar, banyak simen dan besi yang diperlukan dan bagaimana bentuk architecture yang harus dibina, itulah yang dipanggilkan agama. Jadi saya lompat sedikit lagi benarkan. Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup!

6.11 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah kerana diberi peluang bangun turut sama menyokong Usul mempersembahkan ucapan setinggi-tinggi Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Pembukaan Rasmi Penggal Keempat, Parlimen Kelima pada 8hb ini.

Dengan kesempatan yang sangat berharga ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat dari rakyat yang menumpah taat setia di negeri Sarawak atas segala dasar Kerajaan yang bersungguh-sungguh membela untung nasib rakyat lebih-lebih lagi kepada rakyat yang kurang bernasib baik di seluruh negara. Memandangkan segala pembangunan di berbagai bidang bagi kepentingan rakyat jelata baik di bandar dan desa atas dayausaha

Kerajaan Pusat maka Kerajaan Negeri Sarawak sejak selepas pilihanraya umum pertama tahun 1970 dapat mengorak langkah membangun dengan peruntukan kewangan dan khidmat nasihat yang diberi oleh Kerajaan Pusat pada tiap-tiap tahun sehinggalah pada hari ini disertai pula tugas-tugas yang tidak mengira penat dan lelah pemimpin-pemimpin negeri Sarawak itu sendiri bersama-sama pegawai awam dan pasukan keselamatan yang bersungguh-sungguh serta berazam untuk mewujudkan negara Malaysia yang aman damai.

Kepada saya dan rakyat yang cintakan Malaysia tidak boleh menyangkal atau menafikan perkara yang boleh menjadi kenyataan dan bukti ini. Kerajaan negeri Sarawak dengan bimbingan Kerajaan Pusat telah dapat bergerak cergas maju ke hadapan bukan sahaja dari segi kebendaan, tetapi juga dari segi rohaniah dan bukan sahaja dalam bidang ekonomi, tetapi dalam semua bidang kehidupan rakyat berbilang kaum dan agama, dengan itu saya yakin dan tidak syak lagi di mana-mana negeri dalam Malaysia sudah pasti Kerajaan Barisan Nasional mendapat mandat dan sokongan kuat rakyat. Bagi rakyat di negeri Sarawak yang sekarang ini masih lagi dalam senarai sebuah negeri yang masih lagi mundur di berbagai bidang khususnya rakyat peribumi di luar-luar bandar dan pedalaman. Umpamanya di bidang pertanian dan pelajaran, maka tidak hairanlah Dewan yang mulia ini mendengar ucapan kamu berulang kali menyuarakan berbagai-bagai masalah untuk mendapat perhatian Kementerian yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak adalah salah satu negeri di mana rakyat jelata banyak bergantung hidup dalam bidang pertanian yang masih lagi mengguna cara lama atau tradisi, agaknya dengan cara begitulah keadaan kehidupan kaum tani di Sarawak masih lagi mendukacitakan. Apatah lagi seperti yang dialami sekarang ini segala hasil pertanian seperti yang dialami sekarang ni sudahlah hasil pertanian seperti kelapa, koko, getah, tepung sagu serta lada hitam harga pasaran tempatan begitu merosot sekali sedangkan barang-barang keperluan yang

diimport naik harga begitu tinggi. Nampaknya segala usaha pihak Kerajaan bagi lagi harga hasil pertanian negara ini yang dieksport keluar negeri selama ini belum lagi berhasil.

Saya bimbang jika keadaan hasil pertanian tidak dapat diseimbangkan dengan harga barangan yang lain dalam negara kita ini, maka keadaan pekebun kecil dan petani kita sukar untuk mencapai hidup yang lebih baik daripada keadaan sekarang. Maka saya yakin Kementerian dan pihak yang bertanggungjawab sudah pasti berusaha mencari jalan supaya masalah harga hasil pertanian yang dihantar keluar negeri dapat pasaran dengan harga yang berpatutan.

Menyentuh tentang keadaan rakyat di pedalaman dan di kawasan yang tertentu di Sarawak yang menanam padi bukit secara tradisi berpindah-pindan dengan menebang hutan yang berharga pada tiap-tiap tahun dengan membakar kayu-kayu begitu sahaja adalah boleh disifatkan membakar wang dalam simpanan. Walaupun demikian cara mereka yang berkenaan ini menanam padi, saya tidak nampak hasil tanaman mereka itu boleh dibanggakan atau lebih menguntungkan, kadangkala apa yang saya tahu tanaman padi bukit dengan menebang hutan yang berharga itu tidak memberi hasil apa-apa kerana tanaman atau huma mereka itu tidak dijaga seolah-olah sengaja membakar hutan dan menanam padi untuk binatang di hutan.

Dengan ini, ingin saya syorkan kepada pihak berkenaan supaya keadaan rakyat di pedalaman negeri Sarawak yang bergantung hidup kepada tanaman padi bukit secara tradisi itu diambil perhatian segera oleh pihak Kerajaan di samping dapat menyelamatkan kawasan-kawasan hutan ditebang begitu sahaja beribu-ribu ekar pada tiap-tiap tahun untuk tanaman padi dan sebagainya. Maksud saya bukanlah undang-undang hutan di Sarawak tidak ada untuk kesalahan menebang hutan simpan atau sebagainya, apa yang saya lihat walaupun telah berapa ramai dibicara dan dihukum kerana kesalahan menebang hutan secara haram itu setakat yang saya tahu

tidak memberi kesan apa-apa dan masih juga lagi terdapat yang tidak memperdulikannya. Inilah satu perkara yang amat sukar untuk diatasi, dengan keadaan begini Kementerian dan Jabatan yang berkenaan haruslah berusaha sungguh-sungguh lagi membuat satu cara baru untuk menempat atau memindah mereka yang tinggal di pendalaman yang sentiasa menebang hutan untuk huma padi bukit ke kawasan tanah paya atau tempat yang sesuai untuk mereka bertani cara moden dan boleh mendapat nikmat pembangunan Kerajaan seperti jalan raya, klinik, sekolah dan sebagainya supaya mereka ini dapat mengubah sikap hidup cara baru yang lebih baik dan sempurna, walaupun terpaksa Kerajaan mengeluarkan kewangan yang lebih tetapi keadaan rakyat hidup cara lama tidak menguntungkan itu dapat diatasi.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang telah menambah peruntukan makanan kepada murid-murid boarding di sekolah menengah dan rendah Kerajaan di negeri Sarawak pada tahun ini. Apa yang menjadi sungutan ibu bapa murid-murid sekolah menengah dan rendah yang tertentu mengenai kekurangan bilik-bilik darjah dan boarding. Walaupun di sekolah-sekolah yang tertentu masa belajar dibuat dua sesi iaitu di sebelah pagi dan juga di sebelah petang masih juga terdapat kekurangan bilik darjah sehingga bilik makan dibuat tempat bilik darjah.

Bagi murid-murid yang di boarding terpaksa tidur di atas lantai oleh kerana tidak cukup tempat, bagi murid-murid perempuan satu tempat tidur diguna untuk dua orang murid. Oleh keadaan begitu saya mendesak Kementerian Pelajaran dapat mengambil perhatian di mana terdapat sekolah menengah dan rendah yang telah penuh sesak dengan murid-murid seperti yang saya terangkan itu tadi dapat diatasi dengan segera. Jika tidak diambil perhatian segera perkara seperti ini menimbulkan satu masalah lagi pada tahun hadapan yang lebih buruk lagi kerana kita sedia maklum pada tiap-tiap tahun bilangan murid-murid sekolah adalah sentiasa bertambah di tiap-tiap daerah dan negeri. Rakyat negeri Sarawak menyokong penuh

atas cadangan Kerajaan menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa. Kita berharap semoga Negara-negara Islam yang kaya mahupun jutawan Islam tampil ke hadapan memberi sumbangan derma bagi menjayakan Universiti itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak telah merdeka dalam Malaysia hampir 20 tahun sudah. Apa yang mendukacitakan saya ialah mengenai surat-surat yang ditujukan kepada rakyat tempatan masih banyak lagi menggunakan bahasa Inggeris oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang tertentu. Saya berpendapat selama 20 tahun itu tidak ada sebab mengapa surat-surat Kerajaan kepada rakyat jelata tidak boleh ditulis dalam Bahasa Kebangsaan sedangkan seorang budak lahir selepas merdeka sekarang telah dewasa. Saya bimbang jika Jabatan-jabatan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan tidak menggalakkan Bahasa Kebangsaan dalam surat-surat rasmi kepada rakyat, sampai bilakah Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara ini dapat didaulatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Bintulu adalah sebuah daerah yang bertuah di negeri Sarawak. Selepas projek raksaksa LNG dan Pelabuhan Dalam di Tanjung Kedurong siap maka satu projek kilang urea ASEAN juga dijangka siap pada tahun 1985 yang boleh mengeluarkan 1,500 tan metrik urea sehari. Kami yakin dengan adanya kilang urea di Sarawak harapan kaum tani di negeri itu dapat membeli baja dengan harga yang murah di samping menambah lagi hasil pertanian negeri Sarawak sesuai dengan negeri itu sebagai sebuah negeri pertanian.

Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkenaan dalam menambah lagi penerbangan MAS di kawasan luar bandar dan pendalaman di negeri Sarawak yang menggunakan pesawat BN2 dan juga Twin-Otter yang boleh membawa 19 orang penumpang pada awal bulan April depan. Apa yang kami harap dan untuk mendapat perhatian Kementerian yang berkenaan mengenai masalah agen-agen MAS yang menjual tiket-tiket itu di luar bandar supaya

tidak mengambil kesempatan untuk mendapat "bayaran bawah meja". Perkara seperti ini pernah didengar di masa-masa yang lepas sungutan rakyat. Atas kenaikan tambang MAS yang berpatutan seperti diumumkan baru-baru ini untuk penerbangan luar bandar dan pendalaman tidaklah menjadi sungutan rakyat. Jika boleh saya syorkan kepada pihak berkenaan supaya agen-agen MAS di luar bandar dan pendalaman dengan kedatangan pesawat Twin-Otter serta bilangan penerbangan juga ditambah, maka sepatutnya agen-agen MAS juga ditambah. Dengan tambahan ini nanti harapan rakyat bumiputera dapat diberi peluang sebagai agen-agen MAS di samping mengelak penyelewengan yang dilakukan oleh agen MAS yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat di Sarawak mahupun Sabah dengan rasa sukacita serta menyokong penuh kemerdekaan negeri Brunei pada tahun hadapan. Dengan negeri Brunei merdeka, maka semua negeri dalam Borneo tidak lagi di bawah perintah penjajahan. Kami yakin walaupun negeri Brunei itu kecil jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain di Borneo ianya adalah sebuah negeri yang kaya serta mempunyai adat resam lama yang menjadi kebanggaan rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, rakyat Brunei adalah berjiran rapat dengan rakyat Malaysia di Sarawak dan Sabah. Kemerdekaan Brunei sangat-sangat dirasai oleh rakyat Malaysia sebagai satu rumpun bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa perbahasan Titah Ucapan Di Raja pada kali ini sangat terhad, saya tidak akan bercakap panjang lagi bagi memberi peluang kepada sahabat-sahabat saya yang lain yang turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat di

bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan-rakannya yang benar-benar berkhidmat bagi kepentingan rakyat dan negara. Saya yakin Kerajaan Barisan Nasional di mana-mana negeri termasuklah Sarawak mendapat mandat baru dari rakyat seluruhnya dalam masa pilihanraya yang akan datang. Sekarang rakyat yang setia dapat menilaikan di antara intan dan kaca.

Akhirnya, sekali lagi saya menyokong penuh usul Mempersembahkan Ucapan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator S. Subramaniam. Sekian, terima kasih.

6.26 ptg.

Tuan Tan Chang Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membentuk satu imej baru pentadbiran Kerajaan, Kerajaan telah menitikberatkan bahawa ia adalah "hamba" rakyat dan bukan pemerintah rakyat. Permintaan terhadap perkhidmatan Kerajaan ialah satu permintaan rakyat yang sah. Akan tetapi perkara ini tidak boleh dianggap benar tanpa persoalan. Mendidik orang di dalam perkhidmatan awam berkenaan dengan sikap yang betul semasa berhubung dengan orang ramai adalah satu keperluan yang sangat mendesak. Orang dalam perkhidmatan awam adalah pada barisan depan dan sambutan serta tingkah-laku mereka mencerminkan Kerajaan. Oleh yang demikian adalah sangat penting untuk memberi kursus-kursus dinas dan latihan dan lebih baik untuk menanam sikap pendekatan yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek lagi ialah untuk menentukan bahawa pengambilan kakitangan awam mencerminkan komposisi berbilang kaum. Saya percaya bahawa pengagihan yang seimbang dalam peluang pekerjaan akan menolong mengintegrasikan rakyat kita. Daya upaya yang lebih besar mesti diberi untuk menentukan bahawa pentadbiran Kerajaan mencerminkan ciri rakyat berbilang kaum dalam negara kita. Perkara ini adalah selaras dengan strategi untuk membentuk semula masyarakat untuk mengurangkan identifikasi kaum dengan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Ucapan Diraja telah mencerminkan tujuan iktiklas Kerajaan. Kerajaan telah mengaku bahawa pada suku abad yang lepas itu beberapa kesalahan mungkin telah berlaku tetapi ini tidak bermakna kita tidak mencapai kejayaan. Pengakuan ini membuktikan kesalahan mitos yang menyatakan pihak Kerajaan melakukan kesalahan. Saya percaya adalah tugas setiap rakyat untuk menyokong Kerajaan dan Kerajaan pula harus mengambil berat tentang pendapat orang ramai. Dalam konteks Malaysia, oleh kerana masyarakat yang berbilang kaum itu, maka perkara-perkara yang sensitif tidaklah harus dibangkitkan. Cara yang baik ialah mengadakan lebih banyak perundingan. Mengadakan perundingan tidak bermakna Kerajaan itu lemah, sebaliknya ia menunjukkan sikap Kerajaan yang liberal dan bebas dari prasangka.

Saya percaya bahawa melalui proses ini kita akan mendapat penghargaan yang lebih baik berkenaan dengan nilai, sikap dan warisan budaya setiap kaum itu. Ini akan menjadi satu sumbangan yang positif kepada satu Kerajaan yang kukuh dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, nasihat kepada kemajuan yang seimbang dalam aspek kebendaan dan kerohanian akan menyumbangkan kepada mutu kehidupan rakyat yang lebih baik. Walaupun kita mencari kemajuan kebendaan, kita juga mesti memajukan kerohanian rakyat kita untuk menjamin pembangunan individu yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang sedang membangun kita tidak boleh menghambat kemajuan jika kita hendak memenuhi aspirasi rakyat kita. Sistem Etika Kerja yang baru serta meninggikan kecekapan dan produktiviti akan menyumbang kepada kemajuan kita. Akan tetapi kita mesti berdisiplin dalam setiap perlakuan kita. Disiplin tidak bermakna conformity. Kita mestilah mempunyai norma-norma yang diterima seperti Etika Kerja yang betul, kejujuran dan kecekapan. Dalam sebuah negara yang demokratik seperti negara kita, kita mesti mempunyai fikiran yang liberal dan terbuka untuk menerima kritik-kritik yang membina.

Saya rasa sukacita kerana Kerajaan sanggup menghadapi kritik-kritik. Saya juga percaya bahawa negara boleh diperintah dengan berkesan dengan undang-undang yang terhad asalkan undang-undang itu dipatuhi. Kita mesti mencegah trend daripada lebih banyak sekatan dan kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sekarang adalah pada tahap titik tolak ke tingkat pencapaian yang lebih tinggi. Kita mempunyai semua sumber-sumber dan bakat untuk menentukan pencapaian matlamat kita. Negara ini mesti memberi yang paling baik itu kepada yang terbaik. Orang yang rajin dan tekun harus diberi ganjaran. Keagungan sesebuah negara bergantung kepada peruntukan kesempatan yang paling baik kepada rakyatnya. Pembangunan sumber manusia untuk memenuhi keperluan-keperluan negara memerlukan pendekatan yang positif ke arah mencari bakat yang tersembunyi di kalangan rakyat kita. Oleh itu kesempatan mesti diadakan untuk semua rakyat tanpa mengira kaum dan diagihkan secara adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, penegasan kepada pendidikan adalah ke arah yang betul dan ia adalah satu pelaburan dalam sumber manusia dan akan berfaedah kepada negara. Pendidikan biasanya adalah satu hal yang ditumpukan oleh semua ibu bapa. Ia adalah satu bidang di mana perasaan rakyat mudah tersinggung. Jadi adalah sangat penting supaya rancangan pendidikan dan implementasinya dikendalikan dengan teliti.

Ia tidak boleh digunakan sebagai satu perkara yang controversial di dalam satu negara yang berbilang kaum seperti Malaysia. Sebabnya semua Rancangan Malaysia menitikberatkan pendidikan sebagai satu alat untuk memperkukuhkan perpaduan dan integrasi negara.

Oleh yang demikian, kita mesti menentukan supaya pendidikan tidak dijadikan satu alat untuk memecah belahkan masyarakat. Saya percaya dengan adanya perhubungan dan perundingan yang lebih baik, masalah pendidikan yang sensitif di kalangan berbilang kaum akan dapat diatasi. Kekecuaan dan kekeliruan 3M baru-baru ini telah menimbulkan salah faham. Isu ini sepatutnya tidak harus berlaku. Kita tidak boleh mengelakkan satu faktor iaitu Malaysia terdiri daripada berbilang kaum. Masing-masing dengan sistem nilai dan warisan sosio-budaya yang berlainan.

Berkenaan dengan pelajaran, saya terpaksa membincangkan pelajaran tinggi di negara ini. Saya menyokong tindakan Kerajaan memberi tumpuan kepada profesional barat dan pendidikan teknikal dengan memberi pertimbangan yang sama kepada negara-negara timur terutamanya pelajaran tinggi di Jepun. Walaupun dasar ini adalah ke arah yang betul, namun kita juga mesti membangunkan kemudahan-kemudahan di negara kita sendiri. Kita mempunyai sumber-sumber untuk berbuat demikian. Bilangan penuntut-penuntut di luar negeri adalah satu bukti yang menunjukkan bahawa kita patutlah mengembangkan kemudahan-kemudahan kita sendiri. Ini tidak sahaja mengurangkan perbelanjaan kepada ibu bapa tetapi juga pertukaran wang asing boleh disimpan.

Kekurangan tenaga manusia yang mahir ialah sesuatu yang menghindarkan implimentasi rancangan-rancangan negara. Di samping itu tenaga manusia yang terlatih memerlukan masa untuk menjadi matang dan mahir. Negara kita juga boleh mengadakan sistem pelajaran tinggi dengan cara yang lain. Adalah satu hasrat Kerajaan supaya sektor swasta dapat membantu dalam latihan tenaga manusia yang mahir. Sistem Pelajaan Tinggi seperti ini harus digalakkan demi untuk

mengurangkan tekanan terhadap permintaan mendapat pelajaran di universiti. Sistem pelajaran tinggi mesti mempunyai flexibility di mana pemindahan pengkajian dibenarkan kepada penuntut.

Saya percaya bahawa universiti patut mengamalkan satu sistem yang lebih flexible kepada pembangunan potential sepenuhnya di kalangan penuntut-penuntut. Sistem sekarang yang berdasarkan kepada keputusan tahun akademik untuk menentukan kelulusan dan kegagalan penuntut mestilah menjadi satu sistem terbuka untuk penilaian. Ini akan menentukan tiada pembaziran berlaku. Ini juga akan memberi jadual latihan yang flexible kepada penuntut-penuntut. Saya percaya flexibility ini akan membolehkan negara menggunakan lebih banyak tenaga manusia untuk pembangunan negara. Satu kebaikan yang lain ialah untuk membolehkan tenaga manusia yang terlatih dari sektor swasta untuk memasuki kursus-kursus biasa di Institusi-institusi Pelajaran Tinggi. Keadaan ini membenarkan latihan dalam perkhidmatan dan kursus-kursus untuk meninggikan gred dan mutu kemahiran tenaga manusia kita. Rancangan tukar aliran di antara pengajian dan kerja mesti dipertimbangkan supaya mereka yang bekerja mendapat kesempatan untuk mengambil kursus pada masa lapang mereka. Kursus-kursus seperti ini boleh mengikuti sistem universiti terbuka di United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua, satu bidang lain untuk latihan guna tenaga yang mahir ialah menerima sistem Jepun untuk membangunkan semula kemahiran mereka terutamanya personnel yang telah bersara ataupun mereka yang ingin menukar pekerjaan mereka. Oleh kerana rakyat tersebut telah menjalani latihan yang asas dan mahir, rancangan latihan dan pembangunan semula akan mengurangkan tempoh masa yang dikehendaki untuk mendapat kemahiran yang baru. Di Jepun terdapat berbagai-bagai pusat pendidikan untuk melatih personnel yang telah bersara. Dia memberi peluang kepada personnel tersebut membuat kerja yang berguna dan melanjutkan perkembangan bakat mereka kepada masyarakat. Mereka juga membantu

mengatasi kekurangan guna tenaga yang mahir dalam beberapa bidang serta memimpin rakyat yang muda dalam pekerjaan mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Satu minit lagi.

Tuan Tan Chang Soon: Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menolong diri sendiri sama ada boleh mencapai tujuan kita atau tidak bergantung kepada kebolehan kita sendiri. Kita tidak boleh berharap kepada orang lain untuk menolong kita. Semua rakyat kita mesti menyedari tujuan kita iaitu kita mesti menentukan satu perasaan yang selamat dan memberi perasaan harapan kepada rakyat di negara ini. Kita mesti menentukan bahawa semua rakyat tanpa mengira kaum itu menikmati manfaat negara dengan seimbang. Yang penting sekali ialah kita mesti memberi makna kepada usaha bersama masyarakat kita yang berjuang dan memenangi kemerdekaan negara ini. Mereka bermakna mutu kehidupan dan peluang hidup yang lebih baik untuk semua rakyat kita.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang hidup dalam saat yang bersejarah. Tugas kita sekarang bukanlah untuk mencari kesalahan atau menyalahkan kegagalan yang lepas. Sebaliknya, kita mesti menetapkan satu aliran untuk masa depan bapa-bapa kemerdekaan negara ini telah merancang satu peraturan kerja yang mesra untuk menentukan harmoni kaum dan kestabilan negara ini. Kita mesti menyumbangkan kepada keteguhan asas ini dan juga memperkukuhkan Malaysia sebagai negara yang aman dan makmur di mana rakyat kita boleh memenuhi harapan dan aspirasi mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator K. Kumaran.

6.44 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena upacara perasmian mesyuarat Parlimen. Saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah

kepada Kerajaan atas Titah Ucapan Diraja yang mengandungi seluruh aspek kemajuan dan pembangunan negara ini. Hasrat dan harapan Kerajaan untuk meninggikan lagi taraf sosio-ekonomi rakyat jelata dan segenap lapisan adalah sejajar dengan aspirasi dan cita-cita pemimpin negara kita untuk menjadikan negara ini setanding dengan negara-negara maju.

Saya menyokong seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar rakyat berazam, cekap, jujur dan tidak berpecah-belah supaya menganut Kerajaan bersih, cekap dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum keadaan ekonomi antarabangsa yang merosot kerana kemelesetan ekonomi negara-negara maju telah melemahkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Ekonomi negara ini masih bergantung kepada pengeluaran bahan-bahan utama dan usaha-usaha untuk membendung inflasi telah berjaya mencatatkan kadar yang rendah berbanding dengan negara-negara lain.

Walaupun demikian, Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang positif agar negara-negara maju tidak mempermain dan memperalatkan negara ini untuk pertumbuhan ekonomi masing-masing. Negara-negara maju selama ini telah mengeksploitasikan ekonomi negara ini dengan menggubal undang-undang yang favourable hanya kepada mereka. Perkara ini jelas kelihatan apabila London Metal Exchange mengurangkan denda bagi "short selling" bijih timah di pasaran ini. Ini telah menguntungkan London Metal Exchange tetapi usaha dan tenaga negara ini sebagai pengusaha hasil utama logam tersebut tidak langsung diambil kira. Begitu juga tindakan Amerika Syarikat yang tidak menghadkan penjualan bijih timah dari stokpile (Simpanan) untuk menyelamatkan harga bijih timah jatuh ke paras yang rendah. Mereka hanya ingin menjahanamkan pasaran yang sudah teruk itu. Manakala bersetuju dengan International Tin Council bahawa harga bijih adalah rendah, Amerika juga telah menjual bijih dalam simpanan mereka dengan harga yang lebih rendah lagi—suatu contoh double standard yang ketara.

Saya suka mengingatkan negara-negara maju “jangan pukul kami di bawah tali pinggang”. Kerajaan haruslah bertindak keras terhadap pengeksploit-pengeksploit ini dan mengambil tindakan balas tanpa ragu-ragu lagi untuk menyelamatkan keadaan rumit ekonomi negara kita ini. Kerajaan hendaklah mengambil langkah untuk menubuhkan Organisasi Pengeluar Bijih Timah dengan segera untuk menjamin paras harga yang tinggi bagi logam tersebut. Saya juga mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas langkah yang berani, mengurangkan pengeluaran bijih negara ini. Saya harap tindakan mengurangkan pengeluaran ini tidak sekali-kali membebankan rakyat dan pekerja lombong di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang maju telah mengontrol ekonomi negara ini walaupun mereka tidak langsung terlibat dalam pengeluaran bahan-bahan utama negara ini. Harga getah, bijih timah, kayu-kayuan semuanya tergantung kepada pasaran di luar kawalan negara ini. Saya ingin mengesyorkan supaya semua negara-negara pengeluar bahan-bahan utama menubuhkan organisasi pengeluar dan mengawal harga demi kepentingan bersama. Justru itu, saya berharap usaha-usaha sedang dijalankan bagi membolehkan bahan-bahan utama seperti getah dan timah diniagakan di Bursa Komoditi Kuala Lumpur akan dipercepatkan lagi. Tenaga kepakaran dan pengalaman pakar-pakar ekonomi negara ini hendaklah digunakan dengan sepenuhnya untuk mengendalikankan Bursa Komoditi ini.

Di samping penubuhan Bursa Komoditi Kuala Lumpur bagi perniagaan bahan-bahan utama, Kerajaan juga hendaklah mengambil langkah meninggikan lagi taraf hidup rakyat yang bertungkus-lumus mengeluarkan bahan-bahan utama ini. Pekerja-pekerja ladang, lombong dan kelapa sawit hendaklah diberi kemudahan fizikal dan infrastruktur dan lain-lain kemudahan sosial agar mereka juga menikmati pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kini mencontohi negara-negara timur dengan polisi “ke arah Timurnya”. Saya berharap Kerajaan Jepun dan Korea Selatan akan

memberi sumbangan yang positif bagi kemajuan negara ini. Saya berharap negara-negara timur ini tidak akan mengambil tindakan untuk melemahkan ekonomi negara ini apabila berlakunya sesuatu keadaan yang tidak menyenangkan. Jepun berhasrat untuk menjadi pemimpin di dunia sebelah sini dan seorang pemimpin sepatutnya sanggup berkorban. Kami berharap Jepun sedia berkorban menyokong polisi “ke arah Timur” Malaysia ini. Kerajaan Jepun harus meneliti beberapa langkah birokratik untuk mengurangkan import. Inilah di antara yang diragukan oleh pengeksploit-pengeksploit barang ke Jepun. Malaysia adalah rakan perdagangan Jepun yang baik dan saya berharap perhubungan ini terus berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini sistem pelajaran 3M sedang dilaksanakan di 302 buah sekolah rendah seluruh Malaysia secara ujian dan akan diimplimentasikan berperingkat-peringkat mulai tahun hadapan dalam darjah satu hingga tamatnya proses ini pada tahun 1988. Apabila sistem ini dilaksanakan pada tahun ini beberapa pihak yang tertentu telah membantah sistem ini berhabis-habisan tanpa mengetahui faedahnya secara mendalam. Mereka yang membantah sistem pelajaran ini membuat demikian kerana memenuhi hasrat politik mereka yang singkat.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana mengambil langkah untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dialami semasa meimplimentasikan sistem ini seperti memberi buku rujukan dan buku sumber dalam bahasa Tamil dan bahasa Cina. Saya juga senang melihat keadaan di mana banyak pihak yang dahulunya menentang KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) ini mula menyokongnya dengan sepenuhnya.

Kita harus berhati-hati agar anasir-anasir ini tidak mencerobohi anak-anak muda kita bagi mencapai kepentingan singkat mereka. Kerajaan juga hendaklah mengatasi segala kekurangan dalam Kurikulum Baharu Sekolah Rendah ini dengan secepat mungkin yang boleh. Saya difahamkan Pusat Perkembangan Kurikulum yang merancang KBSR ini tidak mempunyai seorang pegawai

untuk mengetuai, menjaga, monitor dan memperbaiki pelaksanaan KBSR bahasa Tamil, manakala lain-lain media sudah pun mempunyai pegawainya. Perlantikan seorang pegawai mengendalikan KBSR di sekolah Tamil hendaklah dibuat dengan segera. Bersabit dengan pelaksanaan KBSR ini beberapa Pejabat Pelajaran Daerah akan ditubuhkan di setiap negeri. Saya berharap guru-guru berpengalaman dan berkelayakan dalam bahasa Tamil akan dilantik sebagai pegawai agar mutu dan imej sekolah Tamil ditingkatkan lagi. Dan ini juga akan memberi peluang kepada guru-guru sekolah Tamil untuk dinaikkan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua suatu lagi perkara yang saya ingin menyentuh tentang pelajaran adalah berkenaan dengan tempat bagi rakyat keturunan India di Institusi-institusi Pengajian Tinggi di negara ini. Perkara ini telah dibangkitkan di beberapa peringkat untuk pengetahuan Kementerian Pelajaran. Menjelang pengambilan murid-murid ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi di negara ini, saya ingin menarik perhatian Kerajaan agar pengambilan murid-murid rakyat keturunan India ditambahkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada kemerosotan disiplin di sekolah-sekolah negara ini. Hampir tiap-tiap hati kita dapat membaca dari suratkhobar, murid memukul guru ataupun isu guru memukul murid dibesar-besarkan. Pada masa ini, guru dilarang memukul murid dan semua pihak termasuk murid-murid sendiri tahu tentang perkara ini. Perkara ini menimbulkan keadaan di mana murid-murid sekolah sekarang kurang sopan dan kurang ajar. Sebelum keadaan menjadi rumit, saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan membawa balik rotan ke bilik darjah. Saya sebagai guru dan Guru Besar selama 23 tahun mencadangkan di sini bahawa guru-guru hendaklah dibenarkan menggunakan rotan agar menjaga moral dan kesopanan murid-murid dan anak-anak muda kita. Saya ingin juga menarik perhatian Kerajaan bahawa sekolah-sekolah rendah Tamil jarang dilawat dan diberi bimbingan oleh Pegawai-pegawai Kementerian terutama sekali Nazir-nazir Sekolah Persekutuan. Ini adalah suatu daripada sebabnya taraf

pendidikan di sekolah-sekolah ini kurang memuaskan. Memang ada Nazir-nazir Sekolah yang melawat sekolah-sekolah Tamil kadangkala tetapi lawatan-lawatan ini tidak memberi sebarang kesan dan hanya setakat menjalankan tugas sahaja. Hampir 85% lawatan yang dilakukan oleh Nazir-nazir Sekolah Persekutuan ke sekolah Rendah Tamil adalah daripada mereka yang langsung tidak boleh memahami bahasa Tamil. Bagaimana pula mereka dapat memberi bimbingan kepada guru Hisab, Sains dan sebagainya yang diajar dalam bahasa Tamil jika mereka sendiri tidak memahami langsung bahasa itu. Saya kurang pasti apakah "modus operandi" yang dilakukan oleh Nazir-nazir Sekolah semenjak tahun 1956. Bilangan Nazir-nazir Sekolah yang berpengetahuan bahasa Tamil adalah terlalu terhad. Jemaah Nazir Sekolah ini berfungsi secara panel mata pelajaran seperti Sains, Hisab, Sejarah, Ilmu Alam, Bahasa dan sebagainya dan kebanyakan panel ini tidak langsung mempunyai nazir-nazir yang berpengetahuan bahasa Tamil. Oleh kerana pendidikan negara ini diadakan melalui 3 aliran bahasa, saya berharap guru-guru sekolah Tamil dan Pegawai-pegawai yang berpengetahuan Bahasa Tamil dipilih untuk mengisi kekosongan jawatan Nazir Sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana sepanjang tahun lepas keadaan keselamatan dalam negeri bertambah baik. Keamanan dan ketenteraman yang wujud sekarang adalah hasil daripada kegiatan pasukan keselamatan yang gigih dalam menentang musuh-musuh negara. Walau bagaimanapun, keamanan ini janganlah dianggap sebagai kelemahan musuh negara ini. Kerajaan hendaklah sentiasa berwaspada agar anasir-anasir tidak mencero bohi pentadbiran dan jentera Kerajaan. Saya berpendapat anasir-anasir ini lebih merbahaya dari pengganas-pengganas komunis yang bergerak dalam hutan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar, Soviet Russia dengan cita-citanya menguasai rantau ini akan cuba memasuki dan mencero bohi negara ini dengan regim puppetnya di Kampuchea, dengan kerjasama Vietnam. Pencerobohan Russia ke

Afghanistan jelas mencerminkan hasrat expansionisma Soviet Russia dan penguasaan rantau ini. Vietnam juga dengan pencerobohan ke atas Kampuchea, akan cuba menguasai negara-negara di rantau ini. Pukulan yang hebat hendaklah diberi jika sebarang kuasa asing cuba mencero bohi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum, Malaysia sedang menyokong usaha mencari kedamaian politik ke atas Kampuchea, dan sebagai langkah pertama semua kuasa-kuasa asing hendaklah berundur dari negara itu. Selepas itu, rakyat Kampuchea hendaklah diberi peluang memilih Kerajaan mereka. Tetapi apa yang sangat dikesali adalah, kumpulan-kumpulan yang menentang Vietnam di Kampuchea tidak dapat mencapai persetujuan menentang Regim Heng Samrin itu dengan sebulat suara. Amanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menarik balik sokongan kepada Kerajaan Pol Pot di Bangsa-bangsa Bersatu jika kumpulan menentang Heng Samrin tidak dapat kompromi atas penubuhan Kerajaan campuran baru, telah memberi kesan yang diingini. Saya harap Malaysia akan memberi sokongan yang sepenuhnya terhadap Kerajaan campuran itu agar Vietnam tidak dapat menguasai negara-negara di rantau ini, dan berpegang teguh kepada dasar luar negara menjadikan kawasan ini sebagai zon aman, damai dan berkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju taraf kesihatan rakyat di negara ini telah bertambah baik walaupun pembinaan hospital adalah masih belum memuaskan. Dengan adanya sistem Perlaksanaan Dipercepatkan (Accelerated Implementation System) saya berharap pembinaan-pembinaan hospital di peringkat daerah akan dipercepatkan lagi. Saya berharap Kerajaan akan mengumpulkan manpower lengkap dengan pakar dan alat-alat moden supaya mentadbirkan hospital-hospital demi memberi khidmat cemerlang kepada rakyat. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana dapat memulakan pusat jantung "heart centre" di negara ini, setelah melatih orang-orang tempatan sebagai pakar pembedahan jantung. Saya berharap lebih banyak lagi pakar pembedahan jantung akan dilatih agar unit ini tidak bergantung

hanya kepada suatu orang pakar yang ada sekarang. Strategi jangka panjang latihan pembedahan jantung hendaklah dimulakan sekarang juga.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang menimbangkan kemungkinan membawa pekerja-pekerja dari luar negeri untuk pekerjaan dalam sektor industri pembinaan dan perladangan. Walaupun langkah ini dapat diuji kerana hasil tindakan ini sektor industri pembangunan dan perladangan akan bertambah maju, saya berharap pembawaan pekerjaan-pekerjaan dari luar negeri ini tidak akan menjejaskan kehidupan tempatan di dalam negeri ini. Seperti sedia maklum, pada masa ini, pekerja-pekerja dari luar negeri, yang masuk secara haram ke negara ini, telah banyak melakukan jenayah. Pekerja-pekerja haram ini telah menjadi suatu isu kepada keharmonian rakyat di rantau ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

Tuan K. Kumaran: Harus diingatkan, pekerja-pekerja dari luar negeri hanya perlu dibawa ke negara ini, jika terdapat kekurangan pekerja dalam sesuatu sektor tertentu.

Pekerja-pekerja dalam negeri hendaklah diberi perlindungan yang sewajarnya. Saya berharap buruh luar negeri ini tidak akan menduplikasikan pekerjaan buruh dalam negeri. Sejauh mana yang boleh, Kerajaan hendaklah memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja dalam negeri dan hendaklah menggalakkan belia-belia dan tenaga pekerja negara ini supaya berkecimpung diri dalam sektor-sektor tertentu itu. Pekerja-pekerja yang berkhidmat dalam sektor pembinaan dan perladangan hendaklah diberi kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi yang baik supaya menggalakkan mereka bekerja dalam sektor-sektor ini. Jika pekerja-pekerja dalam negara ini diberi kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif yang memuaskan, saya berpendapat banyak lagi pekerja-pekerja dalam negeri akan datang bekerja dalam industri-industri kekurangan buruh ini seperti ladang getah, ladang kelapa sawit, dan industri pembinaan. Belia-belia tidak akan

berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan yang lain.

Suatu lagi golongan pekerja yang mengalami dilemma kehidupan adalah pekerja-pekerja buruh yang tinggal di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Dengan mendapat gaji yang agak rendah, mereka terpaksa menjalankan kehidupan di bandar-bandar ini di mana kos kehidupan adalah besar. Perbelanjaan sewa rumah, pengangkutan persekolahan anak-anak dan sebagainya menelan belanja yang agak banyak. Perkara ini telah menimbulkan kesulitan dalam kehidupan buruh bandar ini. Sementara meninggikan taraf kehidupan rakyat luar bandar, Kerajaan hendaklah juga mengkaji kemungkinan meninggikan taraf hidup buruh-buruh yang diketepikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini memuji langkah Kerajaan yang berunding dengan Kerajaan Mali untuk membekalkan beras. Begitu juga, langkah Kerajaan membantu penduduk-penduduk di Pinggir Sahara dan rakyat Afghanistan hendaklah dipuji. Saya berharap konsep bantu-membantu ini akan diperluaskan lagi ke negara-negara selatan dan negara-negara membangun seperti Fiji, Mauritius dan sebagainya. Negara-negara ini memandang ke Malaysia untuk berhubung dua hala demi kepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dapat membangunkan negara ini dengan pentadbiran yang bersih, cekap dan licin dan sebagai sebuah negara yang gagah, dapat dibanggakan dan tegak sebagai sebuah negara yang teguh dan dihormati dunia.

Dengan ini, saya menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

7.03 mlm.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang berucap dalam masa

membahaskan usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong dalam masa Pembukaan Parlimen awal bulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, senyum madah dan Titah Baginda itu mempunyai erti dan pandangan, nasihat dan panduan bukan sahaja kepada Kerajaan tetapi juga kepada rakyat dalam negara yang bahagia ini. Tetapi syukurlah kita kepada Allah dan marilah bersama-sama kita mengucapkan terima kasih bahawa negara kita dalam aman dan bahagia. Keamanan ini adalah ditunjukkan oleh perajurit-perajurit kita, pasukan keselamatan dari semua peringkat bahawa kita senang dan lenang tidur, sedang mereka berjuang berhabisan-habisan bagi menjaga keamanan negara kita. Pada masa ini pendatang luar Vietnam pun sudah berkurangan. Pada suatu ketika dahulu kita cemas dan kita takut kalau-kalau orang ini menjadi sayap yang kelima dalam negara kita tetapi dalam masa kita mengingati perajurit-perajurit kita tidak sayogianya pada tiap-tiap tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda atau Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda mengurniakan Bintang-bintang Kehormatan Kebesaran tetapi cubalah kita fikirkan perkhidmatan mereka yang begitu luhur menjelajah lurah, gunung siang malam bertaqwaan berpantang mati sebelum ajal.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengesyorkan kepada Kerajaan supaya nisab bersaranya 21 tahun itu hendaklah direndahkan kepada angka 15 tahun jikalau mereka berkhidmat terus-menerus. Kita tahu tentera kita digugurkan tiap-tiap tahun sebanyak 2%. Perajurit kita terpaksa berhenti tiap-tiap tahun 2%, sesudah itu dimasukkan dalam pasukan simpanan tetapi mereka mempunyai hak persaraan setelah berkhidmat 21 tahun. Perkhidmatan mereka bukanlah sama dengan perkhidmatan orang awam, menggadai nyawa, mendedahkan dada kepada malapetaka. Maka sudah sampai masanya Kerajaan kita memikirkan semula had bersara perajurit kita. Kepada saya, saya mohon ianya ditetapkan 15 tahun dan jikalau masalah ini patut dibawa kepada Majlis Angkatan Tentera, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya membawa perkara ini kepada Majlis Angkatan Tentera Negara.

Saya fikir tujuan negara kita dan Kerajaan kita hendak membangun dan pembangunan itu tidak ada, kalau tidak ada keamanan, walaupun kepada mereka itu tamat khidmat diberi tanah atau dipimpin mereka kepada jurusan perniagaan, akan tetapi khidmat 21 tahun maka baru mereka boleh bersara haruslah difikirkan.

Saya dengan segala rendah hati, mencadangkan kepada Kerajaan tentera-tentera kita, perajurit-perajurit kita supaya ia dimasukkan dalam perakuan berpencen setelah berkhidmat 15 tahun dan kalau boleh rendahkan lagi, umpamanya 12 tahun tetapi janganlah dengan keadaan yang ada sekarang. Tidak berpada kurniaan Bintang, Pingat dan sebagainya akan tetapi sisa hidupnya mereka kadang-kadang tidak dapat menyesuaikan dengan hidup di luar bandar setelah mereka berkhidmat berpuluh-puluh tahun di bandar. Itulah sebabnya setengah-setengah mereka berhijrah ke bandar ini menjadi orang setingan kerana pelajaran anak-anak mereka, menyambung khidmat di lain-lain tempat dan pejabat-pejabat. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan mencadangkan supaya perajurit kita diturunkan tempoh persaraannya kepada angka 15 tahun setelah mereka berkhidmat terus-menerus.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum Dewan kita akan dibubarkan pada 29 haribulan ini, akan diisytiharkan pembubaran oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada 29 haribulan ini, hanya pada saat ini cuma seminggu lagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri akan dibubarkan. Rakyat sudah boleh menghadapi menjawab teka-teki bahawasanya pada bulan hadapan kita akan memasuki gerbang pilihanraya. Saya boleh meneka apa harinya penanaman calon kerana sekarang sudah terang, Tuan Yang di-Pertua, ayam sudahpun bertelur, cuma belum tahu telur itu anak betina atau anak jantan, ayam jantankah yang akan keluar atau ayam betina tetapi peneka sudah boleh meneka bahawa telur itu anak betina atau anak jantan; ayam ayam betina.

Tuan Yang di-Pertua, sudah boleh mengagak 10hb April mesti hari penamaan calon, 24hb April hari pengundian. Tetapi

saya bukan Suruhanjaya Pilihanraya, saya cuma boleh meneka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang sensitif, 3M umpamanya, dan lain-lain harus kita jangan cakap, jangan sebut dalam Dewan ini. Jangan ada perasaan yang timbul daripada pihak mana-manapun terutama penyokong Kerajaan yang mengata sistem pelajaran dan sebagainya bercakap di dalam Dewan ini untuk menyambut seruan Titah Di Raja kerana sudah habis masanya.

Kita menghadapi sekarang dalam muka yang manis di antara kita kerana Ucapan di Raja ini terbuka, boleh dibahas, boleh kata apa sahaja dalam dunia ini asalkan perkara ini tidak membawa sensitif.

Saya menasihatkan rakan-rakan saya dalam Dewan ini supaya tidak menimbulkan sebarang ucapan yang berupa mengakibatkan kecil hati satu kaum di antara kaum yang lain. Biarlah kalau ada umur panjang, kalau mana di antara tuan-tuan dan puan-puan yang ada lagi kembali ke Dewan ini, selepas pilihanraya kita boleh bercakap dan berucap. Inilah masa yang paling penting, Tuan Yang di-Pertua, kita bersatu-padu, ertikata sokongan yang bulat kepada Kerajaan kita.

Saya tidak berucap 3M dan saya tahu mengapa 3M ini timbul, tetapi sekarang apa sudah jadi. Kata pepatah Melayu: Berhemat-hemat sebelum berkata, berfikir dahulu sebelum berkata. Perkara ini tidak timbul kalau sekiranya orang atas tidak timbulkan, sedangkan orang atas itu sendiri boleh selesai dalam meja minum bersama-sama di waktu petang. Akhirnya, puak lawan kita mengambil kesempatan, tetapi kita sudah sedar, kita kembali ke pangkal jalan. Sekarang perkara 3M sudah selesai, kekeruhan yang ada di antara kita sudah tidak ada sekarang, apa yang kita mahu di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir, Dato' Musa Hitam, kemenangan yang lebih kepada Kerajaan yang ada ini supaya dapat menyambung khidmat kepada bangsa dan negara. Pemimpin-pemimpin kita sedang memilih calon-calon kita yang akan datang orang yang licin, bersih dan cekap. Tuan Yang di-Pertua, terlampau licipun sangat bahaya juga. Apa yang kita mahu ialah orang yang

jujur, cekap, bersih, ikhlas, berjuang kepada bangsa dan tanah air. Kalau dia terlampau licin sampai kita tidak boleh ikuti dan mengesan mereka, sudah ada berapa rumah, harta, menjadi kontraktor, membuka perusahaan yang nama mereka disembunyikan. Ini orang yang licin. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah orang yang bersih dan jujur, cekap dan inilah maksudnya dan saya harap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam akan mencapai matlamat ini, mencari calon-calon pilihanraya kita orang yang bersih, cekap, jujur dan ikhlas berkhidmat kepada bangsa dan tanahair, sama ada dia tua atau muda tidak menjadi soal dan saya berdoa kepada Allah s.w.t. Barisan Nasional menang dalam menghadapi pilihanraya yang akan datang dengan cemerlangnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang kita banggakan ialah cadangan Kerajaan hendak menubuhkan Universiti Islam yang menggunakan dua bahasa, Inggeris/Arab iaitu penambahan daripada universiti yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita sebut Islam, kita harus mengingati lebih-lebih lagi penganut Islam atau yang beragama Islam ada sepotong ayat sebagaimana yang ada di hadapan meja tuan-tuan, dengan izin: *Wamaa-arsalnaka-illa-rahmatan li'l alamin*. Terjemahannya berbunyi begini: Bahawa Aku tidak utus engkau wahai Muhammad ialah bagi kebaikan, rahmat kepada seluruh alam.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau ada lain-lain orang, lain-lain parti yang memperkatakan dalam negara kita, kita ini bukan cukup Islamnya, maka ini adalah harus diperkajikan, sedangkan negara kita sekarang ini bukan sahaja ura-ura cadangan hendak mendirikan Universiti Islam yang disokong oleh negara-negara Telok, negara-negara Arab, parti dalam negara kita ini dan lain-lain, orang Islam, hanya yang masih kita belum dengar orang bukan Islam menyokong penubuhan Universiti Islam.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, terutama rakan-rakan kita dalam parti komponen patut memberi sokongan penubuhan Universiti Islam sebab ianya bukan mengajar Bahasa Melayu, mengajar bahasa Inggeris dan bahasa Arab dan berpeluang bukan sahaja pada orang Islam tetapi kepada orang bukan Islam sendiri asalkan ianya tunduk kepada kehendak-kehendak dan peraturan universiti itu sendiri. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau usaha negara kita sama-sama mendamaikan Iran/Iraq mendapat perhatian, penubuhan Universiti Islam ini juga dizahirkan mendapat perhatian, negara kita juga akan menjalankan institusi kewangan, dengan penubuhan Bank Islam juga sedang dikaji, bermaknalah negara kita, pemimpin yang ada sekarang ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam dan kabinetnya memperjuangkan Islam mengikut sebagaimana Islam ugama rasmi negara kita. Dan saya fikir parti PAS hendaknya tidaklah lagi mengkafir-kafirkan Islam sama-sama Islam kerana Islam seseorang itu hanya Allah juga yang mengetahui.

Saya pernah bertanya mengapa dalam ucapan takziah kepada bekas Speaker Dewan Rakyat, wakil PAS memuji melangit, bahkan tidak ada lain-lain pujian bahkan lebih pujian daripada orang Barisan Nasional sendiri, tetapi pada masa hidupnya kerana ia seorang anggota Barisan Nasional, parti Barisan Nasional ini adalah dikatakan kafir, tidak sah berimamkan orang Barisan, macam-macam lain kaedah yang disebut, terutama hampir pilihanraya di Kelantan, di Kedah, di Trengganu dan lain-lain. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, dunia ini penuh pura-pura. Walaupun tidak salah membuat ucapan tetapi hendaknya biarlah sejajar dengan apa yang dikatakan, sejajar dengan apa yang disebut dengan perbuatan.

Saya mengambil peluang ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak sekali-kali saya membuat kempen atau mengecam di dalam Dewan ini, akan tetapi saya sebut kerana sesama kita hendaklah sedar bahawa kadang-kadang ada udang di sebalik batu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan sahabat saya bahawa negara ini maju

setapak demi setapak, diakui oleh dunia ketokohnya sekalipun kita muda, suara kita dikenali dunia, kerana semasa menaja persatuan Asean, Allahyarham Tun (Dr) Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri telah mencadangkan di dalam Dewan Rakyat iaitu kita haruslah menjadi negara bebas dan berkecuali. Inilah konsep kita mulakan hasrat ini dan berunding dengan negara sahabat kita yang ada di sekeliling kita. Kata beliau sebelum tahun 1973, sebelum beliau meninggalkan kita. Tuan Yang di-Pertua, hasilnya berjaya. Asean sudah ditubuhkan dianggotai oleh 5 negara sahabat iaitu mengandungi Malaysia sendiri, Singapura, Indonesia, Filipina dan Thailand. Ada beberapa buah lagi negara sedang memohon masuk ke dalam Asean. Pokoknya, Tuan Yang di-Pertua, ialah suara Asean ini sudah menjadi satu suara yang kuat bukan sahaja di rantau ini, akan tetapi dalam percaturan politik dunia, dalam gelanggang perbahasan dunia di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu. Konsep kita diterima dan diakui oleh negara-negara dunia dan ini boleh kita saksikan sendiri sebab Yang Berhormat Tan Sri Zaiton Ibrahim sendiri seorang daripada orang yang menyuarakan konsep itu di Dewan Perwakilan Dunia yang maha besar itu. Akan tetapi negara kita Sabah dan Sarawak sudahpun masuk ke dalam Malaysia hampir 20 tahun tetapi wakil daripada negara kita sendiri daripada Sabah dan Sarawak masih tidak boleh berpidato dalam bahasa ibunda iaitu Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara, masih mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris. Kita sangat malu, Tuan Yang di-Pertua, sedangkan tarikh kita mahu menghapuskan bahasa Inggeris dan menjadi bahasa rasmi Dewan ini dengan Bahasa Malaysia ialah 10 tahun selepas negara itu masuk dalam Malaysia. Kalau bermula tahun 1963 ertinya tamat tempoh pada 1973, sekarang sudah masuk 1983, sudah 20 tahun. Malangnya, masih kita benarkan Ahli Dewan berucap dalam bahasa Inggeris, haruslah segala kesalahan ini agaknya dengan sebab kebenaran. Saya menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak berlaku lagi dalam mesyuarat-mesyuarat Dewan yang akan datang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 3 minit lagi.

Tan Sri Datuk Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti perintah Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka memuji khidmat pegawai-pegawai Kerajaan kita, sebab saya mungkin besok tak boleh bercakap lagi.

Saya mengucapkan kepada semua kakitangan Kerajaan, kepada semua pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang sudah menjalankan pekerjaannya cukup baik. Sebab, kita ada tiga peringkat. Pertama ialah yang membuat undang-undang, termasuk saya seorang daripadanya, Tuan Yang di-Pertua bersama dan Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat. Yang keduanya yang menjalankan undang-undang dan segala peraturan negara ialah kakitangan Kerajaan termasuk pasukan tentera dan pasukan keselamatan.

Yang ketiga yang mentafsirkan undang-undang. Jadi kepada mereka itu semua, oleh kerana negara kita akan menghadapi pilihanraya, tetapi Dewan ini tidak akan bubar, cuma ahlinya sahaja bertukar ganti menyatakan terima kasih kepada semua kakitangan Kerajaan yang telah berkhidmat dengan baik. Tetapi satu saya mohon, supaya dipertimbangkan oleh mereka dalam masa kita menghadapi pilihanraya ini tolonglah longgarkan sedikit. Apa benda yang sedikit longgar? Longgar sedikit sahajalah. Kalau action-action is not to be taken kalau langkah hendak diambil biarlah lambat sedikit, sehingga habis pilihanraya. Dengan tujuan itu tuan-tuan sama-sama mendoakan Barisan Nasional ini diterima oleh semua orang dan oleh pihak Pembangkang, janganlah pada masa dekat pilhanraya ini umpamanya, pihak BSN tangkap Menteri itu, suspend atau belok orang itu dan akan merosakkan kemenangan kita dalam pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah permohonan saya kepada Dewan ini. Selain daripada itu saya hendak bercakap sedikit. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tak boleh lagi, masa sudah cukup.

Tan Sri Datuk Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan

berbanyak terima kasih dan saya tamatkan ucapan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan

sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 23hb Mac, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.